

Hari Rabu
7 Jun 1995

NEGERI TERENGGANU

PENYATA RASMI DEWAN UNDANGAN NEGERI YANG KESEMBILAN PENGGAL PERSIDANGAN YANG PERTAMA

**Persidangan Kali Yang Pertama
Pada 4 - 7 Jun 1995**

Dikeluarkan oleh:-

**Pejabat Dewan Undangan Negeri
Terengganu.**

DENGAN INGATAN TULUS IKHLAS

dari pada:-

**Setiausaha
Dewan Undangan Negeri
Terengganu**

7 Jun 1995

KANDUNGAN

1. Nama Ahli-ahli [Muka 115]
2. Soalan-soalan Yang Telah Diberi Notis [Muka 119]
3. Usul-usul Yang Telah Diberi Notis:
 1. Merakam dan Merafakkan Sembah Ucapan Penghargaan dan Menjunjung Kasih Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan. [Muka 146]
 2. Tambahan Peruntukan Yang Pertama Daripada Kumpulanwang Pembangunan Untuk Perbelanjaan Rancangan Kemajuan Negeri Tahun 1995. [Muka 177]
 3. Jawatankuasa Hak Dan Kebebasan Dewan Undangan Negeri. [Muka 179]
 4. Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negeri [Muka 180]

[BERSAMBUNG]

7 Jun 1995

5. Rang Undang-Undang:

1. Enakmen Perbekalan Tambahan 1995 (No.1) 1995. [Muka 181]
 2. Enakmen Pendaftaran Kerbau/Lembu 1995. [Muka 185]
 3. Enakmen Peruntukan Di Raja (Pindaan) 1995. [Muka 197]
6. Tangguhan. [Muka 199]

7 Jun 1995

**DEWAN UNDANGAN NEGERI MULAI BERSIDANG PADA PUKUL
9.30 PAGI.**

HADIR

YANG AMAT BERHORMAT MENTERI BESAR TERENGGANU
Dato' Seri Amar Di Raja, (Tan Sri Haji Wan Mokhtar bin Ahmad)
SSMT.,PSM.,SPMT.,DA.,DPMJ.,KMN.,JP.,PJK.,
WAKIL CUKAI.

Yang Berhormat Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah,
DSMT.,DPMT.,JSM.,PJC.,PJK.
WAKIL SEBERANG TAKIR.

Yang Berhormat Dato' Dr. Mohd Yusof bin Haji Mohd Noor,
SPMT.,DSSA.,JMN.,PPT.,
WAKIL KAMPUNG RAJA.

Yang Berhormat Dato' Haji Mamat Ghazalee bin Abdul Rahman,
DPMT.,ASM.,PJK.,
WAKIL LANGKAP.

Yang Berhormat Dato' Aziz @ Ibrahim bin Awang,
DPMT.,PJK.,
WAKIL SURA.

Yang Berhormat Encik Ahmad bin Said, PJK.
WAKIL KIJAL.

Yang Berhormat Mulia Tengku Putera bin Tengku Awang,
WAKIL TELEMONG.

Yang Berhormat Dato' Dr. Abdul Latiff bin Awang,
DPMT.,PPT.,PJK.,
WAKIL BUKIT PAYUNG.

Yang Berhormat Encik Wong Foon Meng,
WAKIL BANDAR.

7 Jun 1995

Yang Berhormat Dato' Haji Wan Zakaria bin Abdul Rahman,
DPMT.,ASM.,PJC.,PJK.,PPN.,
WAKIL KUALA BESUT.

Yang Berhormat Dato' Haji Muda bin Mamat,
DPMT.,PJK.,PPN.,
WAKIL PENGKALAN BERANGAN.

Yang Berhormat Dr. Abdul Wahab bin Ngah, SMT.,
WAKIL BATU RAKIT.

Yang Berhormat Haji Harun bin Hassan,
AMT.,AMN.,PJK.,
WAKIL AIR PUTIH.

Yang Berhormat Haji Mohamad @ Abu Bakar bin Ali,
AMT.,AMN.,PJK.,
WAKIL KEMASIK.

Yang Berhormat Haji Awang bin Abdul Jabar,
ASM.,SMT.,AMN.,PJK.,
WAKIL BUKIT BESI.

Yang Berhormat Encik Othman bin Daud, PJC.
WAKIL TANGGOL.

Yang Berhormat Haji Idris bin Mamat,
WAKIL JERTIH.

Yang Berhormat Haji Roslan bin Awang Chik,
WAKIL LADANG.

Yang Berhormat Encik Mohd Jidin bin Shafee,
WAKIL PERMAISURI.

Yang Berhormat Haji Mohamad bin Abu Bakar,
WAKIL BUKIT TUNGGAL.

Yang Berhormat Haji Shafie bin Daud, PJK.,
WAKIL RANTAU ABANG.

7 Jun 1995

Yang Berhormat Encik Mohd Lukman bin Muda,
WAKIL JABI.

Yang Berhormat Haji Ibrahim bin Yusof,
WAKIL KUALA BERANG.

Yang Berhormat Tuan Yaakub bin Abdul Kadir,
WAKIL HULU BESUT.

Yang Berhormat Haji Harun bin Taib,
WAKIL MANIR.

Yang Berhormat Haji Wan Abdul Muttalib bin Embong,
WAKIL BATU BUROK.

Yang Berhormat Haji Mohd Abdul Wahid bin Haji Endut,
WAKIL WAKAF MEMPELAM.

Yang Berhormat Haji Abu Bakar bin Abdullah,
WAKIL TEPUH.

Yang Berhormat Encik Yahaya bin Ali,
WAKIL ALUR LIMBAT.

Yang Berhormat Haji Ismail bin Mamat,
WAKIL TELUK PASU.

HADIR menurut Fasal XIII(3) Undang-Undang Bagi Diri
Kerajaan Terengganu (Bab Yang Pertama):

YANG BERHORMAT SETIAUSAHA KERAJAAN
Dato' Seri Dato' Lela Perkasa,
(Dato' Seri Mohd Azahar bin Othman),
SSMT.,SPMT.,PJC.,PJK.,BLB.

YANG BERHORMAT PENASIHAT UNDANG-UNDANG NEGERI
Encik Idrus bin Harun.

7 Jun 1995

YANG BERHORMAT PEGAWAI KEWANGAN NEGERI
Dato' Senara Muda (Dato' Haji Mazlan bin Hashim),
DPMT.,ASM.,PJC.,PJK.,BLB.

SETIAUSAHA DEWAN UNDANGAN NEGERI
Encik Osman bin Muda
(Pegawai Tadbir Negeri Terengganu)

TIDAK HADIR

Yang Berhormat Haji Abdul Hadi bin Haji Awang,
WAKIL RHU RENDANG.

7 Jun 1995

PUKUL 9.30 PAGI

YANG BERHORMAT MULIA DATO' YANG DI-PERTUA: Ahli-ahli Yang Berhormat sekaian, assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Mesyuarat disambung semula.

Saya mempersilakan Yang Berhormat Wakil Manir.

YANG BERHORMAT HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Berhormat Mulia Dato' Yang di-Pertua, soalan pertama -

Berapa orangkah jumlah jemaah haji dari negeri ini yang telah menunaikan fardhu haji sebelum tarikh Pilihanraya Umum baru-baru ini.

YANG BERHORMAT DATO' DR. HAJI MOHD YUSOF BIN HAJI MOHD NOOR (Wakil Kampung Raja): Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, sepanjang pengetahuan Kerajaan Barisan Nasional tidak ada, malah tidak boleh jemaah haji yang menunaikan haji sebelum tarikh Pilihanraya Umum baru-baru ini.

YANG BERHORMAT HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Tidak berapa terang tadi.

YANG BERHORMAT DATO' DR. HAJI MOHD YUSOF BIN HAJI MOHD NOOR (Wakil Kampung Raja): Dato' Yang di-Pertua, pada pengetahuan Kerajaan Barisan Nasional tidak ada, malah tidak boleh jemaah haji menunaikan haji sebelum tarikh Pilihanraya Umum baru-baru ini.

YANG BERHORMAT HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Berhormat Mulia Dato' Yang di-Pertua, soalan kedua -

Sila nyatakan matlamat penubuhan Syarikat Wadi milik PMINT dan prestasinya dalam mengendalikan industri ternakan.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MAMAT GHAZALEE BIN ABDUL RAHMAN (Wakil Langkap): Yang Berhormat Mulia Dato' Yang di-Pertua, pada menjawab soalan ini, suka saya menyatakan bahawa Wadi bukan sebuah syarikat yang dimiliki oleh Perbadanan Memajukan Iktisad Negeri Terengganu sebagaimana yang ditanyakan oleh Ahli Yang Berhormat itu tetapi Wadi adalah merupakan sebuah Syarikat Sendirian Berhad yang dimiliki sepenuhnya pada masa ini oleh pihak swasta. Terima kasih, Dato' Yang di-Pertua.

7 Jun 1995

YANG BERHORMAT MULIA DATO' YANG DI-PERTUA: Sekarang saya mempersila Yang Berhormat Wakil Batu Burok.

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Soalan yang pertama -

Apakah perkara-perkara yang menghalang pihak berkuasa memasang lampu isyarat di Simpang Empat Chendering.

YANG BERHORMAT ENCIK AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Mulia Dato' Yang di-Pertua, tidak ada apa-apa halangan bagi kerajaan untuk memasang lampu isyarat di simpang Chendering malah di mana-mana persimpangan sekalipun. Perkara yang menjadi pertimbangan utama kepada kerajaan ialah sama ada pemasangan lampu isyarat itu diperlukan untuk mengatasi masalah kesesakan di sesuatu kawasan. Jika lampu isyarat dipasang di persimpangan seperti di Chendering di mana jalan utamanya adalah merupakan jalan persekutuan dan jalan yang menjadi persimpangan ke pelabuhan dan ke Kampung Laut/Bukit Payung yang mana kegunaan jalan tersebut tidaklah begitu sibuk. Tujuan sesuatu jalan dinaikkan tarafnya adalah untuk mempercepatkan perjalanan di samping mengurangkan kesesakan. Jika lampu isyarat dipasang di persimpangan yang tidak memerlukannya ianya merupakan satu halangan yang boleh melambatkan perjalanan dan ini bukanlah satu prinsip yang digalakkan oleh Pihak Berkuasa Lalulintas dan Perancangan Jalan.

Walau bagaimanapun, MPKT bersama dengan jabatan-jabatan lain yang terlibat sedang membuat kajian bagi mengenalpasti persimpangan tersebut dan beberapa persimpangan lain di atas keperluan memasang lampu isyarat. Sekian, terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Soalan tambahan, Dato' Yang di-Pertua - Tidakkah soal-soal keselamatan diambil kira?

YANG BERHORMAT ENCIK AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, persoalan keselamatan memang diambil kira dalam perancangan.

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Soalan tambahan, Dato' Yang di-Pertua - Kalaulah soalan keselamatan diambil kira, adakah Kerajaan sedar sudah berlaku beberapa kemalangan maut akibat ketidakaaran di persimpangan itu.

YANG BERHORMAT ENCIK AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, kemalangan maut bukan sahaja menyebabkan persimpangan jalan tetapi kadangkala akibat kecuaian pemandu itu sendiri.

7 Jun 1995

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Soalan tambahan, ini jawapan yang tidak memberi asas. Saya kata adakah Kerajaan sedar bahawa akibat tidak ada kawalan di persimpangan itu telah berlaku banyak kemalangan maut.

YANG BERHORMAT ENCIK AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, sebagaimana saya jelaskan, kajian telahpun dibuat. Ini bermakna Kerajaan sedar, kalau tidak Kerajaan tidak buat kajian.

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Soalan kedua, Dato' Yang di-Pertua -

Apakah rancangan pembangunan Kerajaan di Lagun Kuala Ibai dan berapakah jumlah yang dibelanjakan sehingga hari ini di bawah peruntukan yang telah diluluskan.

YANG BERHORMAT DATO' AZIZ @ IBRAHIM BIN AWANG (Wakil Sura): Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, perancangan Kerajaan di Lagun Kuala Ibai adalah untuk mewujudkan kawasan rekreasi. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Ya, tidak ada rancangan pembangunan lain?

YANG BERHORMAT DATO' AZIZ @ IBRAHIM BIN AWANG (Wakil Sura): Dato' Yang di-Pertua, yang lain-lain itu mungkin kita akan membuat restoran untuk kemudahan orang datang dan di muara Kuala Ibai itu sesuai untuk dibuatkan marina, mungkin kita buat marina. Setakat ini belum ada lagilah kos-kos yang telah ditetapkan dan tidak adalah nak buat pangsa-puri/kondominium itu, tidak adalah, itu cakap-cakap angin sajalah, Dato' Yang di-Pertua, terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Soalan tambahan Dato' Yang di-Pertua - Adakah benar bahawa usaha sedang dijalankan untuk meluluskan satu projek pangaspuri mewah?

YANG BERHORMAT DATO' AZIZ @ IBRAHIM BIN AWANG (Wakil Sura): Dato' Yang di-Pertua, ada cadangan tetapi Kerajaan tolak.

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Soalan ketiga -

7 Jun 1995

Apakah usaha yang telah, sedang dan akan diambil oleh Kerajaan bagi mengatasi pencemaran, tekanan rendah dan putus bekalan air bersih oleh Jabatan Bekalan Air.

YANG BERHORMAT ENCIK WONG FOON MENG (Wakil Bandar): Yang Berhormat Mulia Dato' Yang di-Pertua, dalam menjawab soalan ini, sukacita saya menyatakan bahawa Kerajaan melalui Jabatan Bekalan Air dan juga jabatan-jabatan lain yang berkaitan memang sentiasa berusaha untuk mengawalselia dan mengatasi masalah pencemaran, tekanan rendah dan putus bekalan air bersih.

Dari segi masalah pencemaran, Jabatan Bekalan Air dan Jabatan Kesihatan dengan kerjasama Jabatan Kimia mempunyai program pengawasan dan ujian ke atas contoh-contoh air yang komprehensif dan ketat. Sebarang pelanggaran ke atas parameter-parameter tertentu akan diambil tindakan siasatan oleh jabatan-jabatan berkenaan dan seterusnya tindakan pemulihan dengan segera akan diambil.

Pihak Kementerian Kesihatan telah juga melancarkan satu program yang dipanggil 'Program Jaminan Kualiti' ataupun dengan izin Yang Berhormat Mulia Dato' Yang di-Pertua 'Quality Assurance Programme' pada Disember 1992 untuk mengawal dan memastikan mutu air minum kita berada pada tahap yang boleh diterima. Dan daripada Laporan tahun 1994 bagi ketiga-tiga parameter yang dibuat oleh Kementerian Kesihatan kita dapatti bahawa mutu air bagi Negeri Terengganu adalah pada tahap yang amat baik.

Bagi masalah tekanan rendah, masalah tekanan rendah ini biasanya berlaku disebabkan oleh paip penghantaran air ke sesuatu kawasan itu tidak sanggup lagi menampung permintaan air di kawasan berkenaan. Pada masa sekarang di seluruh negeri, pihak Jabatan Bekalan Air telahpun mengenalpasti lapan (8) kawasan utama dan sekitar kawasan-kawasan tersebut yang menghadapi masalah tekanan rendah sepanjang masa. Untuk kesemua kawasan ini, projek-projek pemasangan paip baru telah, sedang dan akan dilaksanakan. Apabila siapnya projek-projek baru ini, masalah tekanan rendah di kawasan berkenaan akan dapat diatasi.

Dan dari segi masalah putus bekalan air, sukacita saya memberi penjelasan di sini bahawa masalah putus bekalan air ini biasanya disebabkan oleh:-

- i) kerja-kerja sambungan paip baru dan
- ii) paip lama yang sering pecah.

Gangguan air disebabkan oleh kerja-kerja sambungan paip baru adalah tidak dapat dielakkan kerana banyak pembangunan yang sedang dilaksanakan. Untuk mengurangkan gangguan ini, kadangkala kerja-kerja dijalankan pada waktu malam. Walau bagaimanapun, gangguan ini

7 Jun 1995

berjadual dan boleh dirancang dan pengguna-pengguna air biasanya diberitahu tentang gangguan sekurang-kurangnya satu hari melalui sama ada radio ataupun melalui notis.

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Soalan tambahan Dato' Yang di-Pertua - Sejak 'Quality Assurance Programme' diperkenalkan pada tahun 1992, bilakah Kerajaan dapat pengesahan bahawa kualiti air minum 'domestic water supply' adalah dalam paras yang baik?

YANG BERHORMAT ENCIK WONG FOON MENG (Wakil Bandar): Yang Berhormat Mulia Dato' Yang di-Pertua, sebagaimana saya menjelaskan tadi bahawa Kementerian Kesihatan dari masa ke semasa akan menjalankan program tersebut dan setakat ini untuk memastikan bahawa kualiti air ini sentiasa berada pada tahap yang baik pada setiap proses rawatan air ini pihak Kementerian menjalankan ataupun mengambil contoh-contoh di setiap tahap daripada loji rawatan air sehingga ke paip air di rumah kita untuk memastikan kualiti ini tidak melebihi tahap-tahap yang telahpun ditetapkan.

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Penjelasan Dato' Yang di-Pertua - Saya tanya bila perakuan diperolehi oleh Jabatan Kesihatan?

YANG BERHORMAT ENCIK WONG FOON MENG (Wakil Bandar): Yang Berhormat Mulia Dato' Yang di-Pertua, Program Kualiti Insuran ini telahpun dibuat dan tahap yang kita dapat sehingga hari ini untuk bekalan air di Negeri Terengganu adalah berada dalam paras yang baik dan pengakuan ini boleh dikatakan bahawa ia bermula daripada semasa kita menjalankan program ini.

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Soalan tambahan Dato' Yang di-Pertua - Saya bukan mahu daripada masa ke semasa. Saya tanyanya bilakah perakuan. Maknanya dengan izin, Dato' Yang di-Pertua 'when was the certificate issued to certified that the water was pure'?

YANG BERHORMAT ENCIK WONG FOON MENG (Wakil Bandar): Yang Berhormat Mulia Dato' Yang di-Pertua, apabila kajian dijalankan, ataupun program ini dijalankan maka satu keputusan ke atas analisa tadi dibuat dan sebagaimana yang saya nyatakan tadi bahawa laporan yang dibuat pada tahun 1994 tadi menunjukkan pada tahap yang baik. Maka pengakuan ataupun jaminan tentang tahap tadi bermula daripada tahun 1994.

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Adakah Kerajaan sedar bahawa sampai hari ini bahawa pertukaran warna berlaku dalam air dan bukan sahaja tahun 1994, dari tahun 1992 sampai hari ini. Kalau waktu pagi, kita buka paip masih lagi terlihat perubahan warna pada air bekalan di rumah.

7 Jun 1995

YANG BERHORMAT ENCIK WONG FOON MENG (Wakil Bandar): Yang Berhormat Mulia Dato' Yang di-Pertua, sebagaimana saya telahpun jelaskan tadi bahawa Jabatan Bekalan Air sentiasa mengawasi keadaan kualiti air ini. Daripada tahap di mana air disedut daripada sungai sehingga dirawat di loji rawatan sehingga ke tahap bekalan ke rumah kita, pihak jabatan telah membuat pengawasan dan sekiranya terdapat air-air yang kotor ataupun warna yang berlainan maka tindakan segera akan diambil oleh jabatan berkenaan.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Soalan tambahan Dato' Yang di-Pertua - Berhubung dengan putus bekalan air bersih kerana paip air pecah, berapa kawasan yang telah dikenalpasti paip yang selalu pecah ini kerana paipnya terlampau lama dan tidak ditukar.

YANG BERHORMAT ENCIK WONG FOON MENG (Wakil Bandar): Yang Berhormat Mulia Dato' Yang di-Pertua, berkaitan dengan jumlah kejadian paip mana yang pecah itu saya ingin mohon notis.

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Dato' Yang di-Pertua, soalan tambahan - Ekoran daripada soalan saya tadi, Yang Berhormat Wakil Bandar mengatakan bahawa perakuan telahpun diperolehi; yang pertama saya minta bila perakuan itu diberi. Yang kedua, adakah perakuan itu akibat daripada paip lama ataupun pemerosesan air yang tidak sempurna dilaksanakan?

YANG BERHORMAT ENCIK WONG FOON MENG (Wakil Bandar): Yang Berhormat Mulia Dato' Yang di-Pertua, perakuan ke atas kajian yang dijalankan oleh pihak Kementerian Kesihatan pada tahun 1994 menunjukkan bekalan air di Negeri Terengganu kita berada di tahap yang baik. Jadi masalah paip pecah ataupun sebagaimana yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Wakil Batu Burok tadi adalah tidak kena mengena dengan kajian yang telahpun dijalankan.

YANG BERHORMAT MULIA DATO' YANG DI-PERTUA: Sekarang saya mempersilakan Wakil Rhu Rendang.

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Yang Berhormat Mulia Dato' Yang di-Pertua, Wakil Rhu Rendang terpaksa menghadiri Sumpah Parlimen hari ini, saya mewakilinya, soalan yang pertama -

Sila nyatakan pulau-pulau di perairan Terengganu yang telah diwartakan sebagai Taman Laut dan apakah faedah yang diperolehi daripadanya.

7 Jun 1995

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MAMAT GHAZALEE BIN ABDUL RAHMAN (Wakil Langkap): Yang Berhormat Mulia Dato' Yang di-Pertua, terima kasih. Yang Berhormat Mulia Dato' Yang di-Pertua, pada menjawab soalan ini suka saya menyatakan bahawa setakat ini sebanyak 9 buah pulau di perairan Terengganu telahpun diwartakan sebagai Taman Laut Malaysia pada tarikh 15 Disember 1994. Pulau-pulau tersebut adalah seperti berikut:-

Pulau Susu Dara
(ada yang minat dengan pulau ini, Dato' Yang di-Pertua)
Pulau Perhentian Besar
Pulau Perhentian Kecil
Pulau Redang
Pulau Pinang
Pulau Lima
Pulau Ekor Tebu
Pulau Lang Tengah, dan
Pulau Kapas.

Kawasan taman laut adalah 2 batu nautika dari tikas air surut kecuali Pulau Kapas iaitu 1 batu nautika dari tikas air surut.

Untuk menjawab apakah faedah yang diperolehi daripada langkah mewujudkan Taman Laut ini, suka saya menyatakan bahawa faedah-faedah penubuhan Taman Laut adalah seperti berikut:-

1. Ekosistem semulajadi hidupan laut dikekalkan.
2. Zon yang telah musnah akibat eksploitasi yang berlebihan akan dibaikpulihkan.
3. Spesis hidupan laut yang terancam dapat dilindungi.
4. Peluang pendidikan dan penyelidikan mengenai sains lautan dapat dipertingkatkan.
5. Peluang rekreasi yang lebih selamat dan teratur dapat dinikmati oleh para pelawat.

Pendek kata, Yang Berhormat Mulia Dato' Yang di-Pertua, faedah akan diperolehi daripada langkah ini adalah faedah bagi alam itu sendiri, bagi ikan dan juga bagi manusia. Terima kasih, Dato' Yang di-Pertua.

7 Jun 1995

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk):
Soalan tambahan, Dato' Yang di-Pertua - Apakah usaha kawalan keselamatan taman-taman laut ini diambil oleh Kerajaan.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MAMAT GHAZALEE BIN ABDUL RAHMAN (Wakil Langkap): Yang Berhormat Mulia Dato' Yang di-Pertua, tanggungjawab untuk penyeliaan pengurusan kawalan kuatkuasa undang-undang bersabit dengan Taman Laut ini adalah terletak kepada Jabatan Perikanan dan Jabatan ini mempunyai langkah-langkah dan juga logistik bagi mengawal, mengurus dan seterusnya itu dan mempastikan bahawa Taman Laut akan dapat diuruskan dan dikawal dengan sebaik-baiknya, insya-Allah.

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok):
Sejak ianya diwartakan adakah Kerajaan mendapati apa-apa pencabulan di atas keselamatan?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MAMAT GHAZALEE BIN ABDUL RAHMAN (Wakil Langkap): Yang Berhormat Mulia Dato' Yang di-Pertua, pada menjawab soalan ini memanglah terdapat kegiatan-kegiatan yang mencabul sebagaimana dimaksudkan itu ataupun melanggar undang-undang melalui kegiatan-kegiatan di kawasan-kawasan berkenaan penguatkuasaan sentiasa dilaksanakan, akan ditingkatkan lagi pada masa yang akan datang tetapi yang penting Yang Berhormat Mulia Dato' Yang di-Pertua kita mengharapkan bahawa semua golongan akan memahami dan menghargai langkah-langkah yang dibuat oleh Kerajaan untuk menjaga Taman Laut ini untuk faedah mereka pada masa yang akan datang terutamanya dalam jangka panjang. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok):
Soalan tambahan, Dato' Yang di-Pertua - Adakah pencabulan ini datang daripada nelayan, ataupun daripada pemaju-pemaju pelancongan?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MAMAT GHAZALEE BIN ABDUL RAHMAN (Wakil Langkap): Yang Berhormat Mulia Dato' Yang di-Pertua setengah-setengahnya daripada nelayan sendiri, setengah-setengahnya ada juga pemaju-pemaju pelancongan yang dikatakan menyebabkan sedikit sebanyak kerosakan ataupun mendatangkan akibat negatif kepada Taman Laut. Tetapi pada masa ini saya suka meyakinkan bahawa semua keadaan terkawal sama ada pencabulan daripada nelayan mahupun apa-apa kegiatan yang negatif daripada pemaju-pemaju pelancongan.

Yang Berhormat Mulia Dato' Yang di-Pertua, saya suka menyatakan bahawa kita sangat-sangat berharap manusia dan kegiatan-kegiatan perniagaannya dan kegiatan-kegiatan ekonominya akan dapat menghormati tujuan dan penubuhan Taman Laut ini dan mengambil sikap untuk hadir bersama atau dengan perkataan lain, dengan izin Dato' Yang di-Pertua 'to co-exist' dengan alam semulajadi, yakni Taman Laut ini. Terima kasih.

7 Jun 1995

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Soalan tambahan, Dato' Yang di-Pertua - Adakah pembuangan sisaan kotoran yang berlaku baru-baru ini juga melibatkan keselamatan Taman Laut ini.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MAMAT GHAZALEE BIN ABDUL RAHMAN (Wakil Langkap): Yang Berhormat Mulia Dato' Yang di-Pertua, keselamatan perbuatan yang sedemikian kalau tidak terkawal sudah tentu akan mendatangkan akibat yang tidak baik kepada Taman Laut tetapi kegiatan yang sedemikian jika dibendung sudah tentulah akan dapat menghindarkan akibat yang tidak baik itu. Oleh kerana itu kita berharap pihak penguatkuasa yang berkenaan akan dapat mempertingkatkan langkah-langkah untuk mencegah pembuangan sisa-sisa minyak daripada kapal-kapal antarabangsa. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Dato' Yang di-Pertua, penjelasan - Soalan saya bukan soalan umum tetapi saya katakan pembuangan sisaan baru-baru ini yang beberapa buah kapal telahpun ditangkap melibatkan keselamatan Taman Laut ini.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MAMAT GHAZALEE BIN ABDUL RAHMAN (Wakil Langkap): Yang Berhormat Mulia Dato' Yang di-Pertua, saya tidak pasti untuk menjawab soalan itu. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Soalan kedua, Dato' Yang di-Pertua -

Sila namakan bandar-bandar baru yang akan diwujudkan oleh kerajaan di seluruh Negeri Terengganu.

YANG BERHORMAT ENCIK AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Yang Berhormat Mulia Dato' Yang di-Pertua, saya duduk intai juga Wakil Rhu Rendang lepas ke mana ini. Barangkali rumah dua, barangkali. Untuk menjawab soalan tersebut, tidak ada lagi bandar-bandar baru yang akan diwujudkan. Kerajaan masih lagi di dalam kajian untuk mewujudkan bandar-bandar baru tersebut.

YANG BERHORMAT MULIA DATO' YANG DI-PERTUA: Sekarang saya mempersilakan Wakil Wakaf Mempelam.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, soalan yang pertama -

Apakah usaha Kerajaan untuk mengatasi masalah bandar yang kotor dan membaiki sistem kutipan dan pelupusan sampah di negeri ini.

YANG BERHORMAT ENCIK AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Yang Berhormat Mulia Dato' Yang di-Pertua -

- i) Unit Perancang Ekonomi Jabatan Perdana Menteri telahpun memutuskan supaya penswastaan sisa pepejal dibuat secara keseluruhan sebagai satu projek meliputi seluruh negara sebagaimana yang dilaksanakan dalam penswastaan projek pembetungan seluruh negara. Keputusan ini adalah berdasarkan kepada pertimbangan bahawa pendekatan ini mempunyai banyak kelebihannya berbanding dengan penswastaan yang dilaksanakan secara berasingan oleh setiap Kerajaan Negeri. Ianya termasuklah di dalam penjimatkan kos, pengurusan cekap dan dapat mengurangkan beban kewangan yang akan ditanggung.
- ii) Penambahan jentera-jentera yang berkaitan dengan pungutan sampah, menambah tong-tong sampah di samping memberi kursus-kursus bagi meningkatkan produktiviti unit kebersihan di Pihakberkuasa Tempatan.
- iii) Di samping memberi kesedaran kepada orang ramai betapa pentingnya untuk menjaga kebersihan bersama dan tidak membuang sampah sesuka hati.
- iv) Berusaha mengubah sikap masyarakat dengan menjadikan bersih dan indah sebagai satu budaya hidup dengan adanya kursus-kursus kesedaran dan lain-lain lagi.

Sekian, terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Soalan tambahan, Dato' Yang di-Pertua - Adakah Kerajaan telahpun membuat kajian dan mengenalpasti tempat pelupusan sampah yang lebih sesuai daripada apa yang ada sekarang ini.

YANG BERHORMAT ENCIK AHMAD BIN SAID (Wakil Kijai): Yang Berhormat Mulia Dato' Yang di-Pertua, kajian telahpun dibuat.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Adakah dikenalpasti tempat yang disebutkan itu?

YANG BERHORMAT ENCIK AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Keputusan muktamad belum lagi diperolehi.

7 Jun 1995

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Soalan tambahan, Dato' Yang di-Pertua - Adakah Incinerator yang berada di Gong Badak itu telah berfungsi dengan sepenuhnya?

YANG BERHORMAT ENCIK AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Yang Berhormat Mulia Dato' Yang di-Pertua, Incinerator tersebut telahpun berfungsi.

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Soalan tambahan, Dato' Yang di-Pertua - Di atas dan perakuan mana Kerajaan memutuskan untuk melonggak dan membuang, melupuskan sampah-sampah dan kotoran di Gong Badak dan di Wakaf Tok Keh, Chendering?

YANG BERHORMAT ENCIK AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Semula

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): ... Di atas perakuan mana dan kelulusan jabatan mana bahawa pelupusan sampah-sampah dan kotoran dibuat di Gong Badak dan di Wakaf Tok Keh, Chendering?

YANG BERHORMAT ENCIK AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Yang Berhormat Mulia Dato' Yang di-Pertua - MPKT.

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): MPKT, Dato' Yang di-Pertua bukan badan yang boleh memberi perakuan - yang tukang 'tohok' MPKT ini.

YANG BERHORMAT ENCIK AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Yang Berhormat Mulia Dato' Yang di-Pertua, sebab itu kerja-kerja dia. Dia yang urus, dia yang perakukan dekat mana dia hendak buat, apa hendak salah dekat dia pulak. Dia tukang angkut sampah, dia hendak letak dekat dia, dia letak dekat situ dulu, bahagian dialah tu, perakuan dialah tu.

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Yang Berhormat Mulia Dato' Yang di-Pertua, kalau jawab lagu tolol lagu ini susah. Dia ambil, angkut sampah tohok merata-riti kerja dia

YANG BERHORMAT ENCIK AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): ... Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, kalau jawapan tolol, orang tanya, tolol. Minta tarik balik tolol itu.

YANG BERHORMAT MULIA DATO' YANG DI-PERTUA: Tolol, ke Tok Molor, tak berapa dengar, bunyi macam Tok Molor ... (KETAWA)

7 Jun 1995

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Terboloh, terboloh. Tolol itu sebahagian terbololah maknanya.

YANG BERHORMAT MULIA DATO' YANG DI-PERTUA: Sila Yang Berhormat tarik balik perkataan yang tidak baik itu, tolol itu.

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Tolol, 'Un-Parliamentary is it'?

YANG BERHORMAT MULIA DATO' YANG DI-PERTUA: Un-Parliamentary.

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Saya tarik balik, kalau Un-Parliamentary. Soalan saya ...

YANG BERHORMAT MULIA DATO' YANG DI-PERTUA: Saya silap dengar, ingatkan Tok Molor. Tok Molor, sungai dekat rumah Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Saya harap Dato' Yang di-Pertua, EXCO ini jawab biar ada tertiblah. Memanglah MPKT ini kutip sampah dan hendak buang ikut suka dia itu, bukan jawapan Dato' Yang di-Pertua. Saya tanya dia sama ada telah dibuat kajian keselamatan kepada rakyat, kesihatan rakyat terlibat ataupun tidak. Kalau dia hendak jawab - Kita kutip sampah, kita campak di mana-mana suka, ini sesuai dah dengan jawapan tolol tadi, tapi saya tarik balik dah 'tolol' tadi. Jadi saya tanyanya, adakah perakuan yang diberi longgak dan lupuskan sampah di Wakaf Tok Keh, di Gong Badak yang menimbulkan reaksi tentang bantahan rakyat ini. Dia dapat perakuan selamat dari Jabatan-jabatan Alam Sekitar ke, Kesihatan ke, jawablah biar teratur. Ini kelau hendak jawab - dia pungut sampah, dia campak di mana-mana dia suka, ini bukan cara Dato' Yang di-Pertua. Terima kasih.

YANG BERHORMAT MULIA DATO' YANG DI-PERTUA: Yang Berhormat, soalan lain.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Yang Berhormat, soalan yang kedua -

Berapakah peruntukan untuk Program Rakan Muda bagi Negeri Terengganu untuk tahun 1995 dan 1996.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir): Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Mulia Dato' Yang di-Pertua, bagi tahun 1995, Kementerian Belia dan Sukan Malaysia telah memperuntukkan bagi Program

7 Jun 1995

Rakan Muda kepada Jabatan Belia Dan Sukan Negeri Terengganu seperti berikut:-

Peringkat Negeri	RM100,000.00
Peringkat Daerah (RM40,000.00 bagi setiap Daerah)	RM280,000.00

Terima kasih, Dato' Yang di-Pertua.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Soalan tambahan, Dato' Yang di-Pertua - Apakah bentuk dan cara perlaksanaan Program-program Rakan Muda yang dijalankan?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir): Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, sebenarnya program dan bentuk Rakan Muda ini banyak, jadi saya rasa ini memerlukan satu masa tertentu untuk memberi penerangan seperti yang kita ikuti bersama diumum secara meluas. Ia terdiri daripada berbagai-bagai lapangan - Rekreasi Rakan Muda, Senibudaya dan lain-lain lagi, Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua. Jadi saya rasa benda ini sudah menjadi pengetahuan umum tidaklah perlu rasanya bagi pihak Yang Berhormat Wakil Wakaf Mempelam bertanya, Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Soalan tambahan, Dato' Yang di-Pertua - Setelah Program Rakan Muda ini dijalankan pada pandangan Kerajaan sejauh manakah ianya dapat mengatasi masalah lepak dan maksiat yang berlaku di kalangan remaja?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir): Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, program ini baru sahaja dilancarkan iaitu bulan 10 tahun 1994 oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Harapan dan keyakinan kita kepada program ini untuk berjaya terlalu besar tetapi sehingga ini saya rasa tidaklah adil untuk membuat sebarang penilaian terhadap kemajuan dan prestasi program ini. Padalah, kalau boleh saya mengajak Yang Berhormat Wakil Wakaf Mempelam untuk sama-sama meyakini program ini. Terima kasih Dato' Yang di-Pertua.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Dato' Yang di-Pertua, soalan yang ketiga -

Sila sebutkan nama anak-anak Syarikat Perbadanan Memajukan Iktisad Negeri Terengganu (PMINT) yang telah dan akan diswastakan.

7 Jun 1995

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir):
Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, sehingga kini syarikat-syarikat anak PMINT yang telah diswastakan adalah seperti berikut:-

1. Pangkalan Bekalan Kemaman
2. Kumpulan Pengurusan Kayu Kayan Terengganu Sdn. Bhd.
3. PERMINT Plywood Sdn. Bhd.
4. PESAKA Terengganu Bhd.
5. PESAMA Timber Corporation Sdn. Bhd.
6. Usaha Desa.
7. Pesaka Wood.
8. KLRT (Marketing).

Dato' Yang di-Pertua.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Soalan tambahan, Dato' Yang di-Pertua - Berapakah ekuiti Kerajaan dalam syarikat-syarikat yang diswastakan tadi?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir):
Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, bagi kumpulan atau pakej Pangkalan Bekalan Kemaman, Kumpulan Pengurusan Kayu Kayan Terengganu Sdn. Bhd., PERMINT Plywood Sdn. Bhd., PESAKA Terengganu Bhd. PESAMA Timber Corporation Sdn. Bhd., Kerajaan iaitu PMINT mempunyai 40% ekuiti. Bagi Usaha Desa, Pesaka Wood, KLRT (Marketing) juga 40% yang dipegang oleh PMINT, Dato' Yang di-Pertua.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Soalan tambahan, Dato' Yang di-Pertua - Selain daripada itu apakah syarat-syarat lain yang dikenakan dalam penswastaan yang dilakukan itu?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir):
Dato' Yang di-Pertua, tidak ada syarat-syarat lain selain daripada syarat-syarat yang ditentukan bagi penswastaan biasa, Dato' Yang di-Pertua.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Soalan tambahan, Dato' Yang di-Pertua - Dalam penswastaan Pesama, anak syarikat SEDC, adakah ianya turut melibatkan konsesi balak yang saya difahamkan hampir 300,000 hektar?

7 Jun 1995

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir):
Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, kalau boleh saya minta diulang soalan itu, saya tidak berapa jelas, Dato' Yang di-Pertua.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Soalan saya Dato' Yang di-Pertua - Dalam penswastaan Syarikat Pesama, adakah ianya juga melibatkan konsesi balak kepada syarikat tersebut yang melibatkan hampir 300,000 hektar?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir):
Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua - Tidak termasuk.

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok):
Soalan tambahan, Dato' Yang di-Pertua - Apakah pulangan yang diperolehi oleh Kerajaan Negeri daripada penswastaan itu?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir):
Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, kalau boleh saya minta diulang?

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok):
Apakah pulangan yang diperolehi oleh Kerajaan Negeri daripada penswastaan itu?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir):
Dato' Yang di-Pertua, sebenarnya kalau mahu jawapan yang detail saya minta notis. Tapi boleh saya katakan sebahagian besar daripada exercise ini kita memegang majority share itu satu yang dapat kita sebutkan sebagai return ataupun pulangan. Selain daripada prospek daripada penswastaan itu sendiri seperti yang diharap-harapkan daripada rancangan yang seumpama ini, Dato' Yang di-Pertua.

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok):
Soalan tambahan, Dato' Yang di-Pertua - Selain daripada ekuiti 40% yang ianya milikan Kerajaan. Selain daripadka ekuiti 40%, apakah pulangan kepada Kerajaan?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir):
Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, seperti yang saya katakan tadi, ada pulangan lain tapi saya memerlukan notis untuk menyatakan berapa, berapa daripada segi kewangan yang kita perolehi daripada ekuiti yang kita pegang sebanyak 40% lagi masing-masing kumpulan yang saya sebutkan tadi.

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok):
Sebelum perinci jawapan melalui notis, bolehkah Kerajaan memberikan secara umumnya sahaja?

7 Jun 1995

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir): Yang Berhorinat Dato' Yang di-Pertua, perkara yang seumpama ini tidak bolehlah disebut secara umum, mestilah diberi secara terperinci. Kalau secara umum mungkin pentafsirannya akan berselisih faham, Dato' Yang di-Pertua.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Terima kasih.

YANG BERHORMAT MULIA DATO' YANG DI-PERTUA: Sekarang saya mempersilakan Wakil Tepuh.

YANG BERHORMAT HAJI ABU BAKAR BIN ABDULLAH (Wakil Tepuh): Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, soalan pertama -

Nyatakan apakah yang menyebabkan Kerajaan Negeri tidak memberi hak milik tanah secara kekal kepada peneroka-peneroka Felda Belara yang sudah menlaskan hutang-hutang mereka.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI TAN SRI MENTERI BESAR: Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, tidak benar Kerajaan tidak memberi Hakmilik. Kerajaan telah mengeluarkan hakmilik kepada peneroka-peneroka Felda Belara. Penyerahan geran telah dibuat kepada 204 orang peneroka pada 20.2.1992. Geran yang diserahkan ini telahpun selesai.

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Soalan tambahan, Dato' Yang di-Pertua - Soalannya Hakmilik Kekal bukannya tidak beri Hakmilik. Boleh Yang Amat Berhormat beri penjelasan?

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI TAN SRI MENTERI BESAR: Kita telah beri Hakmilik Kekallah - 99 Tahun.

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): 99 Tahun bukan Hakmilik Kekal, 'Lease Hold', 'Lease' bukan Kekal.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI TAN SRI MENTERI BESAR: Yang Berhormatpun dah baca Kanun Tanah Negara dan sebagainya dan keputusan yang dibuat selaras dengan arahan-arahan ini dan keputusan telah dipersetujui oleh semua negeri bahawa tanah-tanah FELDA diberi 99 Tahun.

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Soalan tambahan, Dato' Yang di-Pertua - Adakah Kerajaan sedar bahawa Rancangan Kampung

7 Jun 1995

Rahmat, Kerajaan telah berjanji dengan rakyat akan memberi 'Hakmilik Kekal' bukannya 'Lease', adakah Kerajaan sedar?

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI TAN SRI MENTERI BESAR: Ini semasa dulu lagi, jadi Kerajaan telah selaraskan semua pemberian tanah dalam FELDA dan FELCRA dengan cara baru dengan iaitu Undang-undang Kanun Tanah Negara ini.

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Soalan tambahan, Dato' Yang di-Pertua - Soalan saya adakah Kerajaan sedar bahawa Kerajaan terikat dengan janji pertama dengan peneroka Kampung Rahmat iaitulah mereka akan diberi 'Hakmilik Kekal' bukannya 'Lease Hold', KRM dulunya, adakah Kerajaan sedar dan Kerajaan terikat dengan itu?

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI TAN SRI MENTERI BESAR: Apa yang diputuskan oleh pihak Kerajaan ialah 99 Tahun bagi semua rancangan. Jadi mana-mana yang terlibat kena diperbetulkan.

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Soalan tambahan, Dato' Yang di-Pertua - Soalan kena diperbetulkan itu soalan yang kedua, soalan sayanya adakah Kerajaan sedar bahawa bila Kerajaan menjemput dan meluluskan permohonan partisipasi ataupun penyertaan Kampung Rahmat ini Kerajaan berjanji dengan rakyat akan memberi Hakmilik Kekal bukannya 99 Tahun.

YANG BERHORMAT MULIA DATO' YANG DI-PERTUA: Yang Berhormat, boleh Yang Berhormat buat keluar satu statement yang bertulis mengatakan yang Kerajaan berjanji itu, ke cakap-cakap saja?

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Saya ada.

YANG BERHORMAT MULIA DATO' YANG DI-PERTUA: Saya tidak berjumpa lagi, kerana sayapun lama jugak berkenaan dengan tanah ini.

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Saya ada surat/document syarat-syarat kemasukan peserta, saya ada surat. Dan dengan izin kalau Dato' Yang di-Pertua mahu, saya akan kemukakan kepada Dewan ini, insya-Allah.

YANG BERHORMAT MULIA DATO' YANG DI-PERTUA: Dia pemberian tanah zaman dulu ada mengatakan selagi ada bulan dan bintang tanah itu milik kita tapi akhirnya dipinda kepada ...

7 Jun 1995

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): ... Itu tanah kecil saja, Dato' Yang di-Pertua, yang selagi ada bulan dan bintang itu tanah kecil saja, bukan tanah yang luas.

YANG BERHORMAT MULIA DATO' YANG DI-PERTUA: Ini saya difahamkan bahawa tanah yang diberimilik itu tanah Pertanian yang dipanggil Kekal ini 99 Tahunlah.

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Ya, tanah Pertanian dia ada syarat kemasukan dan saya boleh beri syarat-syarat kemasukan kalau sekiranya Yang Berhormat

YANG BERHORMAT MULIA DATO' YANG DI-PERTUA: Kalau Yang Berhormat boleh itu, hendak tengok dekat mana Kerajaan berjanji hendak beri Kekal saya tidak berjumpa lagi, kita hendak tengok itu supaya kita boleh semak betul-betul. Jadi soalan yang kita ini kita rasa biar bertanggungjawab

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MAMAT GHAZALEE BIN ABDUL RAHMAN (Wakil Langkap): Yang Berhormat Mulia Dato' Yang di-Pertua, saya tidak sedarpun perkara ini ada jadi isu di FELDA Kampung Rahmat. Tak ada isu dan sepanjang yang saya tahu Gerangan untuk sebahagian daripada peneroka-peneroka yang tidak ingkar itu sudahpun dikeluarkan dan diterima oleh peneroka-peneroka sendiri.

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Penjelasan, Dato' Yang di-Pertua, jika sekiranya pihak Kerajaan, ekoran daripada persoalan ini mahukah surat itu, saya bersedia untuk memberikan dan insya-Allah jawapan akan diberikan kepada Dewan masa depan, kalau itu kehendak Dewan.

YANG BERHORMAT MULIA DATO' YANG DI-PERTUA: Ya, saya hendak tengok itu.

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Begitu.

YANG BERHORMAT MULIA DATO' YANG DI-PERTUA: Ya.

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Soalan tambahan, Dato' Yang di-Pertua - Adakah Kerajaan di dalam mengeluarkan atau pun memberi Suratan Hakmilik peneroka-peneroka ini mendapati apa-apa masalah pengeluaran Hakmilik.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI TAN SRI MENTERI BESAR: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang saya jelaskan mana yang telah jelas semua kita beri kita hendak

7 Jun 1995

simpanpun takut hilang. Cuma ada pihak-pihak Pembangkang yang menghasut supaya jangan terima.

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Dato' Yang di-Pertua, saya minta tarik balik perkataan 'menghasut' melainkan Yang Amat Berhormat boleh membuktikan ada penghasutan. Ini suatu perkara tuduhan yang tidak betul dalam Dewan.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI TAN SRI MENTERI BESAR: Saya kata Parti Pembangkang menghasut sehingga sepatutnya satu ketika dalam FELDA Bukit Bading 200 orang, cuma yang datang iaitu 120 dan selepas diberi penjelasan orang yang menghasut ini tidak ada kena mengena, 'awak yang bayar duit, kalau awak yang tidak terima awak yang rugi bukan dia'. Jadi sebab itu saya terpaksa pergi kali yang kedua dan menyerah lagi 80.

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Dato' Yang di-Pertua, saya minta bantahan di atas perkataan 'menghasut' melainkan dapat dibuktikan kepada Dewan. Persoalan yang keduanya, apakah daripada selidikan yang dibuat oleh Kerajaan yang menjadikan sebahagian peneroka itu tidak mahu menerima Suratan Hakmilik. Apakah bukan hasutan, apakah alasan dan sebab bahawa sebahagian daripada peneroka tidak mahu menerima Hakmilik ini, apakah?

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI TAN SRI MENTERI BESAR: Sebabnya ialah supaya tanah ini diberi Kekal sedangkan kita sudah jelaskan kepada mereka.

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Adakah jawapan itu berdasarkan kepada fakta ataupun kepada andaian sahaja.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI TAN SRI MENTERI BESAR: Berasaskan kepada fakta.

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Soalan tambahan, Dato' Yang di-Pertua - Adakah Kerajaan sedar bahawa ketidaksediaan peneroka untuk menerima Suratan Hakmilik itu ialah akibat daripada kemasukan suatu syarat baru selepas perjanjian penerokaan yang disyaratkan bahawa peneroka-peneroka yang telah membayar jelas diwajibkan menandatangani satu perjanjian baru yang menyerahkan hak pengurusan kepada FELDA sedangkan tidak ada dalam perjanjian asal bahawa syarat itu mestilah dipatuhi terlebih dahulu sebagai syarat pengeluaran Hakmilik.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI TAN SRI MENTERI BESAR: Tuan Yang di-Pertua, sesuatu soalan tidak boleh menjadi satu perbahasan.

7 Jun 1995

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok):
Dato' Yang di-Pertua, saya tidak bermaksud untuk berbahas, saya tanya adakah Kerajaan sedar bahawa penolakan dan tidak penerimaan peneroka itu berasaskan kepada kemasukan satu syarat di luar daripada perjanjian asal.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI TAN SRI MENTERI BESAR: Boleh jadi sebahagian disalah fahamkan.

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burek):
Soalan tambahan, Dato' Yang di-Pertua - Apakah usaha Kerajaan untuk menjelaskan salah faham itu?

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI TAN SRI MENTERI BESAR: Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, sebab itu usaha Kerajaan sebahagian besar terpaksa mengambil masa untuk menjelaskan perkara-perkara yang dikelirukan dan ini juga boleh menjelaskan sesuatu perkara pembangunan negeri ini. Sebab itu dalam titah Duli Yang Maha Mulia Tuanku minta semua bersifat positif bukan negatif.

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok):
Dato' Yang di-Pertua, soalan tambahan - Positif bagi Kerajaan, mungkin negatif bagi peserta. Soal sayanya kenapa perlu diada syarat baru di luar daripada syarat asal?

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI TAN SRI MENTERI BESAR: Tuan Yang di-Pertua, peserta perlu dipimpin bukan dihasut.

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok):
Dato' Yang di-Pertua, jawapan yang tidak bertanggungjawab. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI ABU BAKAR BIN ABDULLAH (Wakil Tepuh): Dato' Yang di-Pertua, soalan tambahan - Berhubung dengan Hakmilik tadi wujudnya Sekatan-sekatan Kepentingan ke atas tanah tersebut, antaranya tanah ini tidak boleh dimiliki oleh lebih daripada seorang dan tidak boleh dipecah-pecahan sempadannya. Apakah ini wajar mengikut hukum syaria' sekiranya peneroka tersebut meninggal dunia dan meninggalkan waris yang berhak menerima harta pusaka.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI TAN SRI MENTERI BESAR: Ini, Tuan Yang di-Pertua semua sekali ini untuk keselamatan pemilik itu sendiri dan mana-mana syarat yang diberi, tanah yang diberi oleh Kerajaan ada syarat-syarat tertentu. Sebab itu demi menjaga kepentingannya jika berlaku kematian dan sebagainya boleh dibuat muafakat di antara anak-anak dan warisnya supaya perkara ini tidak boleh terlepas secara belah bahagi dan sebagainya.

7 Jun 1995

YANG BERHORMAT HAJI ABU BAKAR BIN ABDULLAH (Wakil Tepuh): Dato' Yang di-Pertua, soalan tambahan - Bagaimana sekiranya waris-waris itu tidak mampu untuk membayar nilai tanah setelah dimuafakat?

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI TAN SRI MENTERI BESAR: Dia boleh berkira di antara adik-beradiklah, hak mana mampu ambil yang tidak mampu.

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Soalan tambahan, Dato' Yang di-Pertua, kelihatan ada satu perubahan dasar dan semalam Pahang telah mengisyiharkan tanah-tanah ini diberi untuk perlombongan. Adakah Kerajaan Terengganu memikirkan satu dasar yang sama?

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI TAN SRI MENTERI BESAR: Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, kita boleh timbang dari masa ke semasa sebagai satu contoh kawasan-kawasan yang berhampiran dengan kawasan pembangunan di Negeri Sembilan telahpun dikeluar syarat untuk menjadi bandar dan sebagainya. Kerajaan mengkaji dari semasa ke semasa apakah yang boleh memberi keuntungan kepada rakyat, dia akan lakukan segala-galanya.

YANG BERHORMAT HAJI ABU BAKAR BIN ABDULLAH (Wakil Tepuh): Dato' Yang di-Pertua, soalan yang kedua -

Berapakah jumlah jalan-jalan kampung yang rosak di dalam Kawasan Parlimen Kuala Nerus dan apakah langkah-langkah Kerajaan untuk membaik pulih jalan-jalan tersebut.

YANG BERHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong): Terima kasih, Dato' Yang di-Pertua, sentiasa berada dalam makluman dan tindakan Kerajaan bahawa di kawasan Parlimen Kuala Nerus itu terdapat sebanyak 22 batang jalan yang rosak sepanjang 26.185 kilometer. Di mana langkah-langkah yang telah dan akan diambil ialah:-

1. 3 batang jalan telah dilulus peruntukannya dan dalam pelaksanaan.
2. 1 batang jalan dalam proses tender.
3. 12 batang jalan masih menunggu kelulusan peruntukan.

7 Jun 1995

4. 6 batang jalan disenarai untuk dilaksanakan dengan segera dalam Rancangan Malaysia Ketujuh.

Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Soalan tambahan, Dato' Yang di-Pertua - Berapa lamakah tempoh masa yang akan diambil oleh pibak yang berwajib untuk membuat koreksi ataupun pembetulan ke atas jalan-jalan yang rosak ini setelah diterima aduan.

YANG BERHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong): Dato' Yang di-Pertua, saya telah menjawab tadi bahawa kesemua ini dalam tindakan Kerajaan. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk): Saya tanya semua, semua dalam tindakan Kerajaan sampai Kiamat. Saya kata, berapa tempoh masa. Berapa lama kita ambil. Kita terima aduan hari ini, setahunkah, lima tahunkah ataupun tunggu Rancangan Malaysia Kelapankah?

YANG BERHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong): Yang Berhormat Mulia Dato' Yang di-Pertua, kita mempunyai prosedur-prosedur di jabatan, di jentera Kerajaan dan sebagaimana saya kata tadi, sentiasa sebagai Kerajaan yang bertanggungjawab, kita sentiasa dalam tindakan Kerajaan dan tempoh yang diberi itu kita akan segerakan untuk keselesaan dan kesejahteraan rakyat. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Soalan tambahan, Dato' Yang di-Pertua - Memanglah Kerajaan bertanggungjawab, kalau saya kata tidak bertanggungjawab memang Kerajaan marah. Tapi yang hendak tanyanya, adakah dalam masa 1 bulankah, 6 bulankah ataupun sampai tunggu Rancangan Malaysia barukah, satu komitmen Kerajaan. Katakanlah dapat aduan kerana saya pernah memberitahu Dewan sampai lima - 3 kali Dewanpun belum diselesaikan juga.

YANG BERHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong): Dato' Yang di-Pertua, saya terima kasih kepada Wakil Batu Burok, kita sedar sekarang ini jalan yang dimaksudnya ialah jalan kampung. Kita mengambil tindakan bergantung kepada kes tertentu. Ada adu hari ini, esok kita baiki selalu, ada dan begitulah seterusnya. Dan untuk makluman Wakil Batu Burok Rancangan Malaysia Keenam, enam bulan lagi. Dan segera Rancangan Malaysia Ketujuh tahun depan, Rancangan Malaysia Kelapan lambat lagi. Terima kasih.

7 Jun 1995

YANG BERHORMAT HAJI ABU BAKAR BIN ABDULLAH (Wakil Tepuh): Terima kasih, Dato' Yang di-Pertua.

YANG BERHORMAT MULIA DATO' YANG DI-PERTUA: Saya mempersilakan Wakil Alur Limbat.

YANG BERHORMAT HAJI YAHAYA BIN ALI (Wakil Alur Limbat): Assalamualaikum warahimatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, soalan yang pertama -

Sehingga kini berapakah jumlah pinjaman Kerajaan Negeri kepada PMINT. Dari jumlah tersebut, sila nyatakan secara perbandingan antara jadual bayaran dengan yang telah dibayar setiap tahun 1990 hingga 1994.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir): Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, jumlah pinjaman Kerajaan Negeri kepada PMINT adalah RM403,662,188.20. Jumlah yang telah dibayar sehingga 31.12.1994 ialah RM23,070 juta.

YANG BERHORMAT HAJI YAHAYA BIN ALI (Wakil Alur Limbat): Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, berdasarkan kepada tempoh yang telah begitu lama, apakah jadual pembayaran yang telah dibuat ini berdasarkan kepada persetujuan kedua-dua pihak ataupun merupakan satu arahan?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir): Berdasarkan kepada persetujuan kedua-dua pihak yang memberi pinjam dan yang meminjam, Dato' Yang di-Pertua.

YANG BERHORMAT HAJI YAHAYA BIN ALI (Wakil Alur Limbat): Soalan tambahan, Dato' Yang di-Pertua - Saya ada meneliti beberapa Laporan Penyata Kewangan SEDC dan didapati ada sebahagian daripada syarikat anak yang telah mendapat keuntungan. Jadi daripada laporan tersebut ada berapa banyakkah syarikat-syarikat anak SEDC yang telah membayar balik sama ada bentuk pinjaman ataupun pendahuluan kepada SEDC dan berapa banyak pulak SEDC telah bayar balik kepada Kerajaan Negeri.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir): Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, memerlukan notis, Dato' Yang di-Pertua.

7 Jun 1995

YANG BERHORMAT HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Dato' Yang di-Pertua, soalan tambahan - Daripada RM23,070,000 yang dibayar itu, apakah termasuk faedah ataupun modal sahaja?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir): Dato' Yang di-Pertua, tidak termasuk faedah yang dipokokkan.

YANG BERHORMAT HAJI YAHAYA BIN ALI (Wakil Alur Limbat): Soalan tambahan, Dato' Yang di-Pertua - Ada disenaraikan beberapa syarikat anak SEDC yang telah diswastakan, jadi dalam bentuk sumbangan pembayaran hutang tersebut sejauh manakah syarikat-syarikat anak yang telah diswastakan tadi didapati faedahnya dari sudut penghapusan hutang.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir): Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, saya minta diulang soalan itu?

YANG BERHORMAT HAJI YAHAYA BIN ALI (Wakil Alur Limbat): Soalan saya, Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua - Oleh kerana ada beberapa syarikat anak SEDC sebagaimana yang telah disebutkan tadi telah diswastakan, jadi sejauh manakah penswastaan yang telah dibuat itu telah memberikan faedah dalam bentuk sumbangan kepada penghapusan pinjaman yang telah dibuat?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir): Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, memang ada memberi sumbangan, Dato' Yang di-Pertua.

YANG BERHORMAT HAJI YAHAYA BIN ALI (Wakil Alur Limbat): Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, soalan yang ketiga -

Berdasarkan kajian, berapa unitkah jumlah keperluan sebenar rumah kos rendah di seluruh negeri sehingga kini. Dari jumlah tersebut berapa peratuskah pencapaian yang telah dibuat termasuk oleh pihak PMINT.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir): Yang Berhormat Mulia Dato' Yang di-Pertua, berdasarkan kajian jumlah keperluan sebenar Rumah Kos Rendah di seluruh negeri sehingga kini adalah lebih kurang 10,000 unit. Dari jumlah itu sebanyak 7,000 unit iaitu 74% telah disiapkan terutama oleh PMINT, Dato' Yang di-Pertua.

YANG BERHORMAT HAJI YAHAYA BIN ALI (Wakil Alur Limbat): Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, apakah perancangan ataupun langkah seterusnya oleh pihak Kerajaan untuk mencapai target sebagaimana yang telah dirancangkan.

7 Jun 1995

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir): Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, satu daripadanya ialah mengajak pihak swasta bersama-sama melaksanakan program Rumah Kos Rendah ini, Dato' Yang di-Pertua.

YANG BERHORMAT HAJI YAHAYA BIN ALI (Wakil Alur Limbat): Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, soalan tambahan - Ada suatu kenyataan daripada Pengerusi Pembangunan Bandar dan Desa bahawa Kerajaan akan menghentikan pinjaman kepada pembeli-pembeli Rumah Kos Rendah sebelum daripada ini. Jadi adakah Kerajaan bercadang untuk mengkaji sebalik pinjaman tersebut di atas dasar apa yang sebenarnya berlaku oleh kerana masalah campur tangan politik, bukan sebenarnya masalah yang merupakan ketidakupayaan pembeli rumah tersebut untuk membayar hutang?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir): Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, boleh saya fahamkan soalan itu mempunyai erti bahawa berlakunya diskriminasi terhadap peminjam? Boleh saya fahamkan begitu, soalan itu tidak berapa jelas bagi sayalah, Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua.

YANG BERHORMAT HAJI YAHAYA BIN ALI (Wakil Alur Limbat): Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, apa yang kita bincangkan sekarang ini merupakan - Sejauh manakah komitmen Kerajaan dalam membantu mencapai target dari segi pembinaan rumah kos rendah. Jadi apa yang disebutkan sebagai suatu masalah di mana Kerajaan tidak akan membuat komitmen dari sudut kewangan dalam memberikan pinjaman kepada pembeli-pembeli rumah. Jadi soalan sayanya, Dato' Yang di-Pertua - Adakah Kerajaan bercadang untuk mengkaji balik keputusan ini sekiranya betullah oleh kerana apa yang sebenarnya berlaku dan dilaporkan secara rasmi, masalah sebenarnya ialah masalah ada campurtangan politik dalam soal pembayaran hutang yang telah dibuat oleh pembeli rumah.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir): Dato' Yang di-Pertua, perkara yang didakwa sebagai sebenarnya itu tidaklah benar.

YANG BERHORMAT HAJI YAHAYA BIN ALI (Wakil Alur Limbat): Terima kasih.

YANG BERHORMAT MULIA DATO' YANG DI-PERTUA: Sekarang saya mempersilakan Wakil Teluk Pasu.

YANG BERHORMAT HAJI ISMAIL BIN MAMAT (Wakil Teluk Pasu): Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, soalan pertama -

7 Jun 1995

Adakah benar bahawa Jabatan Pendidikan Negeri Terengganu akan mengambil tindakan ke atas beberapa orang guru yang menyebelahi Parti Pembangkang. Sekiranya benar, apakah alasannya dan bentuk tindakan yang akan diambil.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir): Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, guru adalah penjawat Kerajaan atau Pegawai Kerajaan. Tiap-tiap seorang Pegawai Kerajaan dia tertakluk kepada Peraturan-peraturan yang biasa kita kenal dengan nama Perintah-Perintah Am Bab D atau PU(A) 395 Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan & Tatatertib) 1993. Tindakan-tindakan akan diambil berdasarkan kepada peraturan-peraturan ini dan kadang-kadang Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, tindakan-tindakan juga diambil berdasarkan kepada budibicara Pengarah ataupun Ketua Jabatan berkenaan, Dato' Yang di-Pertua.

YANG BERHORMAT HAJI ISMAIL BIN MAMAT (Wakil Telok Pasu): Terima kasih. Dato' Yang di-Pertua, soalan kedua -

Apakah usaha Kerajaan bagi menaikkan prestasi penguasaan Bahasa Arab di institusi-institusi pengajian di Negeri Terengganu.

YANG BERHORMAT DATO' DR. HAJI MOHD YUSOF BIN HAJI MOHD NOOR (Wakil Kampung Raja): Dato' Yang di-Pertua, berbagai-bagai usaha dibuat bagi meningkatkan prestasi Bahasa Arab di Negeri Terengganu menerusi Pusat-pusat Pengajian yang ada. Usaha-usaha tradisional ialah seperti membuat kursus, perkhemahan, latihan kepada guru-guru Bahasa Arab dan berbagai-bagai lagi. Tapi oleh kerana perkara ini merupakan perkara yang berterusan dibuat dan kita memerlukan kepada satu pendekatan yang baru Kerajaan mendapati bahawa salah satu daripada pendekatan yang baru ialah meminta semua pihak tidak menganggap ini hanya bahasa bagi orang-orang Islam sahaja atau bahasa yang digunakan di Pusat Pengajian Islam sahaja ia juga mesti diperkenalkan sebagai bahasa business.

YANG BERHORMAT HAJI ISMAIL BIN MAMAT (Wakil Telok Pasu): Terima kasih.

YANG BERHORMAT MULIA DATO' YANG DI-PERTUA: Ahli-ahl: Yang Berhormat sekalian, selesai sudah Soalan-soalan Lisan yang dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Sebelum saya menjemput pihak Kerajaan membuat jawapan kepada Ucapan Titah Di Raja pada pagi semalam, saya akan tangguhkan Dewan ini dan sebelum saya tangguh, saya hendak jawab dulu sebagai Speaker di atas ucapan Yang Berhormat berkenaan dengan Jawatankuasa Perpaduan Ummah yang dilantik oleh Dewan pada sidang yang Kelapan dahulu iaitu dengan keputusan Dewan tahun 1991 telah melantik satu Jawatankuasa Perpaduan Ummah

7 Jun 1995

yang dipengerusikan oleh saya dan Jawatankuasa itu telahpun berjalan, mengadakan mesyuarat beberapa kali untuk membuat garis pandu, perjanjian persefahaman di antara ahli-ahli, apakah kita patut buat dan apakah kita tidak patut buat dan ini telahpun kita sedia rujuk kepada pihak Penasihat Undang-Undang ataupun dengan Pegawai-pejawai Undang dan sebelum sempat kita menerima garis pandu itu, kita bersua dengan Pilihanraya baru. Masalah yang ada pada saya ialah saya mementingkan hal orang lain daripada hal saya. Apabila kita hendak tetap mesyuarat, saya bertanya dulu kepada ahli, banyak ahli tidak dapat memberi jawapan tarikh yang kita tetap itu boleh hadir, ada yang ke sana, ada yang ke mari. Satu daripada mesyuaratnya saya sendiri terpaksa pinda kerana saya terpaksa menghadiri Mesyuarat Speaker-Speaker Seluruh Malaysia, itu ditangguhkan. Kemudian apabila kita catitkan tarikh lain, kebanyakan ahli-ahli tidak dapat hadir kerana ada yang melawat ke luar negeri. Jadi sebab itulah Jawatankuasa itu tidak dapat berfungsi dengan sebab tidak dapat satu tarikh yang bersama di antara ahli-ahli. Dan Jawatankuasa ini jika Dewan ini masih perlu untuk diteruskan untuk diadakan, kita boleh lantik ahli-ahli yang baru kerana ahli-ahli yang lama telahpun tidak ada, tinggal seorang-dua. Kerana Jawatankuasa ini diasaskan kepada -

بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ
وَاللّٰهُمَّ أَعُوذُ بِكَ مِنْ شَرِّ
مَا أَنْتَ مَعْلُومٌ بِهِ وَمَا
أَنْتَ مَعْلُومٌ بِهِ لَا فَوْزٌ
لِلْفَاسِدِ إِلَّا مَعَكَ

Bererti kita hendak berbaik-baik benda yang pecah. Itulah menjadi satu perkara yang lambat untuk kita hendak tangkup balik benda yang pecah itu. Jadi kalau Ahli Yang Berhormat merasakan perkara ini perlu Dewan ini akan bersidang akan membuat Usul semula supaya Jawatankuasa itu diteruskan. Dan Jawatankuasa ini sebagaimana saya faham dia berdasar di atas kesabaran, kalau kita sabar insya-Allah semuanya jadi baik.

Dengan itu saya tangguhkan Dewan ini selama 20 minit ...

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok):
Dato' Yang di-Pertua, boleh saya minta satu pertanyaan - Oleh kerana masih lagi timbul ucapan-ucapan dalam Dewan ini yang meragui di atas kewibawaan Jawatankuasa itu dan Jawatankuasa itu telahpun diluluskan oleh Dewan, saya mencadangkan supaya satu jadual persidangan dibuat oleh Yang Berhormat Mulia Speaker sebagai Pengurus dan Jawatankuasa itu dihidupkan semula di atas usaha yang dikatakan oleh Dato' Speaker tadi.

YANG BERHORMAT MULIA DATO' YANG DI-PERTUA: Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, saya tangguhkan Dewan ini selama 20 minit.

DEWAN DITANGGUHKAN PADA PUKUL 10.35 PAGI.

7 Jun 1995

Pukul 11.00 pagi

YANG BERHORMAT MULIA DATO' YANG DI-PERTUA: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Mesyuarat sambung semula. Sekarang saya persilakan pihak kerajaan membuat jawapan kepada ucapan-ucapan dalam masa membahas Usul Menjunjung Kasih Titah Di Raja.

YANG BERHORMAT ENCIK WONG FOON MENG (Wakil Bandar): Yang Berhormat Mulia Dato' Yang di-Pertua, saya terlebih dahulu mengucapkan ribuan terima kasih kerana dapat bersama-sama memberi jawapan bagi pihak Kerajaan ke atas beberapa perkara yang telahpun dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat semasa perbahasan Titah Ucapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Al-Sultan. Dan saya juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih ke atas pandangan-pandangan dan juga cadangan-cadangan serta pendapat-pendapat yang telahpun diberikan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Daripada perbahasan yang kita dengar boleh dikatakan keseluruhan Ahli-ahli Yang Berhormat yang membincangkan Titah Ucapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Al-Sultan telahpun menyentuh tentang Rancangan Pembangunan Fasa Kedua Negeri Terengganu yang akan berkuatkuasa daripada tahun ini sehingga ke tahun 2010 iaitu dalam tempoh 15 tahun.

Yang Berhormat Mulia Dato' Yang di-Pertua, kita tidak dapat elak bahawa dalam tempoh 15 tahun akan datang ini panduan utama tindakan adalah apa yang telah sama-sama diikrarkan dalam dokumen dan watikah Fasa Kedua Pembangunan Negeri Terengganu yang telahpun dilancarkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita pada 20 haribulan April baru-baru ini. Ini adalah penting diberi perhatian kerana ia tidak sahaja merupakan janji pilihanraya tetapi adalah pernyataan ikhlas daripada pihak Kerajaan tentang wawasan ini dan kesungguhan pihak Kerajaan untuk membangunkan Negeri Terengganu yang kita sayangi ini. Matlamat utama pembangunan kita bagi tempoh 15 tahun akan datang ini adalah untuk mewujudkan kesejahteraan di Negeri Terengganu yang dimenifistasikan dalam peningkatan kualiti kehidupan. Kesejahteraan ini boleh dilihat dari segi wujudnya sistem kebijakan, tiada kemiskinan, tersedianya infrastruktur dan perumahan yang mencukupi dan selesa. Tercapainya hubungan keluarga dan masyarakat yang harmoni dan lebih penting lagi dalam konteks pembangunan alam sekitar yang mampat.

Wakil Batu Buruk semalam ada menyentuh beberapa perkara tentang pencemaran air, pencemaran udara dan saya berterima kasih kerana Yang Berhormat mulai sedar tentang betapa pentingnya masalah pencemaran alam sekitar ini. Sebenarnya Yang Berhormat Mulia Dato' Yang di-Pertua, Kerajaan Negeri memang sedar dan peka dalam hal memelihara dan melindungi alam sekitar serta mencegah masalah pencemarannya. Dalam setiap cadangan aktiviti-aktiviti pembangunan yang akan dijalankan di negeri ini, pihak kerajaan sentiasa memberi pertimbangan faktor-faktor alam sekitar dalam setiap perancangan aktiviti-aktiviti pembangunan ini. Dan pihak Jabatan Alam Sekitar juga telahpun menetapkan supaya kajian-kajian ke atas projek-projek ini

7 Jun 1995

untuk mempastikan bahawa tidak ada kesan-sampangan yang akan timbul apabila projek-projek pembangunan berkenaan dilaksanakan kelak. Bagi mengemaskin lagi kawalan ke atas masalah alam sekitar ini, pihak Jabatan Alam Sekitar, telahpun menjalankan pengawasan ke atas air baik dari segi air di sungai ataupun di laut. Pengawasan udara di tempat-tempat yang strategik untuk mengetahui kualiti air dan udara di tempat-tempat yang berkenaan. Dan sekiranya terdapat kualiti sama ada air ataupun udara di tempat-tempat yang berkenaan melebihi tahap yang telahpun ditetapkan maka tindakan yang bersesuaian akan diambil untuk mengatasi masalah yang ditimbulkan tadi.

Yang Berhormat Mulia Dato' Yang di-Pertua, kita juga tidak dapat menafikan bahawa dalam usaha Kerajaan hendak memulihara, melindungi alam sekitar serta mencegah masalah pencemaran yang akan timbul, kita tidak dapat menafikan bahawa dalam mana-mana negeripun atau mana-mana negarapun pembangunan harus kita jalankan juga. Apa yang penting di sini ialah kita perlu, perlu mewujudkan satu keadaan keseimbangan ataupun dengan izin Yang Berhormat Mulia Dato' Yang di-Pertua, 'we need a balance' baik dari segi pembangunan ataupun pemeliharaan alam sekitar kerana kedua-dua faktor ini adalah penting dalam usaha kita hendak membangunkan negeri kita ini.

Berkaitan dengan masalah bekalan air bersih yang ditimbulkan oleh Wakil Batu Buruk juga, sukcita saya menyatakan di sini sebagaimana saya telahpun memberi penjelasan dalam Soalan Lisan pagi tadi bahawa pihak Jabatan Bekalan Air bersama-sama dengan jabatan-jabatan yang berkaitan sentiasa mengawal-selia dan mengawas keadaan kualiti air yang dibekalkan kepada penduduk-penduduk negeri ini. Dan buat masa sekarang kita berpuas hati ke atas tindakan-tindakan yang telahpun diambil oleh pihak Jabatan Bekalan Air dalam usaha untuk meningkatkan lagi kualiti air yang akan dibekalkan kepada penduduk-penduduk.

Wakil daripada Kemasik ada menyentuh tentang cadangan hospital yang perlu didirikan di bandar baru Kerteh. Untuk makluman Dewan, Yang Berhormat Mulia Dato' Yang di-Pertua, beberapa kriteria dalam mempertimbangkan untuk mewujudkan sesuatu hospital oleh Kementerian Kesihatan yang perlu diambil kira. Di antara faktor-faktor yang akan diambil kira ialah yang pertama, kepadatan penduduk di kawasan di mana hospital itu hendak ditempatkan. Yang kedua, keadaan geografikal dan yang ketiga, petunjuk kesihatan. Petunjuk di sini bermaksud petunjuk berkaitan dengan kadar kematian, kadar penyakit-penyakit yang tertentu, kadar kematian ibu bersalin dan sebagainya. Dan indikator-indikator ini perlu diambil pertimbangan dalam mempertimbangkan kewujudan sesebuah hospital. Dan faktor terakhir ialah faktor sosio-ekonomi yang dianggap begitu penting yang perlu juga diambil kira oleh pihak Kementerian Kesihatan. Walau bagaimanapun pihak kerajaan negeri akan menyusul dengan Kementerian Kesihatan berkenaan dengan cadangan hospital yang dibangkitkan oleh Wakil daripada Kemasik.

7 Jun 1995

Yang Berhormat Mulia Dato' Yang di-Pertua, itu saja penjelasan daripada portfolio yang dipertanggungjawabkan kepada saya dan sekali lagi saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telahpun memberi teguran-teguran dan juga pendapat-pendapat yang bermas dalam membincangkan ataupun memperbahaskan Titah Ucapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia. Sekian, terima kasih.

YANG BERHORMAT MULIA DATO' YANG DI-PERTUA : Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' DR. ABDUL LATIFF BIN AWANG (Wakil Bukit Payung): Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Mulia Dato' Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat Tan Sri Menteri Besar, Yang Berhormat-Yang Berhormat sekalian. Alhamdullilah saya bersyukur kepada Allah Subhanawataala kerana pada pagi ini diberi kesempatan untuk berucap, untuk menggulung dalam Dewan yang mulia ini. Ada dua perkara penting yang ingin saya sentuh di sini pada pagi ini dan kedua-duanya telahpun disentuh dan menjadi ucapan utama Titah Duli Yang Maha Mulia Al-Sultan dan juga dibangkit dan disentuh oleh kebanyakan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat pada hari semalam. Yang pertama, ialah mengenai Pembangunan Sumber Manusia, dengan izin, 'Development of Human Resource' dan ini barangkali menjadi perkara penting di dalam agenda Pembangunan Fasa Kedua Negeri Terengganu. Dan istilah ini mengikut fahaman saya banyak pada hari semalam keliru sedikit dengan istilah Pembangunan Manusia, dengan izin, 'Human Development'. Jadi yang kita maksudkan dengan Pembangunan Sumber Manusia ialah mengenai aspek-aspek latihan, skill, kemahiran yang ingin kita berikan kepada anak-anak Terengganu di dalam usaha-usaha untuk menampung perkembangan industri yang kian meningkat dalam negeri kita ini. Malah dalam ucapan titah Duli Yang Maha Mulia Al-Sultan, perkara Pembangunan Sumber Manusia ini diletak suatu perkara yang paling penting dan pada hari ini ingin sedikit sebanyak saya sentuh yakni kita ingin melihat supaya anak-anak Terengganu diberi latihan, diberi skill untuk tujuan penempatan pekerjaan di sektor industri, di sektor perkilangan, perlombongan, pembuatan, perkhidmatan dan banyak lagi. Ini amat penting bagi mempastikan bahawa pelabur-pelabur yang masuk ke Terengganu mempunyai sumber yang mencukupi untuk mereka melfabur di negeri kita ini. Dan dari segi kita, pihak kerajaan telahpun menuhub beberapa pusat-pusat latihan seperti TATI dan lain-lain lagi bagi menampung keperluan ini dan insya-Allah dalam jangkamasa Fasa Kedua Pembangunan Negeri Terengganu ini banyak lagi pusat-pusat latihan yang akan kita buat dan termasuk juga pusat-pusat yang kita usahasama dengan pihak-pihak swasta. Dan ini selari dengan Wawasan 2020 yakni wawasan yang nantinya akan mempunyai masyarakat yang berteraskan kepada Pembangunan Sains dan Teknologi.

Selain daripada kemahiran ataupun yakni skill dan latihan yang kita berikan dan aspek untuk mempastikan bahawa generasi akan datang mempunyai kesepadan di antara fizikal, rohani maka aspek-aspek latihan minda juga kita tekankan yakni untuk memberi ataupun untuk kita melihat generasi akan datang yang mempunyai akhlak mulia, akal budi yang baik dan yang

7 Jun 1995

paling penting ialah bertaqwa kepada Allah Subhanawataala. Di samping ilmu yang tinggi di dada masing-masing. Dan fasa kedua yang kita sebut hari ini dan juga kelmarin adalah sejajar dengan pembangunan dan Wawasan 2020 yang digariskan oleh Kerajaan Persekutuan yakni yang berteraskan yang kita katakan tadi kepada perkembangan sains dan teknologi dan insya-Allah kita sama-sama dapat memberi sumbangan dan bersedia ke arah itu.

Perkara kedua Yang di-Pertua, yang ingin saya sebut pada pagi ini adalah banyak juga disebut oleh wakil-wakil yang berucap semalam, penubuhan Institut Teknologi Petronas, Universiti Petroleum dan begitu hangat kita bincang dan boleh saya katakan bahawa hampir kesemua kita bersetuju bahwasanya ini adalah satu perkara penting untuk Negeri Terengganu kita yang kita sayangi ini. Dan sudah tentu penubuhan sebuah universiti macam Institut Teknologi Petronas ini menjadi satu nukleus, mangkin, yang boleh mempercepatkan pertumbuhan untuk ke semua sektor. Sektor ekonomi, sektor sosio budaya, keilmuan dan lain-lain lagi. Tetapi perkara yang saya perlu tekan ialah kita harus berhati-hati.

Ada pandangan daripada Wakil Rhu Rendang kelmarin berkehendakkan supaya institusi ini dipenuhi oleh anak-anak Terengganu supaya anak Terengganu ini barangkali dapat mengecapi nikmat universiti yang ada di tempat kita. Saya berpendapat bahawa ini harus buat masa ini kita diamkan sebentar kerana ini adalah suatu institusi federal, institusi persekutuan yang mengikut takrifan biasa mestinya bentuk yang universal. Yakni yang tidak bentuk kedaerahan. Dan kita, bagi pendapat saya universiti-universiti yang begini rupa haruslah mempunyai ciri-ciri universiti-universiti yang ada di dunia hari ini yakni bersifat antarabangsa sebagai pusat ilmu, sebagai satu pusat kecermerlangan dan sebagai satu pusat pertumbuhan. Dalam oleh sebab itu bagi pendapat kita sifat-sifat ini harus ada pada sebuah universiti yang ingin kita punyai bersama ini.

Perkara yang ketiga, ialah mengenai permindahan teknologi. Banyak juga disentuh dan ingin saya jelaskan di sini bahawa dalam takrifan perpindahan teknologi bukan setakat mesin itu berpindah tetapi dari segi perpindahan yang kita maksudkan ialah skill ataupun kemahiran, kita berpindah daripada pakar kepada yang nak belajar dan lagi satu ialah perpindahan maklumat daripada yang sumber kepada yang nak belajar. Jadi ini perkara yang semalam banyak disentuh dan ingin saya barangkali hari ini membuat ulasan sedikit sebanyak. Jadi sekian dan Dato' Yang di-Pertua, ulasan dan golongan-golongan mengenai portfolio yang saya pegang untuk pagi ini dan terima kasih di atas kesempatan diberi ini.

Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

YANG BERHORMAT MULIA DATO' YANG DI-PERTUA: Terima kasih.

YANG BERHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong): Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatulahi wabarakatuh. Yang

7 Jun 1995

Berhormat Mulia Dato' Yang di-Pertua Dewan, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Amar Di Raja, Tan Sri Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat yang saya hormati sekalian. Menyambung pada penggulungan ke atas perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Dewan sepanjang hari semalam dan pagi ini dalam titah, dalam ucapan mereka membincangkan kepada Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Tuanku di mana ada dua-tiga perkara yang telah disebutkan oleh Ahli-ahli Dewan yang menyentuh kepada portfolio yang di bawah portfolio Pembangunan, Infrastruktur dan Kemudahan Awam Negeri Terengganu.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang saya hormati sekalian, terima kasih saya ucapkan di atas cadangan-cadangan dan teguran-teguran positif yang telah diberikan oleh Ahli-ahli Dewan terutamanya ahli-ahli Pembangkang dan saya berharap teguran-teguran positif ini yang telah dikatakan, yang telah dititahkan oleh Duli Yang Maha Mulia Tuanku dalam Titah Tuanku, kita harap dapat diperpanjangkan bukan sahaja di Dewan yang mulia ini tetapi dalam tugas, sepanjang tugas kita selama kita diberi kepercayaan tempoh lima tahun ini.

Dato' Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, bangkit kepada perkara yang telah dibangkitkan oleh Wakil Tepuh dan Wakil Alur Limbat, yang menyentuh mengenai Pembangunan Infrastruktur yang utamanya pembangunan jalanraya di luar bandar yang mana banyak belum diselesaikan dan tidak sempurna. Menjawab kepada soalan-soalan ini pertamanya kita harus sedar, Ahli-ahli Yang Berhormat kita mesti sedar dan maklum kepada untuk kita sebagai mempersemprehankan kesempurnaan pembangunan sebenarnya tidak ada satu noktah kesempurnaan yang boleh kita perkatakan. Tetapi yang kita harus sedar sebagai Kerajaan bertanggungjawab yang mempunyai iltizam yang mempunyai cita-cita untuk membangun negeri kita yang kita cintai ini dan kesemua rakyat boleh membuat penilaian ke atas kerja-kerja yang telah dibangunkan, telah diperbuat oleh pihak Kerajaan pada hari ini. Cuba kita bandingkan dengan suatu malah suatu ketika dulu. Kalau Ahli-ahli Yang Berhormat kita bandingkan apabila tahun 1995 ini kita lancarkan Fasa Kedua Pembangunan Negeri Terengganu dengan rancangan-rancangan kita untuk meneruskan pembangunan dengan hebatnya sepanjang 15 tahun akan datang dan tentunya kita telah menjalankan pada fasa pertama yang menjangkau daripada 1974 sampai 1994 dengan kesempurnaan yang ada pada masa kini. Kita harus sedar dan kita harus menilai ke belakang di mana 15 tahun yang dulu kalau kita lihat pembangunan jalanraya contohnya di mana pada satu ketika memang kita tidak mempunyai rangkaian-rangkaian jalanraya yang sempurna. Kalau kita lihat di kawasan Tepuh sendiri kalau kita nak pergi kepada Jeram kepada Tanjung Sabtu, atau kalau nak pergi ke Pasir Panjang, jalan kawasan Manir, Teluk Pasu, dan sebagainya. Kita dulu kita melalui jalan air, bot nambang. Kita lihat, kesemuanya kita hubung kawasan-kawasan ini begitu juga kawasan-kawasan lain agak sukar kita lalui. Tetapi pada hari ini, rata-rata kita dapati keseluruhan negeri kita sama ada di bandar malah tumpuan kita di luar bandar kita telah dapati rangkaian jalan-jalan utama, jalan-jalan federal, jalan-jalan negeri dan jalan-jalan kampung yang terlibat secara langsung dalam projek pembangunan kita telah jauh lebih sempurna. Kita bandingkan keadaan sekarang ini, cuba kita

7 Jun 1995

lihat dengan pembangunan jalanraya sendiri kalau kita bandingkan dengan negeri-negeri, malah di negeri-negeri maju di Pantai Barat sekalipun, rangkaian jalan-jalan utama kita, jalan-jalan kampung kita telah jauh maju ke depan.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang saya hormati sekalian, kalau boleh saya rumuskan bahawa mutu selain daripada mutu jalanraya, kemudahan infrastruktur atau kemudahan-kemudahan awam yang lain, seperti bekalan elektrik, kalau kita rumuskan peratus bekalan elektrik yang kita bekalkan ke seluruh negeri hampir 98.5% pada hari ini. Bekalan air, hampir 80% kita telah bekalkan ke seluruh negeri dan bekalan telefon kita telah bekalkan ke seluruh negeri hampir 60%.

Berbangkit kepada soalan yang dikemukakan oleh Wakil Alur Limbat iaitu jalan-jalan yang sempit terutamanya di kampung-kampung. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jalan-jalan kampung ini adalah sebagaimana saya katakan tadi keseluruhan boleh kata hampir keseluruhan di kampung-kampung di Negeri Terengganu pada hari ini telah mempunyai jalan-jalan yang bertar, jalan-jalan kampung yang telah tinggi mutunya. Cuma keadaan sempit ini kita tidak boleh elakkan oleh kerana ini adalah jalan kampung yang rezab tentunya untuk kita lebarkan melibatkan rumah-rumah orang, melibatkan rezab sebagainya. Jadi kita tidak boleh anggap jalan-jalan ini sama dengan jalan JKR ataupun jalan-jalan utama yang lain tetapi kalaulah saudara, Ahli Yang Berhormat memikirkan dari segi aspek kalaulah sebuah kereta bertembung, terpaksa gostan belakang cari jalan rezab tepi untuk beri kelaluan kepada jalan yang lain saya rasa ini telah satu kejayaan pembangunan itu sendiri. Kalau kita lihat pada masa dulu, di kampung-kampung terutama di luar bandar kita, kita bina jalan ini khususnya untuk pejalanan-pejalan kaki, basikal ataupun motosikal. Tetapi pada hari ini kita lihat kebanyakan di luar-luar bandar ini jalan-jalan yang dikhodusukan tadi telah digunakan untuk kereta-kereta dan kenderaan yang lebih mewah, lebih besar. Ini menunjukkan pembangunan itu sendiri yang telah dirancang oleh Kerajaan telah membawa kesejahteraan kepada rakyat, telah membawa kemakmuran kepada rakyat sehingga keadaan sebegini rupa telah berlaku. Dan kita harus bersyukur kepada keadaan ini dengan sesungguhnya kita sedar pembangunan kita telah jauh ke depan dan pada hari ini kita perlu dan pada keadaan inilah Kerajaan telah melancarkan Fasa Kedua Pembangunan Negeri kita untuk memaju pembangunan itu lebih hebat di masa akan datang.

Yang Berhormat Mulia Dato' Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat-Yang Berhormat sekalian kepada soalan yang dibangkitkan oleh ahli Yang Berhormat daripada Alor Limbat juga mengenai projek-projek yang terbengkalai, jalan-jalan, projek-projek JKR yang terbengkalai, program-program bagi mengatasi projek-projek ini, jawapan saya adalah seperti berikut. Bilangan projek-projek Kerajaan Negeri yang terbengkalai setakat ini di bawah jagaan JKR adalah tujuh. Kos tambahan untuk mengatasi masalah ini meliputi jumlah RM4.3 juta. Dengan tindakan-tindakan susulan kita seperti biasa untuk mengatasi masalah-masalah ini iaitu kita mengambil tindakan untuk menamatkan kontrak dengan mengikut syarat-syarat kontrak dan

7 Jun 1995

prosedur-prosedur kontrak yang sedia ada. Dan selepas itu kita akan memanggil tawaran semula dan melantik kontraktor-kontraktor baru untuk menyiapkan kerja-kerja tersebut. Dalam perkiraan seratus inci untuk kita membezakan harga kontrak akan dibuat mengikut kiraan jabatan-jabatan yang berkenaan.

Dato' Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian ...

YANG BERHORMAT HAJI YAHAYA BIN ALI (Wakil Alur Limbat): Dato' Yang di-Pertua, kalau boleh disenaraikan tujuh projek yang dikatakan terbengkalai itu. Kalau boleh disenaraikan tujuh projek yang dikatakan terbengkalai itu.

YANG BERHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong): Saya, Dato' Yang di-Pertua, pada soalan ini saya tidak, soalan semalam tidak dibangkitkan bertanyakan senarai-senarai projek terbengkalai. Saya hanya memberi angka itu ialah daripada keseluruhan ini kita telah ambil tindakan dan tujuh ini adalah telah dalam pelaksanaan mengambil tindakan.

Dato' Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian pada Soalan 3 yang dibangkitkan oleh Wakil Kuala Besut, Dato' Haji Wan Zakaria Abdul Rahman, iaitu mengenai bekalan elektrik dan telefon ke kawasan-kawasan utama perindustrian iaitu di Gong Medang dan Kampung Baru dekat Bukit Puteri. Untuk makluman Yang Berhormat dan seluruh Ahli Yang Berhormat sekalian, segala usaha telah dibuat oleh pihak Tenaga Nasional dan pada masa ini bagi kawasan perindustrian Gong Medang kita mempunyai bekalan yang mencukupi di mana kita menyambung bekalan daripada pencawang utama Kampung Raja untuk kita bekalkan kepada kawasan ini dan setakat ini, insya-Allah bekalan yang ada cukup untuk kita bekalkan kepada kawasan kedua-dua kawasan berkenaan. Begitu juga di kawasan Kampung Baru kita menyambung bekalan daripada dua punca iaitu daripada pencawang utama Seberang Jerteh dan pencawang utama di Gertak Seratus untuk kita bekalkan kepada kawasan berkenaan dan insya-Allah kita akan lihat kemampuan yang ada ini adalah cukup untuk kawasan berkenaan dan insya-Allah sekiranya permintaan di masa akan datang berlebihan dan kita akan membawa perkara ini untuk kita selaraskan dengan permintaan yang ada. Begitu juga dengan bekalan talian telefon, setakat ini bekalan pihak Syarikat Telekom Malaysia Berhad kepada kedua-dua kawasan berkenaan insya-Allah mencukupi dan kita akan dari masa ke semasa akan melihat perkembangan-perkembangan ini untuk kita selaraskan supaya pembangunan itu tidak terencat dari segi perbekalan kemudahan-kemudahan yang sepatutnya.

Dato' Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, akhirnya saya sebagai Ahli yang bertanggungjawab kepada Pembangunan Infrastruktur dan Kemudahan Awam Negeri merasakan kesemua Ahli-ahli Yang Berhormat kita semua mestilah mempunyai hubungan yang baik dari segi memberi teguran-teguran dan memberi pandangan-pandangan terutamanya melalui kawasan masing-masing untuk kita teruskan supaya matlamat Pembangunan Kerajaan Negeri di fasa

7 Jun 1995

kedua ini dapat dijayakan dengan cemerlangnya bertepatan dengan falsafah pembangunan yang kita dokong 'Untuk Membawa Pembangunan Yang Seimbang Demi Kesejahteraan Rakyat'. Dan dengan itu juga rancangan-rancangan yang kita bawa dalam Pembangunan Infrastruktur ini kita jalankan untuk kita selaraskan dengan sektor-sektor pembangunan yang lain iaitu Pembangunan Industri, Pertanian, Pembangunan Pelancongan, hatta Pembangunan Manusia itu sendiri. Sekian, jawapan yang dapat saya berikan Dato' Yang di-Pertua. Wabillahi taufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

YANG BERHORMAT ENCIK AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Mulia Dato' Yang di-Pertua, YAB. Tan Sri Amar Di Raja, Tan Sri Dato' Haji Wan Mokhtar Ahmad, Menteri Besar, Terengganu, Ahli-Ahli Yang Berhormat, Ketua-ketua Jabatan, tuan-tuan dan puan-puan sekalian. Turut sama merakamkan Ucapan Junjung Kasih dan Titah Duli Yang Maha Mulia Tuanku sukalah saya nyatakan bahawa dengan penuh iltizam akan harapan dan juga kehendak bukan sahaja wakil-wakil rakyat tetapi semua penduduk Negeri Terengganu bagi melihat pembangunan yang akan kita teruskan ini memenuhi kehendak semua pihak. Dengan harapan-harapan itu juga kita berharap kita bukan sahaja sebagai menunggu dan melihat proses pembangunan itu berjalan tetapi hendaknya sebagai penyumbang-penyumbang yang turut sama memainkan peranan dan tanggungjawabnya dalam membangunkan negeri kita yang kita kasih ini. Dalam keadaan ini Yang Berhormat Mulia Dato' Yang di-Pertua sukalah saya nyatakan bahawa perkara yang dibangkitkan oleh Wakil Kemasik sukalah saya jelaskan bahawa Kerajaan tidak bercadang untuk mewujudkan daerah baru Kertih ataupun Majlis Daerah Kertih. Malahan pihak Kerajaan Negeri telah menerima kelulusan Kabinet untuk memperbesarkan kawasan Majlis Daerah yang sedia ada. Adalah menjadi hasrat dan harapan Kerajaan supaya suatu ketika nanti mana-mana Majlis Daerah yang berpotensi akan dinaikkan tarafnya sebagai sebuah Majlis Perbandaran. Di samping itu saya juga menafikan kenyataan yang dibuat oleh ADUN Tepuh yang menyatakan bahawa tiada kajian yang dibuat oleh pihak Kerajaan mengenai keperluan rumah di Negeri Terengganu ini. Untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat, sehingga kini kajian telah pun dibuat dan sebanyak 13 skim atau projek Skim Pertapakan Khas telahpun dilaksanakan yang melibatkan 4,415 buah lot tapak rumah yang bakal disediakan dan telahpun siap sebanyak 392 lot. Begitu juga dengan dakwaan yang telah dibuat oleh Wakil Alur Limbat. Sukalah saya jelaskan bahawa dakwaan ini juga tidak benar kerana pihak Kerajaan menerusi Unit Perancang Ekonomi Negeri telah membuat kajian akan keperluan perumahan kos rendah di negeri kita ini. Dan Dalam Rancangan Malaysia Ketujuh Negeri Terengganu memerlukan sebanyak 15,560 unit rumah kos rendah iaitu 62.6% daripada 24,830 unit rumah yang diperlukan di seluruh negeri. Projek Awam Kos Rendah juga yang akan dibina oleh Kerajaan dalam tempoh Rancangan Malaysia Ketujuh sebanyak 3,676 unit iaitu mewakili 23.6% manakala selebihnya 11,884 unit akan dilaksanakan oleh agensi-agensi Kerajaan seperti UDA, PMINT, KETENGAH dan pihak swasta.

7 Jun 1995

Cadangan projek Perumahan Awam Kos Rendah dalam Rancangan Malaysia Ketujuh sebanyak 31 projek PAKR telah dikemukakan kepada Kerajaan Persekutuan untuk mendapatkan kelulusan pinjaman. Ianya mengandungi sebanyak 3,777 unit rumah dengan kos RM102,398,000.00 iaitu RM94,525,000.00 adalah sumber Kerajaan Persekutuan dan RM7,873,000.00 melibatkan sumber Kerajaan Negeri. Kesemuanya ini adalah untuk mengatasi masalah perumahan rakyat.

Yang Berhormat Mulia Dato' Yang di-Pertua, mengenai dakwaan ADUN Batu Buruk menyatakan tidak adanya infrastruktur di Bandar Kuala Terengganu ini merupakan suatu statement yang amat mengelirukan. Sebenarnya infrastruktur di Bandar Kuala Terengganu khususnya adalah mencukupi, tinggal lagi ianya perlu dinaikkan tarafnya sebagaimana yang diidamkan oleh semua pihak termasuk oleh Kerajaan Negeri. Dan ianya merupakan sebahagian daripada keutamaan yang akan dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri dalam pelaksanaan Fasa II Pembangunan Negeri Terengganu. Iaitu dengan harapan mewujudkan bandar yang bersih dan indah dan semuanya ini bukanlah menjadi tanggungjawab Pihak Berkuasa Tempatan, Majlis Perbandaran Kuala Terengganu semata-mata tetapi adalah menjadi tanggungjawab semua pihak. Ramai orang yang berkehendakkan bandar bersih dan indah tetapi tidak ramai pula yang sanggup memberikan sumbangannya dan menjadikan bandar bersih dan indah. Sama-sarnalah kita hayati keadaan ini dan ubahlah sikap dan pandangan kita supaya menjadikan 'bersih dan indah' sebagai sebahagian daripada budaya hidup kita.

Yang Berhormat Mulia Dato' Yang di-Pertua, ADUN Batu Buruk juga mendakwa bahawa dengan kekurangan-kekurangan ini Cukai Pintu dinaikkan dan sebagainya. Ini tidaklah benar sama sekali. Untuk makluman Yang Berhormat ADUN Batu Buruk dan Ahli-ahli Yang Berhormat, Majlis Perbandaran Kuala Terengganu tidak menaikkan Cukai Pintu semenjak 8 tahun yang lalu.

Masalah sistem perparitan juga ini akan dipertingkatkan dan sebagaimana kita sedia maklum pembinaan sistem perparitan ini bukanlah sebagaimana kita membuat sebatang jalan. Kita boleh buat sebatang jalan sekilo meter setahun dan tahun depan ditambah lagi sekilo meter ini tidak menimbulkan masalah. Tetapi dalam sistem perparitan ianya hendaklah bermula daripada 'Catchment Area' dengan izin Dato' Yang di-Pertua sehingga ke 'out let'. Ini bermakna ianya hendaklah disempurnakan dari mana mulanya tempat pengumpulan air sehingga ke tempat air itu hendak dikeluarkan. Kalau tidak disiapkan separuh-separuh selesaikan sebahagian maka sebahagian lain akan menimbulkan masalah. Dan dalam menangani masalah ini pihak MPKT dan Kerajaan Negeri pada tahun ini telah menyediakan sebanyak RM20 juta untuk menyediakan serta menyambung kerja-kerja Sistem Perparitan Majlis Perbandaran, Kuala Terengganu.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua dakwaan yang dikemukakan oleh ADUN Batu Buruk juga sekali lagi tidak menepati dan tidak berasas sama sekali mengenai pemilihan dan pengedaran borang-borang bagi mendapatkan gerai, rumah dan sebagainya. Saya minta Ahli

7 Jun 1995

Yang Berhormat ADUN Batu Buruk lihatlah sendiri, berjalanlah disekitar gerai-gerai dan juga pasar-pasar hari ini kita memberikan secara adil malah orang PAS orang-orang lain pun turut sama menerima habuannya gerai-gerai tersebut. Buktinya jelas masa pilihanraya yang baru lalu poster-poster PAS juga diedarkan, dinaikkan oleh peniaga-peniaga yang berkenaan.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, Kerajaan adil dalam memberikan bahagian-bahagian yang tertentu dan kita memberikan kesemua ini adalah tidak manasabah bahawa Kerajaan dapat memenuhi semua permintaan-permintaan yang tidak terhad ini berasaskan kepada apa yang Kerajaan ada. Namun demikian, ini tidak bermakna kita melarikan diri dari tanggungjawab, apa yang kita harapkan ialah wakil-wakil daripada Pembangkang bersikap positiflah, bukannya kata orang 'Kuman Di Seberang Lautan Nampak, Gajah Di Tepi Mata Tiada Kelihatan', 'Telunjuk Lurus Kelingking Berkait' bila di Dewan bersikap 'Menanam Tebu Di Bibir Mulut'. Semuanya positif bila di Dewan tapi bila di luar Dewan semuanya bersikap negatif. Inilah kita harap bahawa kesedaran dan keinsafan adalah menjadi tanggungjawab kita bersama kerana kita bukan sahaja bertanggungjawab di Dewan mulia ini kita bertanggungjawab kepada Allah S.W.T. dan kita akan menemui ajal bila-bila masa. Jadilah bersedia lah kita dengan menangani masalah ini kerana adalah menjadi tanggungjawab kita bersama bagi membangunkan Negeri Terengganu Darul Iman, dan janganlah.....

YANG BERHORMAT HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Berhormat Mulia Dato' Yang di-Pertua, penjelasan - Berapa tahun lagi mengikut jangkaannya Sistem Perparitan di Kuala Terengganu ini dapat diselesaikan.

YANG BERHORMAT ENCIK AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua jangkamasa untuk menyiapkan tidak dapat ditentukan kerananya ianya berasaskan kepada peruntuhan yang ada dan keperluan-keperluan dari masa ke semasa, kerana ianya akan diadakan peringkat demi peringkat dan banyak faktor-faktor lain yang perlu diambil kira.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, soalan tambahan, setakat ini berapa peratus sistem perparitan itu telah siap.

YANG BERHORMAT ENCIK AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Yang Berhormat Mulia Dato' Yang di-Pertua, dari segi percentagenya ianya masih di bawah paras 50%. Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua

YANG BERHORMAT HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Berhormat Mulia Dato' Yang di-Pertua, soalan tambahan - Sistem Perparitan itu di mula dari mana dan hendak ke mana?

7 Jun 1995

YANG BERHORMAT ENCIK AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Yang Berhormat Mulia Dato' Yang di-Pertua, sebagaimana yang kita tahu Sistem Perparitan ianya untuk mengalirkan air sudah tentu dari kawasan tadahan air dan berakhir di sungai atau ke laut...

YANG BERHORMAT HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Sebab itu saya tanya bermula dari mana dan hendak di bawa ke mana?

YANG BERHORMAT ENCIK AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Betullah tu, bermula dari tadahan air daripada paya daripada tempat-tempat kumpulan air sehingga ke sungai dan juga laut itu tempat akhirnya. Yang Berhormat Mulia Dato' Yang di-Pertua, saya juga berharap bahawa cabaran-cabaran dan juga fitnah-fitnah yang dilemparkan oleh rakan saya terutamanya dari Wakil Wakaf Mempelam supaya dapat melihat dalam diri sendiri, banyak perkara-perkara yang dibangkitkan dan seolah-olah mengadakan pertemuan-pertemuan seterusnya. Saya berharap ianya dapatlah difikir secara rasional kerana saya mempunyai bukti sebagaimana saya katakan tadi apa-apa jua perkara yang telah dilakukan termasuk gambar-gambarnya sekali, bagaimana kubur berasingan dilakukan oleh PAS banyak perkara-perkara lain. Saya berharap perkara ini dapat dihindari kalau berlaku hentikanlah setakat ini sahaja, mudah-mudahan hari esok lebih baik pada hari ini, dan esok masih ada untuk kita semua. Sekian, wassalamualaikum waramatullahi wabarakatuh, terima kasih, Dato' Yang di-Pertua.

YANG BERHORMAT DATO' AZIZ @ IBRAHIM BIN AWANG (Wakil Sura): Assalamualaikum Waramatullahi Wabarakatuh. Yang Berhormat Mulia Dato' Yang di-Pertua, saya ingin mengambil kesempatan bagi membahas sama secara ringkas Titah Duli Yang Maha Mulia Tuanku semasa Perasmian Dewan pada hari yang lalu. Yang Berhormat Mulia Dato' Yang di-Pertua, di antara intipati yang dibangkitkan oleh Titah Ucapan Tuanku itu ialah soal ataupun perkara yang berkaitan dengan perancangan Pembangunan Negeri Terengganu peringkat yang kedua. Ada di kalangan Wakil Pembangkang yang menimbulkan reaksi yang negatif yang tidak yakin seolah-olah perancangan yang dibuat ini sebagai satu dengan izin, Yang Berhormat Mulia Dato' Yang di-Pertua, gimik politik Kerajaan semata-mata. Yang Berhormat Mulia Dato' Yang di-Pertua, bila kita membahas dan membincang masalah-masalah yang berkaitan dengan Pembangunan Ekonomi Negeri Terengganu ini, kita perlulah melihat Negeri Terengganu ini dalam skop dan perspektif yang lebih luas, kita tidak boleh bincang Negeri Terengganu hanya Terengganu sahaja dalam dunia ini. Kita kena lihat dari perspektif yang besar iaitu entity Terengganu dalam Malaysia entity Malaysia dalam politik dan ekonomi antarabangsa. Yang Berhormat Mulia Dato' Yang di-Pertua, Ahli Ekonomi, Pakar Ekonomi menulis memberi komen badan-badan kewangan antarabangsa, agensi antarabangsa memang dalam laporan-laporan yang dikemukakan kepada umum mengesahkan bahawa Malaysia adalah merupakan sebuah negara yang paling berjaya dari segi Pembangunan Ekonomi dan kestabilan politik di kalangan negara-negara yang sedang membangun. Walaupun isu ini, berita ini sudah lama Yang Berhormat Mulia Dato' Yang di-Pertua, kadang-kadang kita perlu mengambil fakta ini sebagai peringatan kepada kita bagi menunjukkan bahawa setakat mana kita berjaya dalam dunia

7 Jun 1995

ini, jangan kita hanya pandai bercakap tentang perkara-perkara yang kurang baik, kesan-kesan yang tidak baik sedikit sebanyak terdapat dalam masa kita merancang dan melaksanakan projek-projek dalam pembangunan negara kita ini. Dan isu-isu ini diperbesarkan oleh Parti Pembangkang dalam ceramah-ceramah dia di merata tempat, itu saya dibangkitkan tidak ada saya dengar satu perkara yang positif yang baik yang telah Kerajaan Malaysia buat mahupun yang Kerajaan Negeri Terengganu buat selama ini. Ini perkara yang perlu kita ambil pengiktiran Dato' Yang di-Pertua. Dato' Yang di-Pertua, jadi melihat kepada perspektif yang luas dari segi ekonomi dan pembangunan ini bahawa kalau Negeri Terengganu ini mempunyai Wawasan/iltizam bagi menyatakan kepada rakyat Terengganu bahawa kita juga ada Wawasan untuk hendak jadikan Negeri Terengganu ini lebih baik daripada masa-masa yang lalu. Jadi tidaklah timbul tidaklah ada persoalan dan kalau ada yang kedua bila ada yang dulu tentulah ada peringkat kedua ada peringkat yang pertama. Tetapi oleh kerana kita ini tabiat kita ini kalau yang dalam rumah kita yang dalam negeri kita tempat kita tidur, tempat kita makan, tempat kita berak dengan izin kadang-kadang kita tak berahi kita tak suka kepada negeri kita ini. Kita duduk sini, kita cari makan sini kita senang di sini. Walaupun Kuala Lumpur tu luas tempat cari makan kita hendak buka syarikat kita di sini yang lebih berjaya, sudah jadi kaya raya, sudah milik tanah yang banyak sudah jadi Ahli Politik setengah-setengah tu, dari mana kejayaan ini, kejayaan ini kerana bagus ada pembangunan ada kejayaan yang datangnya daripada perancangan Kerajaan. Sesuatu hasil yang baik itu bukan datang dari langit cara tiba-tiba tu dak, dia mesti dirancang, dia mesti disusun oleh pembuat dasar, oleh orang yang menjalankan dasar dan juga oleh rakyat yang menerima perancangan dan dasar yang dilaksanakan itu.

Dato' Yang di-Pertua, jadi berkait dengan kejayaan yang telah kita capai dari segi pertumbuhan ekonomi 8.4% bagi Malaysia dan melihat kepada kekuatan yang ada kepada Negeri Terengganu dari segi fizikalnya, dari segi geografinya, kekuatan-kekuatan alam semulajadinya, hasil faktor-faktor yang ada faktor-faktor kekuatan ekonomi yang boleh mendorong kepada pencapaian ke arah pencapaian Pembangunan Fasa II ini itu sebabnya Ketua Kerajaan kita telah merancangkan dan kita rasa iltizam ini kita rasa committed dan perlu dilaksanakan. Tetapi oleh kerana itu tidak betul sama sekali seperti apa yang dibangkitkan oleh Wakil-wakil Pembangkang seolah-olah benda ini nak main semata-mata, macam iklan wayang gambar, iklan rokok dan sebagainya.

Dato' Yang di-Pertua, oleh kerana keyakinan ini saya berani buktikan di sini bahawa kerana terbukti, terbukti dalam masa Pilihanraya tak kanlah 18 - 19 juta rakyat Malaysia ini tak yakin dengan Dr. Mahathir Mohamad, tak yakin dengan Malaysia ini boleh beri undi yang besar kepada Barisan Nasional kepada Negeri Terengganu sendiri pun walau pun PAS telah rancang 5 tahun dahulu '3 T' (Tahun Tawan Terengganu) tapi nampak tak boleh tawan jugak, kohor dak rak Dato' Yang di-Pertua.

YANG BERHORMAT HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): ... tapi sama dengan ...

7 Jun 1995

YANG BERHORMAT DATO' AZIZ @ IBRAHIM BIN AWANG (Wakil Sura): ... saya dok beri Dato' Yang di-Pertua ini, saya

YANG BERHORMAT HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Penjelasan Dato' Yang di-Pertua - '3 T' sama dengan 'TSB' jugak, 'TSB' tidak berjaya jugak.

YANG BERHORMAT DATO' AZIZ @ IBRAHIM BIN AWANG (Wakil Sura): Yalah, dia hendak elak, saya ada cerita Dato' Yang di-Pertua ni, ada seorang penceramah hebat daripada Kelantan datang ke tempat saya, dalam ribuan pendengar ramai dekat rumah saya, dia tuju, tabiat orang PAS ini, Dato' Yang di-Pertua, saya pun rasa peliklah, dengan poster dia. Saya pada satu malam saya balik pukul 3.00 pagi, ada orang telefon saya, dia kata; "Yang Berhormat, balik karang jangan kejut", saya kata; "Bakpa?", "Ada bulan besar se depan tangga". Sayapun balik pukul 3.00 pagi, bapak bulan, bapak bulan dia bubuh di mana, depan tangga saya, dia tahu dah saya tanding DUN Sura. Tapi pasal apa? Pasal menganjing. Dalam ucapan orang yang datang berceramah dia kata guana, dia kata jangan susah hak dua menang tak bertanding di Dungun tu, adalah batu nesan bagi Negeri Terengganu. Nampak bila Pilihanraya Dato' Yang di-Pertua, takdok - tujuh sahaja dia boleh. Tapi dengar pada syarahan dia, ceramah dia, penerangan kepada Ahli dia, takdok benda dah Terengganu ni, PAS selalu dah. Menteri Besar pun hak mana, pilihlah antara dua tu, Wakil Manir ke ataupun Wakil Rhu Rendang tak tahulah, tapi Alhamdulillah rakyat sedar Dato' Yang di-Pertua, rakyat fikir ada kebaikan, banyak faedah. Tapi di antara PAS, Yang Berhormat Dato Yang di-Pertua, sama dia tu gak macam pakaianlah, Dato' Yang di-Pertua, ada pakai serban jenis begini, ada hak serban tu pulak tu macam piring terbang, hok pakai baju kot, jadi tabiat semua ni tak sama, Dato Yang di-Pertua. Jadi kalau maknanya, saya rasa yang kalah bertanding lawan dengan saya dan juga DUN Rantau Abang tu dia kena kecek, pasal hak Parlimen sain betul hak saya dengan hak percalonan lawan saya dengan lawan DUN Rantau Abang sain tidak betul, gamak kena tipu jugak gamaknya, tidak boleh percaya sangat sama sendiri pun, Yang Berhormat Mulia Dato' Yang di-Pertua, saya inilah berasa sangat dukacita apa yang berlaku kepada Ahli-ahli Pembangkang kita ni, bila dalam Dewan ni macam-macam di tanya tapi style dia bercakap tadi itu Dato' Yang di-Pertua seolah-olah kita ni bodoh belaka ni. Ini orang tidak baca belaka ni, surat khabar dok baca, Harakah memang kita memang kita dok bacalah, surat khabar lain memang kita baca, ... baca juga Harakah ya. Seolah-olah kita dok tahu benda kita ni dengan cara dia berhujah, dengan bahasa, dengan bombastic language dia mentang-mentang dia duduk hadir mahkamah seolah - eleh tonye belaka, dak Yang Berhormat Mulia Dato' Yang di-Pertua tidak betul sama sekali. Bila dia kata Kerajaan tidak bertanggungjawab beri tanah begini seolah-olah kita ni rasuah belaka ni, saya nak katalah Yang Berhormat Mulia Dato' Yang di-Pertua, setakat yang saya berkhidmat sebagai ADUN, wakil rakyat ni diberi mandat oleh Kerajaan juga oleh rakyat, oleh parti. Saya rasalah wakil-wakil rakyat Barisan Nasional Negeri Terengganu orang yang betul-betul berkhidmat kepada rakyat, siang malam rakyat mari mengadu, hak sakit demam, mati relai, susah siti, nak pergi belajar sini, wakil rakyatlah tempat mengadu, orang Pas tidak ada ni, tak buat benda begini ni, kerja dia apa? Kerja dia pergi ceramah, dok buruk tu buruk sini, masuk-masuk

7 Jun 1995

kampung, pangkah bulan cerahlah, gelaplah tidak reti nak sebut... Macam-macam bila orang buat posterlah, tahulah Menteri Besar nak pergi, bubuh poster selalu. Tahulah Perdana Menteri nak mari dalam laut pun bubuh poster atas bukitpun bubuh poster, alhamdulillah ...

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): ... Penjelasan, Dato' Yang di-Pertua,

YANG BERHORMAT DATO' AZIZ @ IBRAHIM BIN AWANG (Wakil Sura): ... tidak boleh nak beri Yang Berhormat Mulia Dato' Yang di-Pertua, ...

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Dato' Yang di-Pertua, setaraf ni ke jawab....

YANG BERHORMAT DATO' AZIZ @ IBRAHIM BIN AWANG (Wakil Sura): Saya nak pergi, saya nak terus, saya tak nak ganggu itu Yang Berhormat Mulia Dato' Yang di-Pertua.

YANG BERHORMAT MULIA DATO' YANG DI-PERTUA: Saya kira Yang Berhormat ...

YANG BERHORMAT DATO' AZIZ @ IBRAHIM BIN AWANG (Wakil Sura): Alhamdulillah Dato' Yang di-Pertua rakyat Negeri Terengganu sedar dan kita telah menang dengan jaya dan cemerlangnya. Alhamdulillah dan iltizam barunya ialah kita kena kerja untuk Pembangunan Negeri Terengganu Fasa Yang Kedua. Kita yakin sebab kita ni komponen dalam Malaysia, Terengganu dalam Malaysia sekarang ini perubahan ekonomi berubah sama sekali dan di mana 'paradine' atau istilah ekonomi 'paradigma' perubahan di mana Asia Pasifik termasuklah Pantai Timur ini telah menjadi koridor utama kepada pembangunan pada masa akan datang. Jadi perancangan Kerajaan kita ke arah nak jadikan Terengganu Negeri perindustrian tepat, memang tepat di samping pembangunan-pembangunan yang lain. Jadi Dato' Yang di-Pertua, kadang-kadang ya-lah rakyat pun tertipi, saya ada satu perkara berasa pelik jugak ni, saya tidak nak apa namanya sensitif sangat tapi orang Pas ni bila letak label kepada orang dia ni mudah sungguh, anak murid saya dia tidak sekolah agama cuma dia dengar sajalah, lepas tu pakai serban dia panggil Tok Guru selalu, Tok Guru. Tapi Tok Kadi tempat saya lulus Universiti di suruh guana, dia kata; 'Tok Kadi ni kena pergi belajar semula nampak gayanya', orang kampung tapi hak cikgu tidak sekolah, belajar agama ni dipanggil Tok Guru pasal apa, pasal label, pasal dia pakai serban, jadi ada label Tok Gurulah, ada doktorlah ada macam-macam doktor. Jadi salah seorang yang dipanggil doktor itu ialah Wakil Manir, panggil Doktor apa, tidak tahu sama ada betul-betul Doktor atau tidak itu wallahualam, saya pun tidak tahu, orang panggil dia Doktor Harun Taib, Wakil Manir dok. Saya tidak tahu sama ada dia betul-betul Doktor atau tidak, jadi sayapun tidak berapa hirau dengan benda-benda begini, cuma kadang-kadang ada orang bangkit perkara-perkara yang seperti itu. Yang Berhormat Mulia Dato' Yang di-Pertua, soalnya ialah dari segi perkara ini berkait dengan Fasa Pembangunan Ekonomi Negeri Terengganu ini perancangan Kerajaan nak jadikan Negeri Terengganu ini

7 Jun 1995

sebagai Negeri Perindustrian setaraf bertanding dengan negeri-negeri lain adalah satu perancangan yang sangat tepat. Saya ada komen daripada orang luar 'Dato' Yang di-Pertua, tadi saya sebut orang Terengganu sendiri tak berahi Terengganu, tapi orang luar suka Terengganu, dia puji Terengganu masuk saja daripada Kemaman, sempadan Kemaman, jalan sudah berbeza sama sekali. Masuk bandar Kemaman terus sampai masuk pula ke Kijal apa yang ada situ ada Toxide, Perwaja, Gunawan, lepas itu pulak Pelabuhan Kemaman, lepas tu ada pulak Kijal Resort, masuk Paka ada pulak Poly Athlene, Esso, Penapisan pertama, Paka pulak PGU Lima, Enam, Tujuh, Lapan, Allah banyak, banyak. Dulu Dato' Yang di-Pertua, yang bekerja di Petronas ni jarang nak cari orang Terengganu tidak ada, hari ini dah ramai orang Terengganu, pasal peluang ni dasar perancangan Pembangunan Manusia ini telah dirancang bersungguh-sungguh oleh Kerajaan Negeri Terengganu. Kalau kita berbandingkan perancangan ini dari segi ini dengan negeri-negeri lain, negeri Terengganu tempat yang pertama Dato' Yang di-Pertua. Dari segi nak beri latihan memang tepat cara ini, salah satu cara kita nak basmi kemiskinan ialah tak padan dengan beri bantuan kebajikan RM50 dan RM70 sebulan Dato' Yang di-Pertua, kita kena beri latihan, pendidikan, kemahiran kepada anak-anaknya, peluang pekerjaan, kita pergi Kanada ada jumpa orang Terengganu, belajar apa? Belajar hal minyak. Di mana? di Calgary. Kita pergi ke Australia ada orang Terengganu, pergi ke London jumpa orang Terengganu bukan datang daripada Kuala Terengganu, datang daripada Hulu Terengganu pun ada, datang daripada Hulu Manir pun ada, ceruk Batu Buruk pun ada, semua ada dasar mana ni. Dato' Yang di-Pertua? Dasar Kerajaan Barisan Nasional yang dipimpin oleh UMNO dalam Negeri Terengganu ni pasal apa kita hendak nafi ni. Kadang-kadang kita sedih sedikit, pasal orang Pas pergi kecek dia ni, bila sampai masa kempen dia jugak tumpang ambil sama, ambil gergaji, ambil togok, ambil tukul duk katok poster Pas jugak, ni nak beri sedar balik ni, pasal dikecek oleh wakil-wakil daripada Parti Pas. Konon hak dialah hak Islam, hak orang lain tidak Islam Dato' Yang di-Pertua. Yang Berhormat Mulia Dato' Yang di-Pertua, kalau panjang sangat saya tidak boleh beri peluang pulak kepada sahabat-sahabat saya yang lain, jadi biarlah saya khusus pergi kepada spesifik dengan izin isu yang dibangkitkan oleh beberapa orang wakil. Wakil yang pertama sekali ialah Wakaf Mempelam dia soalkan masalah Kerajaan benar buat Marlboro, Castrol Cub Prix hendak dibuat pada 10 haribulan ini, sudah dua tahun kita buat, sebenarnya belanja Kerajaan Negeri Dato' Yang di-Pertua RM10,000 saja. Syarikat yang mensponserkan ini dia kena belanja RM300,000. Kita kena ambil kira dah, ambil kira hal keselamatan awam dan sebagainya, keselamatannya, dan kita tanya dulu doktor, tanya dulu Pengarah Kesihatan, ganggu tidak hospital, orang sakit gini, gini. Kata dia; 'Tak ganggu boleh buat.' Dan dia juga duduk dalam committee, polis tanya juga; 'Selamat tidak jalanraya?' 'Selamat tak masalah'. Walau bagaimana sekalipun hak 10 haribulan ni kita buat juga di Batu Burok, tapi jika kita sensitif pada pandangan orang ramai jika sekiranya rakyat kata perlu ubah tempat lain, kita cari jalanlah untuk ubah. Bukan jadi satu masalah besar sangat benda-benda yang begini, tapi dari segi pelaksanaan sukan ke arah pelancongan ni, nak galak pelancongan ni, saya nak maklumkan tahun 1994, 30,000 Dato' Yang di-Pertua, orang datang, penuh hotel-hotel ni, penuh hotel ni. Orang daripada Kota Bharu, daripada Kuantan, anak-anak muda kita hak gila-gila bahasa berlumba atas jalanraya, hak kita serabut dengar itu, dapat ambil bahagian sama. Dia ada satu pulak event

7 Jun 1995

khas untuk anak-anak Terengganu, orang muda Terengganu masuk pertandingan. Jadi tak boleh isulah tapi saya nak bagi sini bukan kerana nak marah kepada wakil Wakaf Mempelam, dia tanya saja, bukan nak marah cuma tak berapa jelas tadi.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Penjelasan Dato' Yang di-Pertua - saya timbulkan perkara ni

YANG BERHORMAT DATO' AZIZ @ IBRAHIM BIN AWANG (Wakil Sura): ... Dato' Yang di-Pertua, saya sudah beritahu, saya tak nak beri izin, saya nak habis cepat ini, Dato' Yang di-pertua. Perkara yang kedua yang dibangkitkan, maaf, dia lampu merah sokmo, ... (KETAWA) Hak serius, serius jugak, gurau, gurau jugak, Wakil Wakaf Mempelam, kita kenal sokmo dah. Perkara yang kedua ialah yang dibangkitkan oleh wakil daripada Batu Burok, ini isu lama Yang di-Pertua, Safari Park, saya dah jawab beberapa kali dah. Sebenarnya perkara ini tak perlu jawablah tapi biarlah saya nak beri pandangan yang sebenarnya iaitu tentulah Yang Amat Berhormat beri satu statement, tapi statement ini memang statement yang betul, kita berasa dukacita kerana lembab berjalan, itu saja, tapi soal bab curi balak tidak timbul sebab telah dikawal oleh Jawatankuasa, ada dua Jawatankuasa Teknikal yang kawal peringkat daerah ada, peringkat negeri ada. Jabatan Perhutanan dia memang setiap batang pokok yang nak ditebang tu mesti ditanda terlebih dahulu, mendapat kebenaran. Dan hotel pun telah naik cuma perlahan sikit betullah pasal diapun ada masalah kewangan sekarang ini dan kita tak boleh nak halau, lari mu gini sebab dia dah bayar premium tanah, kita kena tolonglah seperti ni. Jadi isu tu tidaklah menjadi satu isu yang besar, lambat memang lambat, dan dukacita memang kita rasa dukacita. Tapi kita rasa positif dia dapat laksanakan dan kita akan cari jalan desak dia supaya dia lebih bersungguh-sungguh lagi. Perkara yang kedua Dato' Yang di-Pertua, berkenaan dengan Kijal Resort ini cerita lama jugak, saya kata dah dulu iaitu penilaian tanah ini dibuat oleh Jawatankuasa, pakar penilai, panel penilai yang dibuat oleh Kerajaan ada dan swasta ada dan harga tanahpun boleh tanah Dato' Yang di-Pertua iaitu lebih kurang dalam RM50,000.00 satu ekar, tanah itu. Dan pelaburan yang kita dapat tu banyak mana tu ekuiti kita ialah 70% di Kijal Resort, hari ni dah jadi dah tu belum lagi masuk fasa yang kedua itulah cara yang dapat kita buat, Dato' Yang di-Pertua tanah kita kosongpun takdok harga tidak boleh nak buat apa. Kalau tidak ada orang yang nak maju di situ kecuali ada pulak orang-orang PAS nak buat hotel, tapi orang PAS tidak berahi pelancongan Dato' Yang di-Pertua, dia tidak berahi pelancongan ini, sebab itulah Wakil Rhu Rendang saya hendak ulas sikit dia sebut, dia kata Kerajaan ni tidak ambil perhatian, takdok tindakan, takdok peraturan, buat pembangunan pelancongan ini bawa maksiat, saya rasa tak dok tu. Bila kita lancar buat dasar pelancongan Negeri Terengganu kita kata kita punya falsafah kita, kita punya slogan kita 'Negeri Cantik, Budaya Menarik', 'Orang Baik, Negeri Cantik Budaya Menarik', Negeri Terengganu, datang ke Terengganu 'For Nature and Adventure' - dengan izin Dato' Yang di-Pertua. Kita tidak kata Negeri Terengganu datang untuk 'for the sex', kata untuk 'for sex' ke 'for gambling' ke, ada 'new disgam' ke. Kadang-

7 Jun 1995

kadang Dato' Yang di-Pertua, tabiat pelancong orang putih ni ada juga, dia rasa orang takdok tu dia pakar bikini lebih kurang, tapi orang kita ni berahi teropong ... (KETAWA) hak ini susah, dia berahi mengintai, dia pergi intai, orang Marang berahi jugak ni, orang Marang, orang Batu Burok dia berahi mengintai, lepas itu dia buat isu. Takdok, sebenarnya Dato' Yang di-Pertua, yang ramai datang Dato' Yang di-Pertua, datang dengan pakej, bulan Jun, Julai, Ogos, 60 pakej orang Taiwan datang ke Negeri Terengganu, 3,000 semua sekali, hari ini hotel penuh Dato' Yang di-Pertua, bukan lawyer buruk, dok ni sungguh, memang sungguhlah. Jadi tak doklah kata, kata dia datang buat maksiat, tak dok, Negeri Terengganu ni Negeri Darul Iman Dato' Yang di-Pertua, sikit-sikit yang negatif tu, yang dia buat tu saya rasa tak banyak dibuat oleh orang luar, yang dibuat oleh tabiat oleh orang kita sendiri, hak buat maksiat bukan nanti pelancongan Dato' Yang di-Pertua. Hak jenis rogoi kadang-kadang setahun kita dengar rogoi di Rhu Tapai ada, Wakaf Mempelam pun ada sesekali, Pantai Cinta Berahi, Hotel Perdana yang saya dengar di Hotel tahun ini hak lepas dah di Hotel Perdana, hak kena tangkap tu, hak tu ada saya dengar, tapi dia tidak melancong, hak tu selesai dah tak benda dah, tapi saya rasa tak dok benda tu, datang dengan pakej, datang dengan baik dan kita dapat faedah dan kita rasa setakat inilah Kerajaan sendirilah maknanya sangat konservatif sikit. Sangat konservatif dari segi nak response bagi membantu para pelabur yang melabur di Negeri Terengganu dalam kos yang beratus juta ringgit Dato' Yang di-Pertua. Kita sedikit konservatif sikit bukan kerana apa, kita hendak jaga kepentingan Negeri Terengganu pada masa akan datang. Kalau kita boleh buat macam Pulau Pinang, macam Johor, pendek kata Negeri Terengganu, penuh dengan orang luar ni, hari inilah, Dato' Yang di-Pertua, sebenar sekalinya. Jadi saya rasa dari perkara-perkara yang saya sebut tadi Dato' Yang di-Pertua, terjawablah lebih kuranglah maknanya saya sokong atas Titah Ucapan Tuanku dan juga berdiri teguh di belakang ilitzam Kerajaan pimpinan Menteri Besar kita yang nak jadikan Negeri Terengganu masuk ke peringkat Fasa Pembangunan Peringkat Yang Kedua yang lebih agresif, yang lebih kuat, yang lebih boleh menghala kepada pembangunan-pembangunan perindustrian juga pembangunan-pembangunan yang lain dan sekaligus membasmi kemiskinan, naik imej negeri, naik taraf hidup rakyat, rakyat lebih selesa, agama kohor kuat, rakyat berasa lebih yakin, kita rasa seronok duduk negeri kita sendiri, kita rasa sayang kepada negeri kita sendiri dan kalau pihak Pembangkang hendak ambil bahagian sama, biar dia juga ambil bahagian dengan secara yang lebih positif. Sekian, wassallamualaikum warahmatullahi wabarokatuh. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI DR. MOHD YUSOF BIN HAJI MOHD NOOR (Wakil Kampung Raja): Dato' Yang di-Pertua, Yang Berhormat Ahli-ahli Dewan. Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh. Saya cuma ingin mengambil bahagian untuk menyebutkan dua perkara sahaja yang saya fikir telah ditimbulkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat, sewaktu membahaskan Titah Duli Yang Maha Mulia Tuanku.

Yang Berhormat daripada Manir telah menyebutkan tentang suatu perkara yang dianggap sebagai ura-ura penyerahan Kolej Ugama Sultan Zainal Abidin kepada Kerajaan Pusat. Oleh kerana perkara itu disebut walaupun ia hanya merupakan ura-ura tapi dalam zaman sekarang

7 Jun 1995

kadang-kadang perkataan ura-ura itu ditafsirkan oleh setengah-setengah pihak yang suka mengelirukan semua kenyataan sebagai satu realiti. Sebenarnya KUSZA adalah bagaimana yang telah diketahui oleh umum khususnya di Negeri Terengganu ini ia merupakan salah satu daripada anak kandung pemerintahan Kerajaan Negeri Terengganu sejak daripada mula memerintah hingga sekarang ini atas nama Kerajaan Barisan Nasional. Maka sudah tentu kalau kita berfikir dengan baik bukanlah satu perkara yang mudah untuk menyerahkan satu perkara yang kita usahakan secara bersungguh-sungguh dan telah kita menggunakan berbagai-bagai pihak yang terlibat dalam pentadbiran negeri untuk melahirkan sebuah Pusat Pengajian yang merupakan kesinambungan daripada perjuangan rakyat Negeri Terengganu daripada dahulu yang sentiasa menekankan bahawa Negeri Terengganu perlu mempunyai Pusat Pengajian Agama sebagai teras kebangkitan kemajuan negeri ini pada masa akan datang. Maka sebab itu selepas daripada saya mendengar kenyataan daripada Yang Berhormat Manir tentang ura-ura itu saya cuba berfikir di manakah puncanya kalau-kalau ada Ahli-ahli Majlis KUSZA yang salah sebut perkara ini atau daripada orang-orang lain daripada pihak yang terlibat dengan Pentadbiran Kerajaan Negeri menyebutkan perkataan ura-ura ini. Fikir punya fikir Dato' Yang di-Pertua saya dapati ini mungkin hanya ditimbulkan oleh orang-orang yang sentiasa meragui tentang semua usaha yang dibuat oleh Kerajaan terutamanya Kerajaan Barisan Nasional yang sentiasa diirihati oleh setengah-setengah pihak dan mencurigai segala tingkah-tingkah laku dan juga perancangan yang dibuat Kerajaan Barisan Nasional. Fikir punya fikir ura-ura ini sudah jelas merupakan, merupakan perkara yang sengaja ditimbulkan dan ingin saya menjelaskan bahawa yang benar berlaku ialah perundingan di antara pihak KUSZA dan juga pihak Kerajaan Negeri Terengganu dengan beberapa pihak di Kementerian Pelajaran, Kementerian Pendidikan dan juga beberapa Pusat Pengajian Tinggi di Malaysia ini untuk mempastikan supaya KUSZA suatu masa nanti akan menjadi sebuah Pusat Pengajian Tinggi yang sama tarafnya atau tidak kurang kecermelangannya bersama-sama dengan pusat-pusat pengajian lain dalam negara ini. Ruparupanya sewaktu kita berbincang sudah ada orang mengandaikan bahawa kita akan menyerahkan KUSZA ini kepada Kerajaan Pusat. Dan selepas daripada kenyataan itu dibuat, maka tentulah akan ada ekoran yang lain iaitu yang mengatakan bahawa Kerajaan ini akan menggadaikan hartanya kepada orang-orang lain dan begitulah seterusnya perkara yang sentiasa kita dengar sengaja direka, disebut untuk melahirkan perasaan benci dan marah di kalangan rakyat kepada Kerajaan ini. Saya yakin bahawa usaha yang dibuat oleh KUSZA berdasarkan kepada restu Kerajaan Negeri sendiri untuk mempastikan supaya KUSZA akan menjadi sebuah Universiti, ia tentunya perlu dimulakan dengan perundingan dan perundingan ini sedang berjalan, sedang berjalan dan saya ingin menyatakan di sini bahawa pihak Kabinet Kerajaan pun telah membincangkan hal ini dan perkara yang telah diputuskan ialah untuk mengkaji perkara ini secara lebih mendalam dan di samping itu walaupun kajian itu berjalan dan satu keputusan yang muktamad oleh pihak kabinet belum dibuat tapi sekurang-kurangnya langkah-langkah awal telah pun dibuat iaitu perundingan secara langsung di antara pihak KUSZA dengan Universiti Islam Antarabangsa. Dan baru-baru ini telah pun dibuat pengumuman oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri mengenai dengan rangka kerjasama di antara UIA dengan KUSZA ini. Semuanya itu merupakan kesungguhan usaha Kerajaan Negeri Terengganu dan dengan

7 Jun 1995

lebih khusus usaha pihak KUSZA sendiri untuk menolong pencapaian matlamat supaya Terengganu mempunyai Universiti yang tersendiri dan saya percaya hasrat ini akan tercapai di bawah kesungguhan dan di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Amar Di Raja sebagai Menteri Besar Negeri yang daripada awal lagi telah mengikuti perkembangan KUSZA ini dan telah mengarahkan berbagai-bagai perkara bagi mempastikan supaya KUSZA akan terus menjadi mengarahkan berbagai-bagai perkara bagi mempastikan KUSZA akan terus menjadi kebangaan Negeri Terengganu. Selain daripada itu satu perkara yang disebutkan ialah mengenai dengan pengiktirafan Sijil Sekolah Menengah Sultan Zainal Abidin. Saya ingin menegaskan bahawa perkara ini bukanlah merupakan satu perkara yang membayangkan bahawa pihak Universiti Al-Azhar memandang rendah kepada Sijil yang dikeluarkan oleh Sekolah Sultan Zainal Abidin. Sebenarnya baru-baru ini pihak Universiti yang berkenaan telah mengkaji semua, semua Sijil yang dikeluarkan oleh semua pihak yang telah pernah diiktiraf oleh Universiti Azhar dan kajian yang dibuat oleh pihak Universiti Azhar itu adalah merupakan tradisi biasa. Sepanjang pengetahuan saya dalam tempoh-tempoh yang tertentu Universiti itu mengkaji semula pengiktirafan yang diberi supaya mereka tidak hanya kekal mengiktiraf sesuatu Universiti itu dengan tidak mengkaji perkembangan yang berlaku di Institusi yang berkenaan dan hasil daripada polisi itu maka baru-baru ini Sijil Sekolah Menengah Sultan Zainal Abidin dan juga semua Sijil-Sijil Sekolah Menengah di Malaysia ini dan kalau tidak silap saya semua sijil-sijil yang lain yang pernah diiktiraf oleh Azhar di negara-negara yang lain dikaji semula. Maka oleh kerana Kerajaan ini merupakan Kerajaan yang tidak akan mengalpakan sebarang ketemahan berlaku maka dalam bulan ini juga akan ada satu perundingan yang terus di antara pihak Kerajaan Negeri ini dengan pihak Universiti Azhar supaya dapat dipastikan bahawa lepasan Sekolah Sultan Zainal Abidin atau yang membawa sijil Sekolah Menengah Sultan Zainal Abidin akan mendapat tempat seperti biasa di Universiti Azhar. Apakah lagi yang diragui terhadap Kerajaan ini, Kerajaan yang sentiasa bekerja untuk menolong rakyat inilah Kerajaan Barisan Nasional dan saya fikir kerana itulah Kerajaan Barisan Nasional sentiasa menang dalam pilihanraya. Kerana kita bekerja untuk menolong rakyat dan kita walaupun kita kadang-kadang difitnahkan saya fikir makin banyak fitnah maka makin bertambahlah kekuatan sebuah Kerajaan yang sentiasa bekerja dengan tulus ikhlas. Sekian, Dato' Yang di-Pertua, terima kasih.

YANG BERHORMAT MULIA DATO' YANG DI-PERTUA: Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MAMAT GHAZALEE BIN ABDUL RAHMAN (Wakil Langkap): Yang Berhormat Mulia Dato' Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kerana dapat peluang untuk sama-sama menggulung perbahasan Titah Ucapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku dalam sidang pada kali ini. Terima kasih, kepada Ahli Yang Berhormat daripada Bukit Besi, Rhu Rendang, Wakaf Mempelam, Manir, Jabi, Kijal, Batu Burok dan Kuala Besut yang telah menyentuh perkara-perkara di bawah portfolio saya.

Pertama, Yang Berhormat Mulia Dato' Yang di-Pertua, izinkan saya menyentuh perkara-perkara yang telah dibawah di bawah sektor Petroleum. Pertama sekali dan utama sekali kita semua

7 Jun 1995

sebagai Ahli Dewan dan rakyat Negeri Terengganu tidak lupa untuk mengucapkan untuk Menjunjung Kasih Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tunku Al-Sultan kerana di dalam ucapan beliau Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku telah turut sama membangkitkan soalan Pembukaan Institut Teknologi PETRONAS dan di dalam Titah Ucapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Baginda telah turut sama meminta supaya PETRONAS mengkaji semula untuk menempatkan Institusi Teknologi PETRONAS tersebut di Negeri Terengganu dan bukan di suatu negeri yang lain di luar daripada Negeri Terengganu. Saya percaya PETRONAS akan memandang berat dan tidak mengecewakan kita rakyat Terengganu di dalam perkara ini dan di atas sokongan semua sekali Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan yang berucap hampir semuanya telah menyatakan sokongan dan meminta supaya PETRONAS membuat keputusan untuk menempatkan Institut Teknologi PETRONAS itu di Negeri Terengganu saya ucapkan berbanyak terima kasih dan berharap akan diambil perhatian yang serius oleh pihak PETRONAS dan mudah-mudahan keputusan akan dibuat untuk menempatkan Institut Teknologi yang berkenaan itu di Negeri Terengganu.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, Ahli daripada Rhu Rendang yang turut sama menyokong supaya Institut Teknologi PETRONAS ini ditempatkan di Negeri Terengganu pada masa yang sama telah mencubit sambil sokong, sambil mencubit sokong tapi mencubit dengan menyatakan Kerajaan Negeri Terengganu telah response dan mencari penyelesaian di atas permasalahan ini hanya setelah perkara ini dibangkitkan di dalam media-massa. Ini Yang Berhormat Mulia Dato' Yang di-Pertua tidaklah benar, tidak mungkin yang Berhormat yang berkenaan akan dapat mengetahui apa-apa langkah dan perkara yang telah diuruskan oleh pihak Kerajaan, perkara itu hanya diketahui oleh pihak Kerajaan sahaja. Oleh kerana itu Yang Berhormat Mulia Dato' Yang di-Pertua, saya suka nak mengingatkan kepada pihak Pembangkang bahawa sungguhpun mereka turut sama sokong dan kita menghargai sokongan ini tetapi janganlah mereka ada tujuan yang lain untuk membolot kredit daripada apa-apa kemungkinan nantinya keputusan akan dibuat supaya Institut Teknologi PETRONAS ini ditempatkan di Negeri Terengganu. Kita hanya boleh bersetuju kalau mereka bersetuju untuk menumpang sedikit kredit ini dan berkongsi sama sedikit dengan Kerajaan ataupun dengan PETRONAS. Untuk makluman Dewan, Yang Berhormat Mulia Dato' Yang di-Pertua, Kerajaan Negeri Terengganu telahpun menawarkan tanah seluas 1,000 ekar bagi tujuan ini sekiranya PETRONAS bersetuju menempatkan Institut Teknologi PETRONAS ini di Negeri Terengganu. Tawaran ini telahpun dibuat secara bersurat dan pihak Kerajaan Negeri, Yang Amat Berhormat Menteri Besar sendiri telah juga menghubungi pihak Kerajaan Persekutuan supaya dapat membantu sama mencapai keputusan supaya Institut Teknologi PETRONAS ini ditempatkan di Negeri Terengganu. Saya percaya Negeri Terengganu akan menjadi satu lokasi yang sesuai dan tidak menyulitkan sebagaimana yang telah terbukti di dalam kemajuan perindustrian di Negeri ini. Terengganu yang dianggap dahulunya mempunyai berbagai-bagai rintangan dan masalah dan tidak sesuai untuk menempatkan kilang-kilang. Pada masa ini terbukti bahawa Terengganu dapat menjadi satu lokasi perindustrian yang menguntungkan. Begitulah saya berharap dalam bidang-bidang yang lain seperti di dalam bidang pelajaran, pendidikan, latihan kemahiran dan sebagainya.

7 Jun 1995

Yang Berhormat Mulia Dato' Yang di-Pertua, wakil daripada Wakaf Mempelam telah menimbulkan isu yang lama, diulang seterusnya dan saya perlu menjelaskan seterusnya iaitu berhubung dengan pekerja tempatan yang dikatakan tidak diberi peluang dan berlakunya diskriminasi di dalam projek-projek ataupun kemajuan dalam bidang petroleum. Bagi tujuan ini sukahal saya memaklumkan bahawa pekerja Terengganu, anak Negeri Terengganu yang terlibat dengan industri petroleum di bawah PETRONAS adalah seperti berikut; iaitu Pekerja Terengganu peringkat pekerja, Pekerja Terengganu seramai 1,260, Pekerja Bukan Terengganu 989. Di peringkat pengurusan ataupun eksekutif, pekerja anak Negeri Terengganu 416, bukan anak Terengganu 528. Yang Berhormat Mulia Dato' Yang di-Pertua, di dalam sektor petroleum ini kita melihat perkembangan yang baru berlaku di Negeri Terengganu iaitu pada masa ini Terengganu menjadi satu negeri yang menjadi pusat kepada pertumbuhan Industri Petrol Kimia dan jugak industri Kimia Tulen berdasarkan kepada sumber gas. Untuk makluman Yang Berhormat Mulia Dato' Yang di-Pertua dan Dewan, projek ethylene dan polyethylene sudahpun apabila disiapkan dan akan mula beroperasi, kita jugak pada masa ini sedang menimbangkan sebuah projek untuk mendirikan Kilang Vinyl Chloride Monomer ataupun VCM dan selain daripada itu kita sedang menimbangkan kelulusan tapak bagi beberapa projek kimia tulen seperti Maleic Acid, Chlora Alkaline, Acrylic Acid, Methacrylic Monomer Acid ataupun MMA. Bila mana sekiranya projek-projek ini akan siap dilaksanakan maka ini akan menjadi satu perkembangan yang menguntungkan ekonomi negeri dan juga ekonomi rakyat Negeri Terengganu.

Yang Berhormat Mulia Dato' Yang di-Pertua, dalam bidang perlombongan, Ahli Bukit Besi telah membangkitkan dan meminta supaya ditingkatkan usaha-usaha perlombongan di Negeri Terengganu terutamanya oleh PMINT. Bagi perkara ini suka saya menjelaskan bahawa sejak dahulu lagi usaha-usaha untuk mencarigali ataupun prospecting bijih-bijih di negeri ini sudahpun dilaksanakan dan laporan-laporannya telahpun ada dan kita mengetahui di mana terdapat deposit-deposit bijih-bijih yang tertentu mengikut daerah-daerah dan taburan. Walau macam manapun suka saya menjelaskan bahawa pada masa ini hanya beberapa bahan bijih yang dapat diusahakan secara komersil iaitu yang pertamanya ialah ilmenite, yang keduanya, emas dan yang ketiganya woolferm. Pada masa yang akan datang kita akan insya-Allah memberi perhatian lagi kepada pertumbuhan dan perkembangan di dalam industri perlombongan di negeri ini. Ahli Yang Berhormat juga membangkitkan perkara berkenaan dengan pembukaan semula Lombong Bukit Besi dan suka saya menjelaskan dan menegaskan bahawa apa juga usaha yang telah dibuat oleh Kerajaan Negeri pada masa yang lalu bagi tujuan ini adalah sebenarnya berlandaskan dan berdasarkan kepada niat baik dan juga usaha yang serius dan gigih. Pada masa ini kajian untuk membuka semula lombong ini telahpun disiapkan dan kerja carigali telah selesai dijalankan, tapi dari analisa dibuat didapatkan bahawa rezab logam besi, bijih besi yang terdapat di Bukit Besi tidaklah banyak ataupun tidaklah tinggi yang membolehkan satu lombong yang besar dibukakan. Lagi pula mutu bijih besi tidak sebegitu tinggi yang membolehkan ianya diguna untuk membuat besi-waja. Walau bagaimanapun bijih besi ini masih boleh digunakan untuk tujuan lain seperti

7 Jun 1995

pipe coating. Justeru itu, Yang Berhormat Mulia Dato' Yang di-Pertua, keputusan telah dibuat supaya perlombongan bijih besi secara scale yang kecil diteruskan di Bukit Besi ini dan projek ini dijangka akan dapat dilaksanakan pada satu jangka masa yang tidak lama dari sekarang.

Yang Berhormat Mulia Dato' Yang di-Pertua, dalam sektor industri saya suka menyentuh beberapa perkara iaitu yang pertama sekali saya suka menekankan dan sebagaimana yang ditekankan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat bahawa soal peranan sektor perindustrian kepada pertumbuhan dan kemajuan ekonomi negeri dan rakyat adalah sangat penting. Adalah menjadi hasrat kita agar sektor perindustrian ini akan dapat bertumbuh pesat seterusnya pada masa yang akan datang dan menyumbangkan kepada KDNK Negeri Terengganu ini. Pada tahun 1993, jumlah nilai ditambah sumbangan sektor perindustrian kepada KDNK Negeri ialah sebanyak 6.7%, 947.2% pada tahun ini dijangkakan sumbangannya meningkat sedikit sebanyak 7.5% tetapi bagi kadar pertumbuhan sektor pembuatan itu sendiri ianya telah merekodkan pertumbuhan yang hangat dan membanggakan kita. Kebelakangan ini 92 pertumbuhan sektor industri ataupun pembuatan ialah pada kadar 20.5%, 1993 - 24.5%, 1994 - 25.3%. Pada masa yang akan datang kita mengharapkan pertumbuhan di dalam sektor perindustrian ataupun 'manufacturing' pembuatan akan membawa ataupun menyumbang kepada pertumbuhan KDNK yang lebih tinggi lagi kepada Negeri Terengganu iaitu matlamat kita supaya pertumbuhan KDNK Negeri akan berada pada tahap 10%. Yang Berhormat Mulia Dato' Yang di-Pertua pada tahun 1995, kita telah mematlamatkan sebanyak 15 projek perindustrian dapat ditarik di Negeri Terengganu dan peruntukan galakan perindustrian yang disediakan pada 1995 adalah sebanyak RM800,000.00.

Yang Berhormat Mulia Dato' Yang di-Pertua, Ahli Manir telah membangkitkan isu pekerja sebuah kilang asing di Negeri Terengganu yang dikatakan tidak dapat sembahyang Jumaat pada hari Jumaat. Dalam perkara ini saya suka menjelaskan bahawa perkara, kedudukan yang sebenarnya adalah seperti berikut, sebagaimana yang dilaporkan kepada saya iaitu di dalam kilang ini terdapat kira-kira 30 pekerja lelaki yang bertugas di bahagian mesin yang buat masa ini dianggap tidak sesuai dijalankan oleh pekerja wanita. Pekerja-pekerja ini dibahagi kepada tiga kumpulan, sepuluh orang satu kumpulan secara syif dan kilang ini beroperasi secara empat syif. Ini bermakna tiap-tiap Jumaat satu kumpulan seramai 10 orang tidak dapat pergi solat Jumaat dan tiap-tiap seorang tidak dapat solat Jumaat satu kali sebulan. Di dalam perkara ini pihak Pengurusan Syarikat yang berkenaan telahpun mengadakan perbincangan dengan pekerja-pekerja terlibat dan telah menerangkan mengapakah mereka terpaksa mengikuti 'schedule' yang seperti ini oleh kerana jentera dan juga oleh kerana keperluan operasi kilang. Pihak kilang juga telah mendapatkan fatwa daripada Majlis Fatwa Negeri dan mengikut fatwa Majlis Fatwa Negeri - Maafkan saya Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, saya hendak rujuk kepada surat jawapan daripada Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu kepada pihak kilang 'hukum menghadiri sembahyang Jumaat adalah Fardhu Ain ke atas orang-orang Islam kecuali bagi mereka yang uzur sharie'. Jawatankuasa berpendapat sekiranya pekerja kilang tidak hadir sembahyang Jumaat disebabkan giliran bekerja pada hari Jumaat dan tugasnya tidak mengizinkan dia meninggalkan

7 Jun 1995

kilang dan dia tidak ada pilihan mendapat kerja lain adalah dikirakan seperti keuzuran. Pada masa ini hanya seorang sahaja pekerja yang terlibat yang telah meletakkan jawatan yang lain terus bekerja dan bertugas sebagaimana biasa.

Kerajaan Negeri memandang berat sekiranya perkara ini menjadi masalah yang besar kepada pekerja-pekerja dan pihak Kerajaan Negeri bersedia sekiranya ada permintaan daripada pihak kilang yang berkenaan untuk menimbulkan supaya jawatan-jawatan yang berkenaan itu digantikan dengan pekerja-pekerja bukan beragama Islam. Walau macam manapun oleh kerana adanya fatwa yang berkenaan terpulanglah kepada pekerja-pekerja yang berkenaan untuk memutuskannya.

Yang Berhormat Mulia Dato' Yang di-Pertua, Ahli Batu Burok telah menyentuh tentang Kawasan Perindustrian Rhu Tapai yang dikatakan sehingga hari ini belum lagi ada kilang tetapi telah menyebutnya dalam bahasa kasar. Saya suka menjelaskan kepada Ahli Yang Berhormat, Yang Berhormat Mulia Dato' Yang di-Pertua bahawa pembangunan kawasan perindustrian sememangnya memerlukan banyak belanja tetapi perbelanjaan ini adalah perbelanjaan pelaburan dan bukan satu perbelanjaan pembaziran. Satu perbelanjaan yang perlu kerana pendekatan yang diperlukan bagi mempastikan kemajuan perindustrian negeri akan berjalan dengan licin. Konsep pembangunan kawasan perindustrian ialah untuk menyediakan suatu kawasan yang dilengkapi dengan kemudahan-kemudahan asas dan amuniti yang dibangunkan sepenuhnya sementara menunggu kedatangan-kedatangan pelabur yang mesti diusahakan melalui langkah-langkah galakan. Dengan cara yang sedemikian itu bila mana usaha-usaha penggalakan pelaburan mendatangkan hasil dan menerima kedatangan ataupun berjaya menarik minat pelabur-pelabur, maka kawasan perindustrian telahpun siap sedia dan ini sudah tentulah akan menjadi satu cara yang baik untuk memastikan pelabur-pelabur membuat keputusan untuk menempatkan kilang mereka di kawasan yang berkenaan. Kalau ini tidak dilakukan bermakna akan berlaku satu kekosongan di dalam usaha untuk menarik pelaburan ataupun pelabur-pelabur asing ke negeri ini. Oleh kerana itu Dato' Yang di-Pertua saya berharap Ahli Yang Berhormat daripada Batu Burok memahami mengapakah kita perlu berbelanja dan menyediakan kawasan perindustrian. Tahun lepas saya telah menjelaskan, bahawa pada tahun lepas Kawasan Perindustrian Rhu Tapai baru sahaja telah disiapkan dan saya telah memberikan komitmen Kerajaan Negeri bahawa pada tahun ini usaha penggalakan dan jualan kawasan perindustrian yang berkenaan itu akan mula dilaksanakan. Alhamdillah saya suka memaklumkan semula pada sidang kali ini iaitu usaha itu yang dijalankan oleh Kerajaan dan juga pegawai-pegawai daripada UPEN telahpun mendatangkan hasil di mana satu lot kawasan seluas kira-kira 20 ekar telahpun dipersetujui diluluskan kepada sebuah syarikat usahasama di antara pengusaha tempatan dengan pelabur asing.

Yang Berhormat Mulia Dato' Yang di-Pertua, pada Ahli Yang Berhormat daripada Kuala Besut yang memintakan supaya Kawasan Perindustrian Gong Medang diperlengkapkan lagi dengan kemudahan-kemudahan dan amuniti dan diminta supaya lebih banyak kilang ditempatkan di

7 Jun 1995

kawasan perindustrian yang berkenaan. Saya suka menyatakan bahawa matlamat penaburan kilang-kilang ataupun pengagihan kilang-kilang untuk ditumpukan ke kawasan-kawasan yang belum lagi menjadi lokasi yang diminati oleh pelabur-pelabur akan dipertekankan lagi dan akan menjadi matlamat penting bagi tahun 1995 dan seterusnya. Oleh kerana itu Yang Berhormat Mulia Dato' Yang di-Pertua kita meminta sedikit masa untuk melaksanakan dan menjayakan matlamat yang berkenaan.

Bagi sektor pertanian, Ahli daripada Wakaf Mempelam mahu sektor pertanian tidak diabaikan selain daripada mengejar kemajuan pada sektor perindustrian. Ini kita bersetuju, saya suka menyatakan pada masa ini sektor pertanian sumbang dan pertumbuhannya kepada KDNK adalah kecil pada tahap pertumbuhan 2.1% pada tahun lepas dan kita mahukan supaya pertumbuhan ini akan meningkat lagi pada masa yang akan datang. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan juga Yang Berhormat Mulia Dato' Yang di-Pertua matlamat kita dalam sektor pertanian ialah untuk meningkatkan dan memajukan lagi sektor itu sendiri. Untuk tujuan ini kita akan menumpukan bukan sahaja kepada kegiatan-kegiatan usaha-usaha dan projek serta program pertanian tanaman tetapi juga kita akan meningkatkan kepada usaha-usaha 'commercialization and industrialization of the agriculture sector' dengan izin, Dato' Yang di-Pertua. Dan salah satu lagi matlamat besar kita ialah untuk meningkatkan sumbangan sektor keberkesanan peranan sektor pertanian kepada golongan sasar.

Ahli Yang Berhormat yang berkenaan juga telah menyentuh supaya program-program bersama siswazah ataupun siswazah diberikan peluang sama untuk memajukan sektor pertanian secara komersil. Bagi menjawabnya sukalah saya nyatakan bahawa usaha ini telahpun dilaksanakan di Negeri Terengganu sebagai langkah untuk memajukan tanah dan membentuk usahawan muda dan kalangan lepasan Institusi Pertanian. Projek-projek yang telah dilaksanakan oleh jabatan adalah seperti berikut iaitu Projek Lepasan Institusi Pertanian di Ketengah yang diwujudkan semenjak tahun 1985. Projek yang berdasarkan 'integrated agriculture' secara komersil sehingga 1993, 244.5 hektar telah dimajukan oleh 31 orang lepasan institusi. 199 ekar ditanam kelapa sawit, 45.3 hektar dengan durian, sehingga kini 55% hektar kelapa sawit telah mengeluarkan hasil. Bagi tujuan ini Yang Berhormat Mulia Dato' Yang di-Pertua Kerajaan telah memutuskan untuk menjadikan Pusat Latihan Pertanian di Putra Jaya, Setiu ditukar menjadi Pusat Pembangunan Usahawan Pertanian. Kita berharap dengan program ini bimbingan Jabatan Pertanian kepada pihak belia, belianis untuk menjadi usahawan pertanian akan dapat dipertingkatkan lagi.

Sekian Dato' Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih, saya mohon duduk.

YANG BERHORMAT MULIA DATO' YANG DI-PERTUA: Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH: Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, terima kasih diberi

7 Jun 1995

peluang untuk turut sama dalam bahas Titah Ucapan yang telah disampaikan oleh Duli Yang Maha Mulia Tuanku. Sebelumnya saya menyentuh perkara-perkara yang ada hubungannya dengan pendidikan pohon izin Dato' Yang di-Pertua untuk saya membuat satu dua komen perkara-perkara yang ditimbulkan oleh beberapa orang Ahli Yang Berhormat. Sebagai pembawa usul saya mengambil kesempatan untuk mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian di dalam perbahasan ini.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, Wakil Rhu Rendang tidak ada bersama-sama dengan kita hari ini, telah menimbulkan Politik Wang dan menyalahkan UMNO dalam soal ini tetapi saya suka mencadangkan kepada Dewan, kepada Ahli Yang Berhormat semua untuk memandang Politik Wang ini daripada dua segi, dua arah. Yang pertama, yang memberi dan yang kedua yang menerima. Wakil Rhu Rendang tidak menafikan bahawa wakil rakyat, pemimpin-pemimpin parti pembangkang, PAS khususnya meminta derma daripada ahli-ahli daripada penyokong-penyokong dan sesiapa sahaja yang bersimpati dengan mereka. Sedangkan dia menuduh pemimpin-pemimpin UMNO memberi wang. Dalam hal ini teringat kita kepada cara-cara pemimpin Parti Pembangkang mendapatkan wang daripada penyokong-penyokongnya. Misalannya tidak berapa lama sebelum pilihanraya, ceramah-ceramah atau perhimpunan yang dihadiri oleh Yang Berhormat Mat Sabu pun digunakan juga kesempatan ini untuk memungut wang. Pada hemat saya Dato' Yang di-Pertua, memberi dan menerima, memberi adalah lebih mulia - "Tangan di atas itu lebih mulia". Jadi kalau pemimpin-pemimpin PAS mengatakan dengan meminta penyokong-penyokongnya menderma untuk menunjukkan kemiskinan ataupun tidak mampu mereka ialah satu helah yang biasa digunakan oleh pemimpin-pemimpin Parti Pembangkang khususnya PAS Dato' Yang di-Pertua.

Saya tertarik hati kepada apa yang disebut oleh Wakil Wakaf Mempelam berhubung dengan wakil-wakil Kerajaan yang tidak pernah bercakap dalam Dewan penggal yang lalu. Sebenarnya Yang Berhormat jangan lupa ada wakil pembangkang yang tidak pernah bercakap daripada awal sehingga akhir kerana uzur tidak boleh bercakap. Saya rasa ini pun satu perkara yang tidak bagus juga sebuah parti memilih orang yang tidak boleh bercakap dihantar ke dalam Dewan. Lanjutan kepada ini Wakil Wakaf Mempelam merasa susah hati bila wakil-wakil Kerajaan yang bercakap dalam Dewan yang lalu memuji Menteri Besar dan memuji Kerajaan. Pada hemat saya Dato' Yang di-Pertua, kalau wakil-wakil pembangkang tidak boleh kita harapkan untuk memuji Kerajaan apatah lagi Ketua Kerajaan adakah salah kalau wakil-wakil Kerajaan, penyokong-penyokong Kerajaan mengambil kesempatan untuk memuji Kerajaan, memuji Ketua Kerajaan yang memang jelas berbuat sesuatu setidak-tidaknya untuk kepentingan kawasan mereka. Memang kita tidak boleh mengharapkan kepada wakil pembangkang yang tidak pernah nampak kebaikan yang telah dibuat oleh Kerajaan atau Ketua Kerajaan.

Wakil Wakaf Mempelam juga menimbulkan masalah perlumbaan motosikal. Seperti yang telah dijawab oleh Yang Berhormat Wakil Sura saya rasa jawapan itu telah diterima dengan baik. Cuma saya ingin menambah di sini Dato' Yang di-Pertua kalau Wakil Wakaf Mempelam

7 Jun 1995

seorang yang prihatin kepada masalah-masalah ini, masalah keselamatan, kelincinan dan keselesaan lalu lintas, atas semangat prihatinnya inilah saya minta supaya dia membentulkan kesesakan yang timbul setiap pagi Jumaat di depan Masjid Rusila. Tolong sama-sama kita bekerjasama sebab saya nampak cara meletakkan kereta pada pagi Jumaat menunjukkan satu keangkuhan yang tidak dapat diterima oleh sesiapa-sesiapapun termasuklah juga penggunaan setengah-setengah kenderaan untuk muat lebih daripada yang dihadkan atau yang dibenarkan oleh undang-undang Dato' Yang di-Pertua.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, terima kasih saya kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah dengan secara khusus menyentuh hal yang ada hubungannya dengan pendidikan. Yang Berhormat Wakil Manir kalau boleh saya rumuskan ucapannya yang berkisar di sekitar pendidikan untuk semua lapisan masyarakat, Wakil Alor Limbat, Pembangunan Insan Dalam Pendidikan yang tidak mempunyai dasar. Wakil Tepuh pendidikan seharusnya membawa kepada perpaduan. Wakil Telok Pasu, kemesraan antara guru dan murid dan mengharapkan anak-anak yang kita didik akan jadi lebih bertakwa. Untuk ini semua Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua izinkanlah saya secara umum mengatakan bahawa umum mengetahui pendidikan seharusnya untuk semua lapisan masyarakat dan semua rakyat diberi peluang yang sama mendapat pendidikan. Konsep ini dikenal dengan nama 'Pendemokrasian Pendidikan' akan konsep atas dasar ini menjadi salah satu dasar Kementerian Pendidikan, Dasar Pendidikan Negara. Kerajaan juga telah melaksanakan konsep Pendidikan Seumur Hidup, konsep Belajar Daripada Buai Sampai Ke Liang Lahad, Pendidikan Untuk Bakal Suami Isteri, Ibu yang mengandung, Ibu yang akan melahirkan anak, Taman Didikan, Pendidikan Pra Sekolah, Sekolah Rendah, Sekolah Menengah, Sekolah Tinggi semuanya telah dibuat oleh Kerajaan Dato' Yang di-Pertua. Ditambah lagi dengan kelas-kelas Pengajian Fardhu Ain, Pengajian Al-Quran, Menghafaz Quran dan berbagai-bagai jenis kursus lagi.

Hasilnya Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua beribuan anak-anak muda kita yang berkebolehan yang bersungguh-sungguh yang sanggup belajar kita hantar ke pusat-pusat pengajian tinggi di luar dan dalam negeri. Kehendak dan saranan Yang Berhormat-Yang Berhormat itu sebenarnya telah lama diamalkan, telah lama dilaksanakan oleh Kerajaan Barisan Nasional dengan jayanya. Dan saya rasa tidak ada seorang pun di dalam Dewan yang mulia ini baik yang menyokong mahupun yang membangkang boleh menafikan bahawa kita semua di sini, di Dewan pada hari ini, kejayaan kita adalah hasil Sistem Pendidikan kita, Pendidikan Negara yang kita beri komen di sana-sini dan sehingga ini sehingga kepada kita bermesyuarat ini dan mendengar ucapan-ucapan terutamanya daripada Yang Berhormat wakil pembangkang, saya dapati tidak ada seorang pun Yang Berhormat yang menafikan baiknya Sistem Pendidikan Negara kita sekarang ini walaupun ada yang cuba menafikan dengan mengada sekolah-sekolah sendiri, sekolah yang dibiayai dan disokong oleh parti tetapi jelas berdasarkan maklumat-maklumat yang diterima oleh Jabatan Pendidikan Negeri, rancangan-rancangan ini gagal. Rancangan ini dibuat tidak lain bukan ialah untuk menterjemahkan satu hasrat supaya sebahagian daripada pengikut-pengikut parti tertentu biarlah saya dengan jelas, dengan terang

7 Jun 1995

mengatakan penyokong-penyokong Parti PAS termasuklah anak-anak mereka menjadi satu kumpulan yang akhirnya kumpulan yang fanatik, yang taksub.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, Wakil Batu Burok tidak menyebut siapakah Ketua Jabatan, Ketua Jabatan mana tetapi telah menimbulkan masalah Ketua Jabatan itu telah mengerahkan anak buahnya. Saya rasa tidak ada apa salahnya Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, kalau seorang Ketua Jabatan atau seorang Pengarah yang bertanggungjawab memanggil pegawai-pegawai di bawahnya dan kalau kebetulan takdirnya ini berlaku dalam Jabatan Pendidikan Negeri maka tidak ada salahnya sebab inilah yang selalu dilakukan oleh guru, guru yang baik yang sepatutnya diikuti oleh ibu bapa yang baik, kalau anak kita nakal, buat kesalahan di tengah jalan, jangan dipukul dia di tengah jalan, diheret dia balik ke rumah, diberi makan dia, dimandikan dia kemudian barulah kita pukul dia. Jangan pulas telinga dia, jangan rotan dia di tengah jalan menampakkan bahawa ibu bapa itu ibu bapa yang kurang ajar dalam ertikata kita yang tidak cukup pelajarannya, Dato' Yang di-Pertua. Begitulah juga halnya kalau ada pegawai-pegawai yang berkenaan yang didapati tidak dapat menjalankan tugasnya dengan baik, ditegur dan akhir-akhir ini saya dapati kepada Jabatan Pendidikan Negeri terlalu aktif memberi kesedaran kepada guru, kepada ibu bapa supaya sama-sama bertanggungjawab, supaya sama-sama melihat usaha-usaha yang sungguh-sungguh dilakukan Kerajaan untuk meningkatkan prestasi pendidikan seperti yang kita perhatikan, Alhamdulillah dalam setiap kali keluarnya keputusan-keputusan peperiksaan Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua. Tetapi saya merasakan dukacita kerana adanya setengah guru-guru, pegawai-pegawai lain pun ada juga Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua tetapi saya bercakap khusus sebagai Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Manusia yang pendidikan adalah salah satu daripadanya. Ada guru-guru yang telah menggunakan, yang salah menggunakan kesempatan guru mereka, ertinya menggunakan kelas, menggunakan murid-murid sebagai khalayak untuk berkempen, untuk menghasut, untuk membuat apa yang boleh saya sebut dengan izin Dato' Yang di-Pertua, 'indoctrination.' Sehingga sampai pada satu peringkat ada kertas soalan yang kulit kertas soalannya itu ada lambang PAS. Bila dipanggil oleh Ketua Jabatan yang berkenaan ditanya guru itu bersusah payah mengatakan bahawa ini bukan lambang PAS tetapi ini lambang matahari, 'nur'. Itulah kedudukannya Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua. Jadi kalau terdapat guru-guru yang seumpama ini maka saya rasa menjadi kewajipanlah kepada Pengetua, kalau Pengetua tidak bertindak mungkin Pengetua juga barangkali bersubahat. Maka berkewajipanlah Pengarah atau Ketua Jabatan memanggil guru-guru yang seumpama ini untuk dididik semula, bukan marah, tidak, ini untuk dididik semula. Kalau berlaku sebarang pertukaran begitu, begini itu sebenarnya bukan pertukaran tetapi penyesuaian tempat kerja sebenarnya Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua. Jadi hendaklah difahamkan dari segi itu mungkin barangkali di satu sekolah terlalu ramai guru-guru yang condong kepada Parti Pembangkang dan kerana itu keadaan sekolah itu sudah tidak harmoni lagi. Maka terpaksalah Pengarah membuat beberapa pertukaran supaya keadaannya menjadi seimbang dan menjadi harmoni semula. Supaya amanah yang diberikan oleh ibu bapa, supaya anak-anak mereka dididik tidak disalahgunakan oleh guru-guru yang tidak bertanggungjawab ini. Kalau apa yang saya sebut ini boleh diterima dengan baik oleh

7 Jun 1995


Wakil Batu Burok, maka wakil Batu Burok tidak akan bersusah payah menimbulkan masalah ini di dalam Dewan yang mulia ini Dato' Yang di-Pertua.

Mengakhiri ucapan saya yang pendek ini, suka saya menyebut satu perkara lagi yang ditimbulkan oleh Wakil Batu Burok iaitu rasuah politik, yang disebut ada hubungannya dengan pegawai-pegawai tertentu menggunakan kemudahan-kemudahan tertentu. Tetapi kita telah melihat bukan sahaja dalam pilihanraya ini bahkan dalam pilihanraya-pilihanraya yang lalu bahawa pemimpin-pemimpin Parti Pembangkang khususnya PAS telah menyalahgunakan agama untuk kepentingan politik. Pemimpin-pemimpin telah menawarkan cahaya di dalam kubur, pemimpin-pemimpin telah menawarkan syurga kepada pengundi-pengundi. Saya rasa tentulah ini lebih besar dosanya daripada apa yang disebut sebagai rasuah politik tadi. Jadi tidak hairanlah kalau ada ura-ura Kerajaan untuk mengkaji semula penggunaan perkataan Islam dan sebagainya dalam hubungannya dengan parti politik yang tertentu Dato' Yang di-Pertua. Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian kita baru selesai pilihanraya, selesai menghadapi rakyat, rakyat telah memilih Kerajaan yang ada sekarang yang dipimpin oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Amar Di Raja Tan Sri Haji Wan Mokhtar Ahmad, hakikat ini tidak boleh ditolak atau dinafikan oleh sesiapa pun oleh itu nasihat saya kepada saudara-saudara Pembangkang bekerjasamalah dengan Kerajaan. Sokonglah Kerajaan sebenarnya Yang Berhormat, Yang Berhormat tidak mempunyai pilihan yang lain, terima kasih Dato' Yang di-Pertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' SERI TAN SRI MENTERI BESAR: Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Yang Berhormat Mulia Dato' Yang di-Pertua Dewan, pertama saya suka mengambil kesempatan juga untuk mengambil bahagian mengucap terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian berucap tentang Usul Menjunjung Kasih atas Titah Duli Yang Maha Mulia Tuanku. Saya cuma hendak sebut dua perkara sahaja yang telah dibangkit oleh Ahli Yang Berhormat dari Manir dan juga Ahli Yang Berhormat dari Alor Limbat.

Pertama, saya ucap terima kasih kepada Ahli dari Manir di mana dia telah menyatakan di samping Kerajaan mempunyai program bagi Pembangunan Insan tetapi perlu diberi perhatian terhadap akhlak. Sebenar Kerajaan Negeri telahpun memasuk ke dalam wawasannya di antara pembentukan manusia ialah akhlak, kerana Allah S.W.T. telah berfirman -



Contoh perangai yang baik ialah ada pada Nabi besar kita Muhammad S.A.W., dan kita harus sedar adakah kita beramal hari ini sebagaimana contoh yang dilakukan oleh Nabi kita ataupun tidak terutama sekali bagi kita yang hendak memperjuangkan Islam. Kita perlu mempunyai

7 Jun 1995

akhlak yang baik dan mulia supaya boleh dicontohi orang lain di samping kita menjaga nama Islam itu. Pada hari ini saya nampak banyak perkara-perkara yang dilakukan yang bertentangan dengan akhlak yang baik. Sebagai satu contoh, hari ini banyak Parti-parti Pembangkang yang mencerobohi tanah orang tanpa kebenaran dan bila dilarang dia hendak lawan balik terutama sekali semasa Pilihanraya. Tayar-tayar buruk yang ada lambang diletak di atas kawasan-kawasan rezab jalan dan sebagainya. Bila JKR hendak pergi rombak, dia marah. Dan ini letak dengan tidak ada kebenaran, kita hendak letak hak kita dia marah ini bertentangan dengan nilai yang baik. Begitu juga dalam Pilihanraya, semua jambatan dikawal dengan bendera semua sekali dan ada pihak yang hendak buang dia marah, bahkan hendak letak bendera UMNO pun marah. Pada hal hak awam, bukan kepunyaan UMNO, bukan kepunyaan PAS, ini perlu juga kita ambil kebenaran ini juga tidak berakh�ak. Sebab itu apa yang telah dilungkap 'T.T.T.' jadi 'T.T.J.' - Tahun Tawan Terengganu, jadi Tahun Tawan Jambatan, sehingga tiga jambatan habis dengan pasang bendera dan ini perlu kita perbetulkan. Ketiga, saya nampak ada permohonan untuk mendirikan rumah di setengah-setengah daerah. Majlis Daerah beri kelulusan untuk rumah, sedar-sedar Markas PAS dengan bentuk surau dan sebagainya. Ini satu akhlak yang tidak baik dan tidak amanah dalam permohonan dan menjalankan tugas. Ini perlu diberi pimpinan oleh pemimpin-pemimpin yang berwibawa, yang mahu melihat keindahan dan kecemerlangan Islam, begitu juga dalam tutur kata dan sebagainya. Kita jangan berbuat sesuatu yang boleh menyinggungkan orang sebagai satu contoh saya katakan tadi, kita menceroboh tempat orang dan kita jangan buat sesuatu yang boleh menimbulkan orang marah. Tadi Yang Berhormat dari Sura, bangun-bangun tidur tengok lambang PAS begitu, pasal apa bubuh dekat rumah dia, pasal dia bertanding? Letaklah dekat lain dan ini menimbulkan kemarahan dan ini tidak berakh�ak. Jadi sebab itu saya berharap oleh kerana pemimpin-pemimpinnya yang ada mempunyai pelajaran dan mengetahui sedikit sebanyak perlu kita membetulkan dan pihak Kerajaan, alhamdulillah, saya telahpun mengarahkan semua agensi supaya berakh�ak baik. Sebab itu tidak ada yang tidak senonoh daripada melakukan sesuatu dalam soal ini sehingga di satu kawasan tidak dibenarkan langsung untuk menampalkan poster dan sebagainya, dan hendak diambil tindakan. Saya kata, "Biar ke dia". Kemenangan kita bukan pada poster tetapi kepada keikhlasan kita, Allah akan menolong kita.

Satu perkara yang suka hendak tarik perhatian ialah Ahli Yang Berhormat daripada Alur Limbat, kita telah 37 tahun dah merdeka, kenapa tidak boleh jalan lagi pemerintahan secara Islam dan contohilah Kelantan. Saya suka menyarankan bahawa sesuatu perubahan dan dasar bagi sesebuah negara satu masyarakat kita perlu mengkaji dari beberapa segi. Dari segi sejarah, dari segi sosial, dari segi politik dan sebagainya. Sebagai suatu contoh Negeri Terengganu boleh dikatakan iaitu dicampur politik oleh pihak penjajah semenjak 1910 tapi pada masa itu diperintah oleh orang-orang berlatar belakang ugama. Daripada Pegawai Daerahnya, Hakim Mahkamah Tingginya semua sekali. Hingga ke tahun 30an iaitu mengambil masa yang begitu lama barulah British dengan kekuatan dia, dengan politiknya, dengan membawa orang-orang yang berlatar belakangkan Barat, inipun mengambil masa sehingga dapat membuat perubahan berpuluh-puluh tahun kemudian. Begitu juga kita, langkah dan program yang telah dibuat Barisan Nasional kita

7 Jun 1995

lihat bagaimana Kerajaan mengaturkan ini. Kita sudah masuk dalam soal 'Muamalah' di mana satu ketika telah diisyiharkan Bank Islam tapi dalam Dewan ini juga ada pihak Pembangkang Bank Islam sebagai 'seketul daging' dalam satu kawah gulai babi yang sebenarnya, bagaimana mahu hidup? Ini sebagai peringkat pertama. Hari ini bagaimana perkembangannya, daripada sebuah Bank Islam boleh dikatakan semua bank ada, Perbankan Tanpa Faedah diamali oleh semua sekali. Ini cara yang telah dibuat oleh pihak Kerajaan sebab itu kita mengambil jalan tengah dalam melaksanakan sesuatu di Malaysia ini iaitu berpandu kepada satu pepatah Arab yang berbunyi -

مَنْ عَجِلَ شَيْئًا قَبْلَ رَسَارِهِ حُرُقَّ بَخِرْ سَانِ - وَمَنْ أَخْرَى
شَيْئًا بَعْدَ فَوَارِهِ عُوقَبَ بَخِرْ سَانِ

Bila katakan kalau kita dalam jemputan, orang panggil jamu khakhawin pukul 12.00 hingga pukul 4.00. Kalau kita pergi awal pukul 8.00 tentulah kita akan hampa, tidak boleh makan apa orang baru hendak siap. Begitu juga kalau pergi lewat, pukul 10.00 malam, tinggal tulang sajalah. Jadi sebab itulah kita jangan terlampau cepat dengan tidak ada persediaan, jangan terlampau lewat sehingga kita kerugian. Oleh sebab itu dalam soal membuat sesuatu, program yang telah kita jalani memang tepat dengan aturan peraturan yang kita kadang-kadang sengaja tidak mahu menghiraukan soal-soal ini. Lebih-lebih lagi hari ini kita lihat dari segi keimanan, Nabi Besar S.A.W. pernah berkata -

حَسْنُ الْتَّرْوِينِ قَرْنِي

Abad dia yang paling baik sekali keimanan dan kita berapa kurun dah, barangkali tinggal 10 - 20%. Sebab itu kadang-kadang banyak nafsu dapat menguasai kita. Masa Nabi Besar kita Muhammad S.A.W. kita boleh buat perbandingan Imam orang masa itu dengan kita -

لَوْزَنَ إِيمَانُ أَنِّي بَكَرَ مَعَ هَذِهِ
الْأَمْمَةِ - لَرَجَحَ إِيمَانُ أَنِّي بَكَرَ

Makna Iman Abu Bakar dia seorang dengan kita semua kalah. Jadi hendak banding dengan sekarang sebab itu langkah-langkah yang diambil biar sesuaian dengan masa dan keadaan serta keimanan seseorang itu. Lebih-lebih lagi dalam kita hendak mengeratkan sesuatu ini, Ahli-ahli Sosiologi pernah mengatakan sekurang-kurangnya dua perkara mesti ada, iaitu persediaan yang cukup matang untuk menggantikan sistem yang ada dari segi undang-undang, penjelasan dia, orang yang hendak melaksanakannya dan sebagainya. Kedua, iaitu masyarakat masa itu

7 Jun 1995

sebahagian besar dapat menerima dan ini menjadi perhitungan Kerajaan semua sekali. Sebab itu kita mesti menghadapi hakikat dalam masalah ini. Jangan kita untuk mencari keuntungan politik semata-mata dengan kita tidak berpijak di bumi nyata. Jadi sebab itu saya berharap kepada pihak Pembangkang juga akan menyedari akan hakikat ini dan sama-sama membantu merealisasikan apa yang kita rancangkan ini bagi kebaikan semua. Terima kasih.

YANG BERHORMAT MULIA DATO' YANG DI-PERTUA: Terima kasih.

**USUL INI KEMUDIAN DIHADAPKAN KEPADA MESYUARAT DAN
DIPERSETUJUKAN DENGAN SUARA TERBANYAK.**

USUL INI DITERIMA.

YANG BERHORMAT MULIA DATO' YANG DI-PERTUA: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, saya suka tangguhkan Dewan sehingga pukul 2.30 petang.

7 Jun 1995

Pukul 2.30 petang

YANG BERHORMAT MULIA DATO' YANG DI-PERTUA: Ahli Yang Berhormat sekalian, mesyuarat disambung semula.

Kita telah selesai sebelah pagi tadi melulus Usul Merakamkan Ucapan Menjunjung Kasih Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Al-Sultan di atas penyampaian Titah Di Raja pada hari pembukaan Dewan. Saya perhatikan semua Ahli Yang Berhormat mengambil bahagian menyokong Usul tersebut tetapi apabila saya suruh mengundi ada Yang Berhormat berat hendak mengangkat tangan. Ini merupakan seolah tidak bersetuju dengan Usul ini. Dan saya berharap perkara sebegini tidak berlaku kerana ianya menunjukkan sikap yang tidak taat kepada Duli Yang Maha Mulia Tuanku.

Kedua, saya suka memberi peringatan bahawa Dewan kita ini dilengkapkan dengan alat komputer yang canggih yang dapat mengesan siapa dia yang cuba mengetape ataupun merekod ucapan-ucapan perbahasan di dalam Dewan ini tanpa izin kita, dan kalau kita tangkap mereka ini tidak akan dibenar lagi mengikuti Persidangan Dewan. Dan saya harap jangan ada cuba untuk mengetape ataupun merekod dalam Dewan ini tanpa izin kita. Sebelah pagi tadi, saya mendengar satu gangguan yang berbunyi menandakan ada orang yang merekod ucapan-ucapan di Dewan ini. Saya berharap perkara seperti ini tidak berlaku lagi di masa akan datang.

USUL-USUL YANG TELAH DIBERI NOTIS

**Tambahan Peruntukan Yang Pertama
Daripada Kumpulanwang Pembangunan Untuk
Perbelanjaan Rancangan Kemajuan Negeri
Tahun 1995**

YANG BERHORMAT DATO' DR. MOHD YUSOFF BIN HAJI MOHD NOOR (Wakil Kampung Raja): Yang Berhormat Mulia Dato' Yang di-Pertua -

"Bahawa menurut seksyen kecil (3) kepada seksyen 4 Akta Kumpulanwang Pembangunan, 1966 Dewan Undangan Negeri ini membuat KETETAPAN bersetuju meluluskan tambahan peruntukan yang pertama daripada Kumpulanwang Pembangunan untuk perbelanjaan Rancangan Kemajuan Negeri bagi tahun 1995 bagaimana ditentukan dalam JADUAL di bawah ini:-

7 Jun 1995

JADUAL

<i>Maksud</i>	<i>Tajuk</i>	<i>Tambahan RM</i>
P.10	<i>Jabatan Kerja Raya</i>	<i>7,500,000.00</i>
P.32	<i>Pelbagai Perkhidmatan</i>	<i>5,000,000.00"</i>

YANG BERHORMAT DR. ABDUL WAHAB BIN NGAH (Wakil Batu Rakit): Yang Berhormat Mulia Dato' Yang di-Pertua, saya mohon menyokong Usul itu.

Oleh kerana tidak ada Ahli-ahli Yang Berhormat yang hendak berucap, USUL ini kemudian dihadapkan kepada mesyuarat dan dipersetujui dengan suara terbanyak.

USUL INI DITERIMA.

7 Jun 1995

**Jawatankuasa Hak Dan Kebebasan
Dewan Undangan Negeri**

YANG BERHORMAT ENCIK AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Yang Berhormat Mulia Dato' Yang di-Pertua, oleh kerana Yang Berhormat Dato' Aziz ada satu perjumpaan yang tidak dapat dielakkan dan dengan ini saya membawa Usul -

"Bahawa Dewan Undangan Negeri yang bersidang pada hari ini membuat KETETAPAN bersetuju melantik suatu Jawatankuasa Hak Dan Kebebasan Dewan Undangan Negeri menurut Fasal 103 Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri dan ahli-ahlinya terdiri daripada:-

- | | | |
|----|--|--------------------|
| 1. | <i>Y.B.M. Engku Bijaya Sura
(Dato' Syed Omar bin Mohamad),
DSMT.,DPMT.,AMN.,PJC.,PJK.,BLB.</i> | <i>- Pengerusi</i> |
| 2. | <i>Y.B. Haji Awang bin Abdul Jabar,
ASM.,SMT.,AMN.,PJK.</i> | |
| 3. | <i>Y.B. Haji Roslan bin Awang Chik.</i> | |
| 4. | <i>Y.B. Encik Othman bin Daud, PJC.</i> | |
| 5. | <i>Y.B. Encik Mohamad bin Abu Bakar.</i> | |
| 6. | <i>Y.B. Haji Ibrahim bin Yusof, PJK.</i> | |
| 7. | <i>Y.B. Haji Wan Abdul Muttalib bin Embong.</i> | |
| 8. | <i>Setiausaha, Dewan Undangan
Negeri</i> | <i>- Urusetia"</i> |

Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ZAKARIA BIN ABDUL RAHMAN (Wakil Kuala Besut): Yang Berhormat Mulia Dato' Yang di-Pertua, saya memohon menyokong Usul itu.

Oleh kerana tidak ada Ahli-ahli Yang Berhormat yang hendak berucap, USUL ini kemudian dihadapkan kepada mesyuarat dan dipersetujui dengan suara terbanyak.

USUL INI DITERIMA.

7 Jun 1995

Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negeri

YANG BERHORMAT ENCIK AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Yang Berhormat Mulia Dato' Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan -

"Bahawa Dewan Undangan Negeri yang bersidang pada hari ini membuat KETETAPAN bersetuju melantik suatu Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negeri menurut fasal 110 Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri dan ahli-ahlinya terdiri daripada:-

- | | | |
|----|---|---------------------------|
| 1. | <i>Y.B. Dato' Haji Wan Zakaria
bin Abdul Rahman, DPMT, ASM.,
PJC, PJK, PPN.</i> | <i>- <u>Pengerusi</u></i> |
| 2. | <i>Y.B. Dato' Haji Muda bin Mamat,
DPMT, PJK, PPN.</i> | |
| 3. | <i>Y.B. Dr. Abdul Wahab bin Ngah, SMT.</i> | |
| 4. | <i>Y.B. Haji Idris bin Mamat.</i> | |
| 5. | <i>Y.B. Encik Mohd Jidin bin Shafiee.</i> | |
| 6. | <i>Y.B. Haji Shafie bin Daud, PJK.</i> | |
| 7. | <i>Y.B. Haji Harun bin Taib.</i> | |
| 8. | <i>Setiausaha, Dewan Undangan
Negeri</i> | <i>- <u>Urusetia"</u></i> |

YANG BERHORMAT TUAN YAAKUB BIN ABDUL KADIR (Wakil Hulu Besut): Yang Berhormat Mulia Dato' Yang di-Pertua, saya memohon menyokong Usul itu.

Oleh kerana tidak ada Ahli-ahli Yang Berhormat yang hendak berucap, USUL ini kemudian dihadapkan kepada mesyuarat dan dipersetujui dengan suara terbanyak.

USULINI DITERIMA.

7 Jun 1995

RANG UNDANG-UNDANG

**ENAKMEN PERBEKALAN TAMBAHAN 1995 (NO. 1) 1995
(R.E. BIL.1/95)**

Bacaan Kali Yang Pertama

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI TAN SRI MENTERI BESAR: Yang Berhormat Mulia Dato' Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-Undang bernama Suatu Enakmen bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulanwang Disatukan untuk Perbelanjaan Tambahan bagi perkhidmatan tahun 1995 dan bagi memperuntukkan wang itu bagi maksud-maksud yang tertentu bagi tahun yang tersebut itu dibaca bagi kali yang pertama.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MUDA BIN MAMAT (Wakil Pengkalan Berangan): Yang Berhormat Mulia Dato' Yang di-Pertua, saya mohon menyokong cadangan itu.

**RANG ENAKMEN PERBEKALAN TAMBAHAN 1995 (NO.1) 1995
DIBACA KALI YANG PERTAMA.**

Bacaan Kali Yang Kedua

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI TAN SRI MENTERI BESAR: Yang Berhormat Mulia Dato' Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya Rang Enakmen Perbekalan Tambahan 1995 (No.1) 1995 dibaca bagi kali yang kedua.

Tujuan Rang Undang-Undang ini ialah untuk memberikan kuasa berkanun supaya beberapa pembayaran tambahan tertentu dibuat untuk perkhidmatan awam Negeri dalam tahun 1995 melebihi perbelanjaan yang dibenarkan oleh Enakmen Perbekalan (1995) 1994.

Tujuan lain ialah bagi membayar imbuhan kepada Ketua-ketua Kampung, bantuan elauan JKK dan juga untuk bayaran perkhidmatan iktisas dan lain-lain.

Saya kemukakan.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MUDA BIN MAMAT (Wakil Pengkalan Berangan): Yang Berhormat Mulia Dato' Yang di-Pertua, saya mohon menyokong cadangan itu.

7 Jun 1995

YANG BERHORMAT MULIA DATO' YANG DI-PERTUA: Terima kasih. Rang Enakmen ini telah mendapat sokongan bagi bacaan kali yang kedua, sekarang saya buka untuk perbahasan.

YANG BERHORMAT HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Berhormat Mulia Dato' Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Ahli-ahli Dewan, para Pegawai dan Pemerhati sekalian, assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Saya ingin mengambil kesempatan untuk membahaskan Rang Enakmen ini untuk memberi suatu peringatan pada Dewan yang mulia ini di mana seringkali Kerajaan menyatakan bahawa Kerajaan mempunyai/memiliki berbagai-bagai kepakaran dan berbagai-bagai jentera untuk menyiapkan Budget bagi tiap-tiap kali persidangan membincangkan soal Belanjawan. Tapi setiap tahun kita masa mula membahas dan membincangkan perbelanjaan ataupun Perbekalan Tambahan yang dikehendaki oleh pihak Kerajaan itu sendiri. Saya percaya bahawa perkara ini tidak boleh berlaku kalau sekiranya semasa menyiapkan Budget dahulu dibuat dengan cara teliti dan dengan cara yang baik. Saya perhatikan daripada jumlah RM471,631.00 yang dipohonkan untuk diluluskan oleh Dewan yang mulia ini adalah sejumlah RM303,500.00 daripada RM471,631.00, RM300,000.00 lebih adalah diperlukan kerana semasa menyiapkan Budget dulu terlupa diambil kira untuk dimasukkan ke dalam Budget. Yang terlupa hendak ambil kira sahaja RM300,000.00 lebih, jadi macam mana yang Kerajaan mendakwa bahawa dia mempunyai kepakaran dengan pegawai-pegawai yang membantu Kerajaan dalam menyiapkan Budget ini tapi sampai ke peringkat yang tertentu maka banyak perkara-perkara yang terlupa diambil kira.

Jadi ini suatu perkara yang kita hendak peringatkan supaya pada masa yang akan datang ia tidak berlaku. Ataupun sengaja ditulis dalam laporan ini mengatakan kerana terlupa mengambil kira ataupun kerana semata-mata semasa menyediakan Budget itu hendak mengurangkan kekurangan di dalam menyediakan Budget kerana pendapatan sekian, dan perbelanjaan sekian yang mungkin kalau semua ditulis, semua dicatit yang menyebabkan kekurangan begitu besar.

Yang Berhormat Mulia, Dato' Yang di-Pertua, saya mengingatkan kepada Dewan ini, suatu peringatan yang diperingatkan oleh Rasulullah S.A.W. -

إِذَا أَرَادَ اللَّهُ بِالْمِنْحَرِ خَيْرًا جَعَلَ لَهُ وَزِيرًا حَبْدَقٌ - إِنْ تَسْتَأْنِ ذَكْرَهُ -
وَإِنْ ذَكْرَ أَعْانَهُ - وَإِذَا أَرَادَ اللَّهُ بَيْرَمَ ذَلِكَ - جَعَلَ لَهُ وَزِيرًا سُوَءً
- إِنْ تَسْتَأْنِ كَمْ يَدْعُرُهُ - وَإِنْ ذَكْرَ لَمْ يَعْنِهُ

7 Jun 1995

Jadi Nabi menyatakan, 'Apabila Allah Taala menghendakki sesuatu kebaikan bagi seseorang pemimpin, Allah Taala mewujudkan baginya pembantu yang benar apabila ia lupa diperingatkan oleh pembantu dan apabila dia ingat, kerja-kerjanya dibantu oleh pembantu. Dan apabila Allah Taala menghendakki yang lain daripada itu dijadikan disediakan baginya pembantu yang bohong, dusta apabila ia lupa tidak diperingatkannya dan apabila dia ingat, tidak pula dibantu.'

Jadi Yang Berhormat Mulia, Yang di-Pertua, tidak seharusnya berlaku sebahagian besar daripada peruntukan tambahan itu disebabkan oleh terlupa atau ketinggalan diambil kira semasa menyediakan Budget. Sekian.

YANG BERHORMAT MULIA DATO' YANG DI-PERTUA: Ada lagi Ahli-ahli Yang Berhormat hendak bercakap? Jika tidak ada, saya minta pihak Kerajaan menjawab.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI TAN SRI MENTERI BESAR: Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, saya ucapan terima kasih kepada Wakil Manir yang telah berucap dalam membahas Rang Undang-Undang yang telah saya kemukakan sebentar tadi. Kita sedar bahwasanya walaupun kepakaran manusia setinggi mana sekalipun, ini semua terhad bagi kita makhluk. Sebab itu walau pandai kemuncak mana sekalipun, Allah S.W.T. telah berfirman -

وَمَا أَوْتَنَا مِنَ الْعِلْمِ إِلَّا لِيَعْلَمَ

Jadi, 'Kita rancang kadang-kadang juga tidak dapat kita sampai kepada apa yang kita rancang'. Apa yang kita minta ini bukan kerana dikatakan tidak kepakaran oleh pegawai-pegawai dan mereka sebagaimana yang telah dijelaskan semalam adalah daripada pegawai-pegawai yang cekap, tetapi perkara ini telah dibincang pada akhir tahun, jadi kenaikan dan sebagainya dan tidak sempat dibayar pada tarikh itu dan tidak dapat dimasuk di dalam Budget. Sebab itu kita perlu minta tambahan bagi menyelesaikan semua tuntutan dan perbelanjaan bagi tahun itu. Sekian, terima kasih.

Cadangan supaya Rang Enakmen ini dibaca bagi kali yang kedua kemudian dihadapkan kepada mesyuarat dan dipersetujui dengan suara terbanyak.

RANG ENAKMEN PERBEKALAN TAMBAHAN 1995 (NO.1) 1995
DIBACA KALI YANG KEDUA.

7 Jun 1995

Dalam Jawatankuasa

YANG BERHORMAT MULIA DATO' YANG DI-PERTUA: Mesyuarat sekarang menjadi Jawatankuasa.

**RANG ENAKMEN PERBEKALAN TAMBAHAN 1995 (NO.1) 1995
TELAH DITIMBANGKAN DARI SEFASAL KE SEFASAL DAN TELAH
DIPERSETUJUI TANPA PINDAAN DENGAN SUARA TERBANYAK.**

YANG BERHORMAT MULIA DATO' YANG DI-PERTUA: Mesyuarat balik semula.

Bacaan Kali Yang Ketiga

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI TAN SRI MENTERI BESAR: Yang Berhormat Mulia Dato' Yang di-Pertua, saya memaklumkan Rang Enakmen ini telah ditimbangkan dalam Jawatankuasa dan telah dipersetujui dengan tiada pindaan. Saya mohon mencadangkan supaya Rang Enakmen ini dibaca bagi kali yang ketiga dan diluluskan.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MUDA BIN MAMAT (Wakil Pengkalan Berangan):
Yang Berhormat Mulia Dato' Yang di-Pertua, saya mohon menyokong cadangan itu.

Cadangan supaya Rang Enakmen ini dibaca bagi kali yang ketiga kemudian dihadapkan kepada mesyuarat dan dipersetujui dengan suara terbanyak.

**RANG ENAKMEN PERBEKALAN TAMBAHAN 1995 (NO.1) 1995
DIBACA KALI YANG KETIGA DAN DILULUSKAN.**

YANG BERHORMAT MULIA DATO' YANG DI-PERTUA: Rang Enakmen ini diluluskan dan menjadi Enakmen Bilangan 1 Tahun 1995.

7 Jun 1995

**ENAKMEN PENDAFTARAN KERBAU/LEMBU 1995
(R.E. BIL.2/95)**

Bacaan Kali Yang Pertama

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MAMAT GHAZALEE BIN ABDUL RAHMAN (Wakil Langkap): Yang Berhormat Mulia Dato' Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-Undang bernama Suatu Enakmen Untuk Membuat Peruntukan Mengenai Pendaftaran Kerbau Lembu Dan Perkara-perkara Yang Berkaitan Dengannya dibaca bagi kali yang pertama.

YANG BERHORMAT ENCIK OTHMAN BIN DAUD (Wakil Ajil): Yang Berhormat Mulia Dato' Yang di-Pertua, saya mohon menyokong usul itu.

**RANG ENAKMEN PENDAFTARAN KERBAU/LEMBU 1995 DIBACA
KALI YANG PERTAMA.**

Bacaan Kali Yang Kedua

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MAMAT GHAZALEE BIN ABDUL RAHMAN (Wakil Langkap): Yang Berhormat Mulia Dato' Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya Rang Enakmen Pendaftaran Kerbau Lembu 1995 dibaca bagi kali yang kedua.

Rang Undang-Undang ini bertujuan ialah untuk mengadakan peruntukan-peruntukan bagi Pendaftaran Kerbau Lembu dalam Negeri Terengganu. Apa-apa perkara mengenai Kerbau Lembu hendaklah diperlakukan menurut peruntukan-peruntukan Rang Undang-Undang ini.

1. Bahagian I Rang Undang-Undang ini memperkatakan perkara-perkara permulaan. *Fasal 1* memperuntukkan bagi tajuk ringkas dan pemakaian Enakmen yang dicadangkan itu. *Fasal 2* mentakrifkan perkataan dan ungkapan tertentu yang digunakan dalam Rang Undang-Undang ini.
2. Bahagian II Rang Undang-Undang ini memperkatakan perkara-perkara mengenai pentadbiran. *Fasal 3* memperuntukkan bahawa Pendaftar adalah bertanggungjawab melaksanakan peruntukan-peruntukan Enakmen yang dicadangkan itu dan memberi kuasa kepadaanya untuk melantik pegawai pendaftaran. Pendaftar boleh juga memperwakilkan kuasa-kuasanya ...

7 Jun 1995

YANG BERHORMAT MULIA DATO' YANG DI-PERTUA: Yang Berhormat, sila duduk dahulu. Sekarang kita baru baca Rang Enakmen ini kali yang pertama. Barangkali Yang Berhormat patut huraikan itu dalam bacaan kali yang kedua.

YANG BERHORMAT ENCIK OTHMAN BIN DAUD (Wakil Ajil): Yang Berhormat Mulia Dato' Yang di-Pertua, saya mohon menyokong Usul tersebut.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MAMAT GHAZALEE BIN ABDUL RAHMAN (Wakil Langkap): Sambung? Saya sambung Dato' Yang di-Pertua.

2. Bahagian II Rang Undang-Undang ini memperkatakan perkara-perkara mengenai pentadbiran. *Fasal 3* memperuntukkan bahawa Pendaftar adalah bertanggungjawab melaksanakan peruntukan-peruntukan Enakmen yang dicadangkan itu dan memberi kuasa kepadaanya untuk melantik pegawai pendaftaran. Pendaftar boleh juga memperwakilkan kuasa-kuasanya kepada mana-mana pegawai pendaftaran dan dikehendaki menyenggarakan sejumlah daftar, buku dan lain-lain dokumen yang mencukupi yang dikeluarkan atau digunakan oleh Enakmen yang dicadangkan itu (*fasal 4 dan 5*). Daftar kerbau lembu, sijil pendaftaran, memorandum pindahmilik, sijil pembatalan pendaftaran diperkatakan di bawah *Fasal 6 hingga 9*. *Fasal 10* menghendaki pegawai pendaftar menyediakan dan menghantar kepada Pendaftar suatu penyata bulanan dan Pendaftar untuk mengumpul suatu ringkasan jumlah kerbau lembu dan perkara-perkara berhubung dengannya setiap tahun. *Fasal 11* memperkatakan mengenai fee yang hendak dikenakan di bawah Enakmen yang dicadangkan itu.

3. Bahagian III Rang Undang-Undang ini memperkatakan pendaftaran pertama. Pemunya mana-mana kerbau lembu berkewajipan mengemukakan butir-butir tentang kerbau lembunya bagi maksud pendaftaran kepada pegawai pendaftaran dan setelah kerbau lembu itu didaftarkan suatu sijil pendaftaran hendaklah dikeluarkan (*Fasal 12*). Suatu laporan hendaklah dibuat sekiranya Sijil Pendaftaran hilang atau musnah dan dalam keadaan sedemikian suatu salinan sijil yang perakuan akan dikeluarkan tertakluk kepada bayaran fee yang ditetapkan (*Fasal 13*). *Fasal 14* melarang dibuat apa-apa tanda, endorsan, catatan yang tidak dibenarkan dsb. di atas sijil pendaftaran. Di bawah *Fasal 15* pegawai pendaftaran mempunyai kuasa memeriksa mana-mana kerbau lembu atau dokumen.

4. Bahagian IV Rang Undang-Undang ini memperkatakan tentang kelahiran. Di bawah *Fasal 16* semua kelahiran hendaklah dilaporkan dan didaftarkan oleh pemunya mana-mana kerbau lembu dalam tempoh empat belas hari dari tarikh kelahiran tersebut. Apa-apa laporan atau pendaftaran kelahiran tersebut yang dibuat selepas tamat tempoh empat belas hari tetapi sebelum tamat tempoh tiga puluh hari dari tarikh kelahiran tersebut adalah tertakluk kepada bayaran fee yang ditetapkan (*Fasal 16 dan 17*). Pendaftaran kelahiran selepas tamat tempoh tiga

7 Jun 1995

puluhan hari hanya boleh dibuat dengan kelulusan bertulis Timbalan Pendaftar (*Fasal 18*). Apabila pendaftaran kelahiran mana-mana kerbau lembu dibuat suatu sijil pendaftaran hendaklah dikeluarkan (*Fasal 19*).

5. Perkara-perkara mengenai pemindahan pemunyaan mana-mana kerbau lembu diperkatakan dalam Bahagian V Rang Undang-Undang ini. *Fasal 20 dan 21* menghendaki tiap-tiap pemindahan pemunyaan mana-mana kerbau lembu sama ada secara jualan, pemberian atau apabila pemunya mati supaya didaftarkan.

6. Bahagian VI Rang Undang-Undang ini memperkatakan perpindahan kerbau lembu. *Fasal 22* antara lain memperuntukkan bahawa mana-mana pemunya yang berhasrat hendak memindahkan mana-mana kerbau lembu dari satu kawasan pendaftaran ke satu kawasan pendaftaran lain dalam daerah yang sama hendaklah melaporkan perpindahan tersebut kepada pegawai pendaftaran manakala *Fasal 23* memperuntukkan bahawa apa-apa perpindahan kerbau lembu dari satu daerah ke satu daerah yang lain atau ke dalam atau keluar negeri boleh dilaksanakan sekiranya ia dibenarkan masing-masing oleh Timbalan Pendaftar dan Pendaftar.

7. Bahagian VII Rang Undang-Undang ini memperkatakan kematian kerbau lembu. Antara lain ia menghendaki pemunya mana-mana kerbau lembu supaya melaporkan kematian kerbau lembunya kepada pegawai pendaftaran (*Fasal 24*).

8. Bahagian VIII Rang Undang-Undang ini memperkatakan penyembelihan kerbau lembu. *Fasal 25* menghendaki pemunya mana-mana kerbau lembu melaporkan kepada pegawai pendaftaran sekiranya dia berhasrat menyembelih kerbau lembunya. Mana-mana kerbau lembu yang dibawa masuk ke dalam negeri untuk disembelih dikehendaki supaya didaftarkan sebelum apa-apa permit penyembelihan boleh dikeluarkan (*Fasal 26*).

9. Sekiranya mana-mana pemunya kehilangan kerbau lembunya dia hendaklah melaporkan kehilangan tersebut kepada pegawai pendaftaran dan apabila laporan itu dibuat pendaftaran kerbau lembu ini hendaklah dibatalkan. Ini diperuntukkan dalam *Fasal 27* Bahagian IX Rang Undang-Undang ini.

10. Kesalahan-kesalahan di bawah Enakmen yang dicadangkan itu diperkatakan di bawah Bahagian X Rang Undang-Undang ini. Bahagian ini antara lain memperuntukkan bagi kesalahan-kesalahan berkaitan dengan daftar, maklumat palsu, dan keenggan menjawab apa-apa soalan, menyerah dokumen atau memberi maklumat (*Fasal 28 hingga 30*). *Fasal 31* menghendaki izin bertulis Pendakwa Raya supaya dikeluarkan bagi pendakwaan mana-mana kesalahan di bawah *Fasal 28 dan 29*. *Fasal 32* memberi kuasa kepada Pendaftar, Timbalan Pendaftar dan pegawai pendaftaran yang diberi kuasa khas bagi maksud itu oleh Pendaftar untuk mengkompaun mana-mana kesalahan di bawah seksyen 31.

7 Jun 1995

11. Bahagian XI Rang Undang-Undang ini memperkatakan peruntukan-peruntukan am. *Fasal 33* memperuntukkan bahawa Pihak Berkuasa Negeri boleh membuat kaedah-kaedah untuk melaksanakan peruntukan-peruntukan Enakmen yang dicadangkan itu dan *Fasal 34* memberi kuasa kepada Pihak Berkuasa Negeri meminda peruntukan-peruntukan Jadual.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan kewangan tambahan.

Sekian Dato' Yang di-Pertua, saya mencadangkan.

YANG BERHORMAT MULIA DATO' YANG DI-PERTUA: Terima kasih.

YANG BERHORMAT ENCIK OTHMAN BIN DAUD (Wakil Ajil): Yang Berhormat Mulia Dato' Yang di-Pertua, saya mohon menyokong Usul tersebut.

YANG BERHORMAT MULIA DATO' YANG DI-PERTUA: Rang Enakmen ini telah mendapat sokongan bagi bacaan kali yang kedua dan saya buka bagi perbahasan. Siapa hendak bercakap?

YANG BERHORMAT HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Berhormat Mulia Dato' Yang di-Pertua, Ahli-ahli Dewan. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Saya ambil peluang juga untuk membicarakan soal Enakmen Kerbau Lembu, Undang-Undang Kerbau Lembu. Pendaftaran kerbau dan lembu - bagi pendaftaran lembu memang kita mungkin terlewat sikit. Di India lama dah, lembu ini beranak kena report beranak. Tapi kita baru hendak daftar. Walau bagaimanapun memang saya percaya Kerajaan ada tujuan dan matlamat yang baik di dalam mengadakan Enakmen ini. Pertama saya hendak menarik perhatian bahawa Kerajaan selalu membicarakan bila kita bercakap satu Rang Undang-Undang atau sesuatu rancangan pihak Kerajaan sendiri selalu menyatakan tentang situasi dan keadaan mengizin, memerlukan ataupun tidak. Saya ingin menarik perhatian kepada keadaan pemeliharaan kerbau dan lembu di Negeri Terengganu ini, di mana kita dapatti bahawa di kawasan-kawasan terutama kawasan pedalaman. Sahabat saya Wakil daripada Bukit Besi barangkali lebih arif, bagaimana lembu-lembu dan kerbau-kerbau ini dipelihara dengan tidak ada penjagaan, dilepas begitu saja. Tidak ada padang ragut yang khusus. Begitu juga sahabat saya daripada Hulu Terengganu, wakil daripada Telemong lebih arif daripada saya. Jadi kalau daripada Manir hendak pergi ke Kuala Berang itu dipenuhi dengan minyak tar yang kedua, lapisan yang kedua. Minyak yang pertama itu bagus tapi lapisan yang kedua itu satu membawa bau yang tidak baik.

7 Jun 1995

Yang Berhormat Mulia Dato' Yang di-Pertua, bila kita membicarakan soal pendaftaran lembu dan kerbau ini, tempoh yang kita beri ialah selama 14 hari untuk didaftarkan dan kalau lewat kena denda. Lewat lagi kena denda lagi. Dan kena beli borang yang lebih mahal lagi kalau lewat. Yang Berhormat Mulia Dato' Yang di-Pertua, keadaan sekarang jika sekiranya Rang Undang-Undang ini diluluskan dan dikuatkuasakan dalam jangkamasa yang singkat dan sedikit ini memang mendatangkan banyak kesulitan pada pemunya atau pemilik-pemilik kerbau dan lembu di seluruh Negeri Terengganu ini. Sebahagian besar di kawasan-kawasan pedalaman kerana cara yang ada sekarang sukar bagi seorang pemilik lembu ini hendak tahu lembu dia beranak bila? Sebab lembu di duduk merata-rawa dalam hutan. Kerbau dia pun duduk merata dalam hutan. Lebih-lebih lagi saya katakan Bukit Besi dan Hulu Terengganu. Di lain mungkin lebih sihat sikit. Jadi bagaimana dalam keadaan kerbau dia, lembu dia duduk dalam hutan, yang dipelihara dengan tidak terkawal ini, tiba-tiba lembu dia beranak dia tidak tahu lembu dia beranak. Dia jumpa-jumpa, anak lembu sudah besar dah, lewat pendaftaran - kena beli borang mahal pulak. Jadi Kerajaan dalam membentangkan Enakmen ini tidak mahu menerima apa-apa implikasi kewangan. Hatta hendak cetak borangpun, kena tuan lembu juga kena bayar. Kalau saya bilang-bilang, kira-kira duit beberapa jenis borang daripada seekor lembu daripada mula dia beranak sampai dia kena sembelih - RM21 habis. Padan beli borang sahaja. Beli borang habis RM21, kalau campur-campur, dalam keadaan-keadaan yang tertentu. Jadi oleh sebab itu, Yang Berhormat Mulia Dato' Yang di-Pertua, apakah Kerajaan mempunyai jangkamasa yang tertentu untuk menguatkuasakan undang-undang. lagi pula, memang dari satu sudut kita rasa, bahawa manfaatnya ada. Kerana mungkin kita dapat mengetahui beberapa ekor lembu yang beranak pada bulan ini dan berapa ekor kerbau yang beranak bulan hadapan dan berapa ekor kerbau pula yang mati dan kalau tidak cukup lembu mungkin kita boleh cari lembu daripada Australia dan sebagainya, dari satu sudut. Tetapi satu sudut yang lain, bila daftar sahaja, lembu ini tidak ada gambar. Tidak tahu lembu siapa, boleh jadi tukar jugak. Orang ini pergi report lembu dia beranak, orang ini pergi report lembu dia juga beranak. Sehari dalam satu kampung itu sepuluh orang pergi report lembu dia beranak. Kalau lembu dia itu tidak beranak, dia report beranak saja, lembu ramai tapi bila mati tak ada orang hendak mengaku. Takdok harga, jadi masalah. Jadi sebab itu saya nampak saya hendak bahas panjang-panjangpun saya tidak ... Malas jugak cara bab kerbau lembu ini tapi kepentingan orang ramainya yang saya nampak dalam Enakmen ini masih ada kekurangan. Sepatutnya dia pukul gambar, dia buat kad pengenalan, ikat dekat leher lembu ini ... (KETAWA) ikat leher kerbau ini. Jadi barulah orang yang pergi report beranak ambil gambar dia daftar, ambil gambar baru hilang, hilang sungguh. Kalau beranak, beranak sungguh.

Yang ada sekarang ini, yang saya tahu dalam hutan, bila ada seekor kerbau mati tidak ada orang mengaku, takdok. Dia kata 'kerbau saya tidak mati, kerbau saya tak mati, kerbau saya tidak mati, kerbau saya tidak mati'. Tapi bila pergi 'igat', baru dia kata kerbau dia - ini masalah. Jadi kalau tidak pukul gambar, tidak buat kad pengenalan, Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, perkara ini banyak benda lagi tidak boleh selesai. Orang kata kes kerbau kena curi, bila dia buat laporan polis, kerbau dia kena curi. Kerbau dia sekian-sekian, beranak tarikh

7 Jun 1995

lahir sekian. Tapi walaupun tahu tarikh lahir, sifat-sifat kerbau itu, tak kenal jugak. Nanti nak cari tidak jumpa jugak. Sebab itu kalau kerbau kena curi, report polis, polis tidak boleh buat apa, tidak boleh cari, sebab takdok kad pengenalan, gambar tak ada. Jadi oleh sebab itu, Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, saya minta jasa baiklah, pihak Kerajaan, pihak Yang Berhormat yang bentang Rang Undang-Undang ini supaya boleh menerima pandangan saya supaya mesti ada kad pengenalan. Masa report mula-mula beranak sehingga tumbuh tanduk sejengkal, pukul gambar sekali. Lebih pada sejengkal, pukul gambar pulak, baru tidak bertukar. Kerbau itu bertukar dengan kerbau-kerbau orang, dengan lembu-lembu orang. Ini satu perkara yang saya rasa, saya hendak bercakap panjangpun, saya rasa saudara-saudara lebih arif. Saya rasa tujuan dan matlamat itu baik tetapi dengan Rang Undang-Undang ini, tidak lengkap. Tidak dapat mencapai matlamat dan tujuan yang sepatutnya. Jadi, kalau pihak Kerajaan rasa berbaik hati maka saya beri pandangan boleh kita tambah biar ada satu fasa yang laian membicarakan tentang mula-mula daftar kena ada gambar sekian. Bila sudah umur 5 bulan, dah tumbuh tanduk kena ambil gambar sekali lagi, tukar kad pengenalan pulak. Umur setahun

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MAMAT GHAZALEE BIN ABDUL RAHMAN (Wakil Langkap): Ambil gambar dengan tuan-tuan dia sekalilah.

YANG BERHORMAT HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Boleh. Gambar tuan, gambar kerbau, gambar apalah. Pokoknya kerbau tidak boleh bertukar, lembu itu tidak boleh bertukar. Kalau sekiranya Kerajaan baik hati, rakyat atau pemunya-pemunya lembu dan kerbau ini jangan dibebankan dengan bayaran - borang itu mahal sangat. Kita cetak borang tidak berapa sen, tidak berapa duit. Zamat sekarang ini zaman canggih, alat cetakan kita banyak, Percetakan Kerajaan ada. Tapi kita jual RM4, jual RM2. Jadi nampak sangat Kerajaan hendak cari pitih dengan rakyat ini, itu dia.

Jadi ini, ini kita kata kalau dulu kami Parti PAS kami minta derma, kami minta dengan secara hormat. Ini cara tidak langsung rampas pitih, suruh daftar lembu - kena bayar borang pulak. Wallahu'alam.

YANG BERHORMAT MULIA DATO' YANG DI-PERTUA: Campur dengan gambar, banyak pulak pitih lagi.

YANG BERHORMAT HAJI AWANG BIN ABDUL JABAR (Wakil Bukit Besi): Yang di-Pertua, cakap sikit.

YANG BERHORMAT MULIA DATO' YANG DI-PERTUA: Sila.

7 Jun 1995

YANG BERHORMAT HAJI AWANG BIN ABDUL JABAR (Wakil Bukit Besi): Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak ambil peluang dan hendak menyokong Rang Undang-Undang ini dan untuk menarik perhatian Dewan atas satu-dua perkara sahaja mengenai Rang Undang-Undang ini. Rang Undang-Undang ini terlalu baik bagi kita di Negeri Terengganu sekarang. Rang Undang-Undang ini memulakan satu noktah ataupun satu titik permulaan bagi memulakan memelihara hidup-hidupan di dalam negeri kita ini secara yang baik dan teratur. Selama ini barangkali kita tidak ada peraturan. Macam orang-orang PASlah, dia tidak ada peraturan. Dia nak gomol, mana-manapun dia gomol, tetapi sekarang ini kita buat peraturan ini insya-Allah keadaan kerbau lembu di dalam negeri kita ini akan terkawal dan lebih berdisiplin, hatta di Bukit Besipun.

Tuan Yang di-Pertua, masa depan ataupun prospek pemeliharaan kerbau lembu ini sehingga dapat kita implemenkan Rang Undang-Undang ini tentulah besar benda. Ianya bukan saja melibatkan perkara-perkara pendaftaran tetapi soal-soal yang lain yang relevan dan lebih vital daripada soal-soal ini termasuk soal-soal perancangan negeri yang lebih besar daripada sekarang untuk meningkatkan perusahaan kerbau lembu ataupun hidup-hidupan di negeri kita ini. Jadi oleh hal demikian, menerusi Rang Undang-Undang ini barangkali menerusi bab am, bahagian am, perkara-perkara am, kita boleh menyediakan aktiviti-aktiviti penternakan negeri kita ini mengikut Dasar Pertanian Negara dan beberapa peraturan Kerajaan yang lain bagi tujuan penyelaras termasuk Pejabat Tanah, termasuk Pejabat Haiwan, termasuk Pejabat Perhutanan dan lain-lain lagi. Ianya tidak terhenti semata-mata kepada soal pendaftaran ini semata-mata kerana kalau kita hendak daftar biar lembu banyak, biar kerbau banyak. Hendak kerbau banyak, hendak lembu ramai, sudah tentulah berhajat kepada satu sistem ataupun kaedah penternakan yang sempurna. Dan apabila kita hendak mengadakan ini Tuan Yang di-Pertua, sudah tentulah melibatkan agensi-agensi yang saya sebutkan baru sebentar. Jadi soal itu kita boleh buat barangkali menerusi peraturan-peraturan jabatan di bawah Bahagian 21 - Am ini.

Kemudian sedikit 'remark' ataupun 'lahazah' dari saya mengenai cara pendaftaran sijil. Saya tak sangat bersetuju dengan Yang Berhormat daripada Manir itu. Tetapi ada, ada tertanya-tanya juga saya hendak buat macam mana kita hendak bagi sijil ataupun hendak bagi geran. Kalau kereta kita asaskan kepada 'chasis', nombor dia itu. Jadi kita hendak asas kepada - kalau barang dia tu sama belaka hak mana-mana pun. Kita hendak buat macam mana. Hendak asas kepada kuku, hendak asas daripada mana, itu satu. Kemudian yang kedua, boleh kita ini Tuan Yang di-Pertua, bukan kita tidak boleh atasi. Kita boleh atasi dengan bab am ini juga iaitu kalau kita - ada dalam borang-borang ini ada mukim, ada daerah, barangkali kita boleh satu kaedah ataupun sistem memberi sijil ataupun pendaftaran ini kita buat macam kereta jugaklah - Kalau C - Pahang, T - Terengganu, D - Kelantan dan berbagai-bagai lagi kita pakai kod nombor dia. Besut kita hendak pakai apa - B, BT ke, BST ke? Jadi kita cop dari awal-awal lagi supaya benda itu tidak hilanglah. Kalau setakat gelang, subang, rantai dia akan hilang.

7 Jun 1995

Inipun barangkali sukar jugaklah tetapi boleh kita rekalah cara mana untuk hendak mempastikan yang lembu yang kita daftarkan itu dan kerbau yang kita daftarkan itu, itu juga lembu dan kerbaunya. Maknanya apa yang kemusykilan yang akan timbul insya-Allah akan dapat kita atasi. Dengan cara ini barulah kekemasan, kesempurnaan akta yang akan kita luluskan sekejap lagi akan dapat dimanfaatkan oleh rakyat seluruhnya. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

YANG BERHORMAT HAJI ROSLAN BIN HAJI AWANG CHIK (Wakil Ladang): Dato' Yang di-Pertua, saya ingin menyata juga di dalam Rang Undang-Undang ini. Oleh kerana sebahagian daripada riwayat hidup sayapun 13 tahun di dalam kerbau lembu. Sesungguhnya, tujuan dan hasrat pihak Kerajaan mengadakan Rang Undang-Undang ini amat tepat sekali. Ini memandangkan bahawa manfaatnya lebih baik, banyak jauh lebih baik daripada apa yang ada sekarang. Khususnya dari segi sosio ekonomi sahaja, kita dapat mengawal ternakan-ternakan ini daripada penyakit-penyakit yang berjangkit. Apatah lagi kalau ianya merupakan penyakit-penyakit 'zunotik', dengan izin, penyakit-penyakit yang boleh berjangkit daripada ternakan haiwan kepada manusia. Tapi apa yang lebih penting lagi ialah dalam kita hidup hari ke hari supaya kita mengetahui dalam kaedah-kaedah kita, dalam kita mengetahui bahawa kerbau lembu ini merupakan kerbau lembu kita dapat mengetahui dengan cara semasa ia dilaporkan kelahirannya. Iaitu dengan menggunakan satu sistem atau dua sistem yang saya tahu iaitu satu dipanggil 'tatoo', dengan izin, dan satu lagi diletak di telinga dipanggil 'ear tag'. Dan di sitolah terletaknya nombor-nombor kad pengenalan orang Manir ke, orang Wakaf Mempelam ke, orang Batu Burok, ada belaka. Hatta di Bukit Besi mahupun di Hulu Telemong. Begitulah cara-cara hendak memperkenalkan. Tidak payah ambil gambar, tidak payah apa-apa, hanya letak nombor saja, macam nombor motokar kita. Tapi dalam kajian ini, saya percaya hasrat sebagaimana yang disokong oleh pihak Pembangkang bahwasanya hasrat pihak Kerajaan untuk mengadakan Rang Undang-Undang ini begitu baik sekali oleh kerana dari segi penyakitnya tentu sekali kita tidak mahu penyakit-penyakit daripada lembu berjangkit di antara satu sama lain. Apatah lagi khususnya kalau lebih sering kita kedengaran penyakit kuku dan mulut yang begitu membimbangkan dari segi penyakit-penyakit yang akan merosakkan ekonomi ternakan negara kita. Dari segi kawalan penyakit-penyakit, dari segi kawalan penyakit di antara ternakan dengan ternakan lain, daripada ternakan ke manusia dan sebagainya. Ini merupakan satu Rang Undang-Undang yang dapat mengetahui hak daripada mana, siapa daripada, ternakan siapakah yang membawa penyakit-penyakit itu. Dan kawalan-kawalan daripada 'movement', daripada pindahan daripada satu tempat ke satu tempat yang lain semuanya akan juga mengawasi pindahan-pindahan penyakit-penyakit ini. Apa yang lebih penting lagi khususnya apabila kita manusia khususnya sering akan berlanggar ataupun menempuh accident-accident dengan ternakan-ternakan. Apabila ternakan ini dirempuhi ataupun oleh kereta-kereta nescaya tuan empunya tidak mahu lagi mengaku bahawa ternakan itu merupakan ternakan mereka. Dengan adanya pendaftaran ini saya percaya pihak insurans harus mengetahui cara mana untuk menuntut kembali kerosakan-kerosakan yang ada oleh kerana kita mestilah tidak mahu lagi ada ternakan-

7 Jun 1995

ternakan kita didera sebagaimana kedengaran di warta berita ada anak-anak yang didera sekarang ini. Saya percaya Rang Undang-Undang ini akan membawa satu ekonomi yang lebih baik dan satu masyarakat yang lebih berwaspada terhadap ternakan. Sekian, terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MAMAT GHAZALEE BIN ABDUL RAHMAN (Wakil Langkap): Saya mengucapkan terima kasih kepada ketiga-tiga Ahli-ahli Yang Berhormat daripada Manir, Bukit Besi dan juga Ladang yang telah membahaskan Enakmen ini. Kepada Ahli Yang Berhormat Manir, saya suka menyatakan fasa dia ada berguraulah, jadi saya hendak bergurau dengan dia dan minta ditimbangkan kata-kata saya ini. Saya hendak menyatakan iaitu manusia bukan kerbau lembu, kerbau lembu bukan manusia. Pentadbiran kerbau lembu boleh ikut pentadbiran manusia mana yang sesuai. Pentadbiran manusia tidak boleh ikut pentadbiran kerbau lembu mana yang tidak sesuai tetapi boleh dibuat seperti pentadbiran kerbau lembu mana yang sesuai. Jadi ini fasal kad pengenalan dan sebagainyalah.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua ...

YANG BERHORMAT HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Berhormat Mulia Dato' Yang di-Pertua, saya minta penjelasan - Saya tadi bukan bergurau, saya pada pandangan saya kalau tujuan dan matlamat kita lebih jelas lagi macam yang dicakapkan oleh Yang Berhormat Wakil daripada Ladang, kalau berlaku accident, langgar lembu, tuan lembu tidak mengaku. Kalau kita pakai nombor saja, tuan lembu pergi kerat nombor itu, tidak jumpa cari juga. Tetapi kalau kita ada gambar, dia tidak boleh lari - gambar, itu kerbau dia. Jadi Yang Berhormat Dato', maksud saya bukan bergurau, walaupun kita ada cita-cita dan matlamat yang baik maka ke arah merealisasikan dan menjayakan cita-cita matlamat yang baik itu mesti cara-cara dia jugaklah - baik. Jadi saya beri pandangan, kalau Kerajaan tidak mahu terima, kerajaan ...

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MAMAT GHAZALEE BIN ABDUL RAHMAN (Wakil Langkap): Terima kasih, Dato' Yang di-Pertua. Bagi manusia digunakan kad pengenalan, bagi kerbau lembu dipakai cacar sebagaimana peruntukan di bawah ini dan tidak boleh pakai kad pengenalan bagi kerbau lembulah.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua bagi menjelaskan lagi perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat semasa membahaskan Enakmen ini, saya suka menyatakan iaitu sebenarnya pada masa ini sebanyak 3 buah negeri yang lain sudahpun memakai undang-undang ini. Yang pertamanya, Negeri Kelantan, keduanya Negeri Kedah dan yang ketiganya Negeri Perlis. Sekarang bagi Negeri Terengganu kita insya-Allah sekiranya diluluskan kita akan pakai Enakmen ini. Tujuan kita mengadakan Enakmen ini ialah untuk mengatasi sebarang kesulitan untuk mendapatkan informasi secara tepat akan kedudukan kerbau lembu di Terengganu. Maklumat ini amat penting, perlu bagi merancang program-program pembangunan industri

7 Jun 1995

ternakan di Negeri ini. Tujuannya itu di antara lain ialah bagi mengawasi populasi lembu kerbau bagi tujuan pertumbuhan dan juga bancian. Yang keduanya, bagi mengawasi perpindahan bagi satu tujuan di bawah peruntukan Rang Undang-Undang ini ialah bagi mengelak penyeludupan ternakan dan juga bagi tujuan mengawal penyakit. Yang seterusnya, tujuannya itu ialah untuk mengenalpasti tuanpunya supaya program peningkatan kualiti dapat dijalankan dan juga untuk mengawal, mengenalpasti ternakan yang terbiar dan juga untuk mengelakkan kecurian supaya di dalam kes-kes ternakan terbiar, kecurian, tuanpunya akan dapat dikenalpasti. Di antara lain juga tujuannya itu ialah untuk penentuan pembahagian harga pesaka. Bila mana tuanpunya mati maka melalui identifikasi kerbau lembu itu dan juga bila mati tuanpunya harta pusaka terhadap kerbau lembu itu akan dapat dilaksanakan. Selain daripada itu mungkin sedikit sebanyak ia mendatangkan hasil kepada Kerajaan Negeri. Bukanlah menjadi matlamat Kerajaan Negeri untuk hendak kutip hasil dengan terlaksananya Enakmen ini. Bagi Negeri Terengganu ini bukanlah matlamatnya ini mungkin bagi Kerajaan Pas di Kelantan, ini matlamatnya kerana mengikut statistic yang ada pada saya melalui Enakmen ini, kutipan hasil yang diperolehi Negeri Kelantan ialah sebanyak RM317,000 pada tahun 1994. Kalau kita tengok kadar-kadar fee yang dicadangkan untuk digunakan mengikut peruntukan, mengikut yang dicadangkan di bawah Rang Enakmen ini bagi Negeri Terengganu bagi Pendaftaran sebanyak RM2.00, Lewat Pendaftaran RM3.00, Lambat Pendaftaran RM4.00, bagi Pindahmilik RM2.00. Di Kelantan, bagi yang lewat kena RM5.00. Bagi Permit Sembelih di Terengganu RM2.00, di Kelantan kena RM5.00. Jadi Dato' Yang di-Pertua, matlamat kita melaksanakan Rang Undang-Undang ini bukan untuk kutip hasil.

Selain daripada itu juga saya suka menjelaskan lagi tujuan Rang Undang-Undang ini sebagaimana yang dibangkitkan oleh Ahli daripada Ladang dan juga Bukit Besi itu rasional Enakmen ini, sama ada Enakmen ini membawa faedah rasional atau tidak untuk dilaksanakan maka penting kerana Enakmen ini ada rasionalnya dan mempunyai objektif-objektif dan faedah-faedah yang baik. Yang pertama sekali bagi bancian ternakan, bilangan kerbau lembu akan lebih tepat dan terperinci. Pada masa ini tidak ada bancian langsung untuk menentukan populasi kerbau lembu. Dengan mengawasi perkembangan kerbau lembu, Kerajaan akan dapat meningkatkan perkembangannya dan pertumbuhan semasa juga dapat dirancang dan dipastikan. Misal kata, masa ini kita anggarkan iaitu pertumbuhan pada masa ini sekadar 2% tetapi ada kalanya tepat atau tidak menimbulkan masalah. Dan pada masa yang akan datang kita hendaklah meningkatkan pertumbuhan populasi kerbau lembu ini, kita memerlukan kepada maklumat. Kita berhajat hendak meningkatkan populasi, pertumbuhan populasi kerbau lembu pada masa yang akan datang kepada 5% atau 6% setahun, jadi ini akan membantu kita.

Yang kedua rasional dari segi pengawalan penyakit, Dato' Yang di-Pertua dari segi sejarah banyak penyakit ternakan dibawa masuk melalui penyeludupan ternakan dari negara jiran umpamanya penyakit Kuku dan Mulut, Tuberculosis, Liver Float iaitu Cacing Hati dan

7 Jun 1995

sebagainya. Kebanyakan penyakit ini pernah pun ada di Malaysia tetapi dalam keadaan terkawal. Mana-mana penyakit yang belum pernah wujud di sini mungkin boleh dibawa seperti Random Pest dan sebagainya, ini saya tak berapa pandai hendak sebut.

Yang ketiganya Dato' Yang di-Pertua, dari segi rasionalnya Enakmen ini boleh meningkatkan kualiti kerbau lembu yang menjadi matlamat kepada kita di Negeri Terengganu. Ini dapat dihasilkan melalui proses election ataupun pemilihan. Asing-singkirkan iaitu carling, up-grading dan cross breeding (pengkacukan). Pengenalan seseekor lembu, pengenalan amat penting bagi tujuan ini. Semasa kini, Terengganu memiliki beberapa jenis breed lembu Kelas Pedaging 'Kedah-Kelantan' (K.K.), Limousine, Brahman, Cherole daripada United States, Dropmaster daripada Australia dan sebagainya. Bagi Kelas Tenuus pada kita mempunyai Local Indian Cattle yang dianggap sebagai lembu tempatan 'Frishian Sahiwal' hasil kacukan jenis daripada Pakistan dan Belanda seterusnya. Proses pengkacukan ini boleh berlangsung dengan cara kahwin buatan atau pemindahan janin dan sebagainya. Dalam proses ini juga mana-mana lembu jantan yang kurang produktif akan dapat dikemilikan bagi memberi tumpuan kepada hanya pertumbuhan berat badan ataupun growth dan tidak dibiakkan. Ini bermakna tali salur penghantaran spermatoza dipotong, lembu yang dikemilikan akan menghasilkan tumbeser yang baik dan lebih jinak.

Yang keempatnya rasioanal bagi Enakmen ini ialah bagi mengatasi masalah ternakan terbiar sebagaimana yang dikatakan oleh Ahli daripada Ladang. Enakmen ini akan memberi maklumat tentang tuanpunya lembu yang mungkin berkeliaran, tindakan susulan akan dapat mendisiplinkan para pemunya lembu menzonkan ternakan, menghalalkan daging lembu yang dihasilkan dan mewujudkan suasana muhibah di kalangan jiran tetangga. Hakikatnya semua orang boleh memiliki lembu tetapi tidak semua orang boleh menjadi penternak lembu.

Sekian, Yang Berhormat Mulia Dato' Yang di-Pertua sebagai memperjelaskan perkara yang dibangkitkan tentang Enakmen ini. Terima kasih.

YANG BERHORMAT MULIA DATO' YANG DI-PERTUA: Terima kasih.

Cadangan supaya Rang Enakmen ini dibaca bagi kali yang kedua kemudian dihadapkan kepada mesyuarat dan dipersetujui dengan suara terbanyak.

RANG ENAKMEN PENDAFTARAN KERBAU LEMBU 1995 DIBACA BAGI KALI YANG KEDUA.

7 Jun 1995

Dalam Jawatankuasa

YANG BERHORMAT MULIA DATO' YANG DI-PERTUA: Mesyuarat sekarang menjadi Jawatankuasa.

RANG ENAKMEN PENDAFTARAN KERBAU LEMBU 1995 TELAH DITIMBANG DARI SEFASAL KE SEFASAL DAN TELAH DIPERSETUJUI TANPA PINDAAN DENGAN SUARA TERBANYAK.

YANG BERHORMAT MULIA DATO' YANG DI-PERTUA: Mesyuarat balik semula.

Bacaan Kali Yang Ketiga

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MAMAT GHAZALEE BIN ABDUL RAHMAN (Wakil Langkap): Yang Berhormat Mulia Dato' Yang di-Pertua, saya memaklumkan Rang Enakmen ini telah ditimbangkan dalam Jawatankuasa dan telah dipersetujui dengan tiada pindaan. Saya mohon mencadangkan supaya Rang Enakmen ini dibaca bagi kali yang ketiga dan diluluskan.

YANG BERHORMAT ENCIK OTHMAN BIN DAUD (Wakil Ajil): Yang Berhormat Mulia Dato' Yang di-Pertua, saya mohon menyokong cadangan itu.

Cadangan supaya Rang Enakmen ini dibaca bagi kali yang ketiga kemudian dihadapkan kepada mesyuarat dan dipersetujui dengan suara terbanyak.

RANG ENAKMEN PENDAFTARAN KERBAU LEMBU 1995 DIBACA BAGI KALI YANG KETIGA DAN DILULUSKAN.

YANG BERHORMAT MULIA DATO' YANG DI-PERTUA: Rang Enakmen ini diluluskan dan menjadi Enakmen Bilangan 2 Tahun 1995.

7 Jun 1995

**ENAKMEN PERUNTUKAN DI RAJA (PINDAAN) 1995
R.E. BIL.3/95**

Bacaan Kali Yang Pertama

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir): Yang Berhormat Mulia Dato' Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-Undang Bernama Suatu Enakmen Bagi Meminda Enakmen Peruntukan Di Raja, 1959 dibaca bagi kali yang pertama.

YANG BERHORMAT HAJI ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Yang Berhormat Mulia Dato' Yang di-Pertua, saya mohon menyokong cadangan itu.

**RANG ENAKMEN PERUNTUKAN DI RAJA (PINDAAN) 1995 DIBACA KALI
YANG PERTAMA.**

Bacaan Kali Yang Kedua

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir): Yang Berhormat Mulia Dato' Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya Rang Enakmen Peruntukan Di Raja (Pindaan) 1995 dibaca bagi kali yang kedua.

Tujuan Rang Undang-Undang ini ialah untuk meminda Enakmen Peruntukan Di Raja, 1959 untuk mengadakan tambahan bagi peruntukan-peruntukan mengenai musyaharah dan elauan elauan Duli Yang Maha Mulia Sultan dan Duli Yang Maha Mulia Tengku Ampuan Besar.

Implikasi Kewangan: Rang Undang-Undang ini akan melibatkan Kerajaan, Perbelanjaan Wang Tambahan setakat yang dinyatakan dalam fasil 2, Yang Berhormat Mulia Dato' Yang di-Pertua.

YANG BERHORMAT HAJI ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Yang Berhormat Mulia Dato' Yang di-Pertua, saya mohon menyokong cadangan itu.

Oleh kerana tidak ada Ahli Yang Berhormat yang hendak berucap cadangan supaya Rang Enakmen ini dibaca bagi kali yang kedua kemudian dihadapkan kepada mesyuarat dan dipersetujui dengan sebulat suara.

**RANG ENAKMEN PERUNTUKAN DI RAJA (PINDAAN) 1995 DIBACA BAGI
KALI YANG KEDUA.**

7 Jun 1995

Dalam Jawatankuasa

YANG BERHORMAT MULIA DATO' YANG DI-PERTUA: Mesyuarat sekarang menjadi Jawatankuasa.

**RANG ENAKMEN PERUNTUKAN DI RAJA (PINDAAN) 1995 TELAH
DITIMBANGKAN DARI SEFASAL KE SEFASAL DAN TELAH
DIPERSETUJUI TANPA PINDAAN DENGAN SEBULAT SUARA.**

YANG BERHORMAT MULIA DATO' YANG DI-PERTUA: Mesyuarat sekarang balik semula.

Bacaan Kali Yang Ketiga

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir): Yang Berhormat Mulia Dato' Yang di-Pertua, saya memaklumkan Rang Enakmen ini telah ditimbangkan dalam Jawatankuasa dan telah dipersetujui dengan tiada pindaan. Saya mohon mencadangkan supaya Rang Enakmen ini dibaca bagi kali yang ketiga dan diluluskan.

YANG BERHORMAT HAJI ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Yang Berhormat Mulia Dato' Yang di-Pertua, saya mohon menyokong cadangan itu.

Cadangan supaya Rang Enakmen ini dibaca bagi kali yang ketiga kemudian dihadapkan kepada mesyuarat dan dipersetujui dengan sebulat suara.

**RANG ENAKMEN PERUNTUKAN DI RAJA (PINDAAN) 1995 DIBACA BAGI
KALI YANG KETIGA.**

YANG BERHORMAT MULIA DATO' YANG DI-PERTUA: Rang Enakmen ini diluluskan dan menjadi Enakmen Bilangan 3 Tahun 1995.

7 Jun 1995

T A N G G U H A N

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI TAN SRI MENTERI BESAR: Yang Berhormat Mulia Dato' Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya Persidangan Dewan ditangguhkan kepada suatu masa yang akan ditetapkan kemudian.

YANG BERHORMAT MULIA DATO' YANG DI-PERTUA: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, sekarang saya tangguhkan Persidangan Dewan ini kepada suatu masa dan tarikh yang akan ditetapkan kemudian.

MESYUARAT TAMAT PADA PUKUL 3.50 PETANG.